"21. Pemimpin dan pejuang yang hanya ingin disukai ramai dan kerana itu sanggup membiar bangsanya menjadi kolot dan hina, bukanlah pemimpin yang sayang bangsanya. Mereka hanyalah oportunis yang sanggup gadai bangsa sendiri asalkan mereka dapat kekalkan kedudukan mereka. Mereka ini bukan nasionalis dalam erti kata sebenar."

"Beliau akan bertanding di Permatang Pauh".
By John on August 10, 2008 11:23 PM

malas nak komen. Siapa yang tutup semua sekolah Inggeris sebelum ini?
By KITT on August 10, 2008 11:29 PM

Salam Tun,
Saya juga sokong Sains & Matematik diajar dlm Bahasa Inggeris kerana untuk mendalami ilmu serta teknologi terkini yang dikuasai oleh barat kita terlebih dahulu perlu mendalami Bahasa Inggeris...Jepun amat bangga dengan bahasanya tp jgn lupa bahawa dia mempunyai cerdik pandai yang mahir dlm Sains & Teknologi hingga dapat mengeluarkan buku2 tentang Sains & Teknologi salam bahasa Jepun tp bagaimana dengan kita...Saya dapat lihat sewaktu saya belajar di UTM dari tahun 1996 - 1999 dimana buku2 rujukan berkaitan kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris dan ramai rakan2 saya yang terkial-kial kerana tidak begitu fasih serta memahami Bahasa Inggeris & ada di antara mereka yang gagal...
By CrunchnowAuthor Profile Page on August 10, 2008 11:30 PM

Wow Saya dari dulu hingga sekarang sangat setuju bila Tun mengarahkan pengajaran matapelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Sepatutnya di semua universiti. Tun memang berwawasan dan berpandangan jauh.

Semoga Tun sehat dan sentiasa dapat memberi idea-idea yang bernas. Semoga diberkati Allah SWT selalu

http://www.crunchnow.com
By khairulnazri75 on August 10, 2008 11:31 PM

Assalammualaikum..

semoga Tun sihat sejahtera sepanjang masa dan diberkati oleh ALLAH SWT.
Saya amat setuju dengan pandangan Tun dalam hal ini. Bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi dunia dan ianya tidak boleh dinafikan. Bahasa Inggeris juga menjadi satu asset penting dalam diri orang melayu yang ingin bersaing dalam perlumbaan mengejar cita-cita mereka.
Pada pendapat saya kepada mereka yang kurang setuju tentang penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam matapelajaran Sains Dan Matematik adalah kerana mereka sendiri sebenarnya yang tidak dapat menguasai bahasa tersebut dalam menyampaikan pembelajaran didalam kelas. Akan tetapi jika mereka benar-benar memberikan komitment bersungguh-sungguh maka kejayaan dikalangan pelajar dalam menguasai bahasa Inggeris bagi matapelajaran sains dan metamatik akan dapat dilihat.

Jika tidak dimulakan diperingkat sekolah menengah ini... bila lagi kita hendak mulakan.. adakah pelajar ini mampu bersaing dengan kaum lain nanti diperingkat universiti dalam menguasai bahasa Inggeris??

- Pada pendapat saya, berikan sahaja kursus intensif B.I dan cara berkesan mengajar sains & matematik dalam B.I untuk guru terlibat.

- Jika masih lagi murid disalahkan kerana tidak dapat menguasai/memahami B.I dalam matapelajaran tersebut, maka "check & audit" oleh Nazir sekolah perlu dilakukan untuk menilai semula pengajaran B.I dari tahun 1 hingga 6 dan Tinkatan 1 hingga 5 diseluruh sekolah di malaysia dan penyelidikan mesti dilakukan untuk mencari dimana silapnya mengapa murid-murid masih lagi tidak boleh menguasai bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah, sedangkan mereka telah didedahkan dengan matapelajaran bahasa Inggeris selama 6 tahun disekolah rendah.....

Maka, pada pendapat saya.., GURU jugalah harus lebih proaktif dalam menjayakan Misi ini. Tiada alasan seharusnya kedengaran untuk menjayakan misi mengajar sains & matematik dalam B.Inggeris ini.
Jika masih lagi ada alasan kedengaran maka sesuatu mesti dilakukan dalam System pendidikan itu agar ianya mampu melahirkan pelajar cemerlang.

- Kepada pemimpin2 yang oportunis diluar sana..., cepat cepatlah buat sesuatu... takkan nak suruh orang kejutkan kamu dari tidur baru tindakan nak dibuat.....-
By bisnessmanAuthor Profile Page on August 10, 2008 11:37 PM

Salam Tun dan keluarga.
semoga bahagia selalu..saya menyokong penuh pandangan TUN bg saya sebagai pelajar, saya menghadapi kesukaran ketika penukaran science subject dari BM ke BI,
Ketika itu saya di matrikulasi,ternyata banyak lagi rakan2 saya yang terkandas. Mereka begitu hero dalam BM setelah sekian lama belajar subject ini dlm bahasa melayu. Kemudian secara tiba2 polisi kerajaan menetapkan subjek2 ini ditukar kepada pengajaran dlm BI, Result matrik org melayu hancur teruk. Pratusan pelajar cemerlang menurun. Untuk masuk medik hanya perlu dpt 3.7 kerana tidak ramai yang dpt 4 flat tambahan lagi org melayu. Bangsa cina menguasai universiti terkenal di malaysia. Kebanyakan org melayu hanya mampu masuk universiti kelas kedua di malaysia.
Namun ini suatu cabaran sebenarnya. Saya adaptasikan..dan sesuaikan walaupn saya tewas namun kini kebiasaan dalam BI bertambah. Saya semakin agak kurang biasa dalam penulisan BM. Tp biasalah benda ini terjadi apabila penulisan kita telah terbiasa dlm suatu2 bahasa. BI merupakan kepentingan sekarang. Rakyat malaysia seharusnya memahami dan mengikuti arus perubahan.
Hilangkanlah sikap yang susah menerima perubahan.
http://fierul.blogspot.com
By sam on August 10, 2008 11:42 PM

Assalamua'laikum WARAHMATULLAH TUN,
bagi saya bahasa Inggeris tu penting kalau nak ke luar negara sahaja tapi untuk bahasa pengantar di sekolah mungkin tak berapa sesuai la Tun terutama sekali utk budak luar bandar.Juga maasyarakat kita belum bersedia utk menerima penukaran secara drastik. Sebelum ni bahasa pengantar di sekolah dlm bahasa ibunda pun ramai murid melayu ketinggalan apatah lagi bahasa pengantar di dalam bahasa Inggeris , makin ramai la Tun. Saya tak nafikan bahasa Inggeris tu penting, tapi kita mungkin ada cara lain utk setanding dgn negara maju yang lain.Contoh , kita lihat sahaja Jepun, Perancis & Russia , mereka berjaya tanpa menukar bahasa ibunda mereka kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah sebaliknya org luar yang perlu belajar bahasa mereka Tun...sekian sahaja komen saya Tun iaitu komen pertam saya sebab saya baru je daftar dalam Tun punya blog. Wassalam Tun.
By vinnan on August 10, 2008 11:43 PM

Tun,

Unfortunately, you are probably one of the very few malay politicians left in this country who understands the need to master the English language. I hope the government will continue with the teaching of Math and Science in English but I do not see much hope.
Let me illustrate my reason here. 13 years ago I met my Malay school mate whom I used to play football and hockey with. His name is Salleh. Out of habit I spoke to him in English as I used to during our school days.
He immediately put a stop to it by telling me not to speak English to him as it had been a long time since he spoke the language. Naturally, I started speaking to him in Malay instead. Not long after meeting him I met another schoolmate of mine and it was not fong before I mentioned how our mutual Malay friend has now forgotten how to speak English. My friend however told me the reason Salleh does not speak English anymore was because he was a target of ragging and torture by his seniors of the RMC. Salleh was abused because he spoke and wrote English well as he was from a missionary school. The abuse got so bad Salleh suffered a mental breakdown and he had to leave the college. Now, these same seniors have their equivalents in the universities of Malaysia. These same people are now the ones in control of the government machinery today.

Tun, with your stature and will you were able to get the policy going. Badawi does not possess anything close to your foresight and determination. About the only thing Badawi is determined to do is hang on to power and make his friends and relatives richer than ever. Tun, please knock some sense into our educationist. You are our only hope.
By amirfikrieAuthor Profile Page on August 10, 2008 11:44 PM

Tun,

Saya menyokong penuh pengajaran matapelajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Pada hemat saya, penguasaan bahasa inggeris terutamanya yg bersangkutan dengan sains dan teknologi akan membolehkan rakyat kita mencedok ilmu pengetahuan yg datangnya dari luar dengan lebih efektif. Ini adalah langkah yg praktikal memandangkan ilmu sains merupakan cabang ilmu yg sentiasa berkembang.

Namun jika dilihat dari aspek nasionalisme, kita mendapati orang-orang kita pada peringkat professional kurang menunjukkannya berbanding dengan bangsa-bangsa maju lain yg mempunyai harga diri yg tinggi. Mereka sepatutnya berusaha untuk mengembangkan ilmu yg mereka peroleh di dalam bahasa kita untuk tujuan pembinaan tamadun. Bangsa Jepun pun dahulu banyak mencedok ilmu dari luar tetapi kini mereka telah mencapai 'self-sufficiency' untuk maju dalam sains dan teknologi mengikut rentak mereka. Lantas kebergantungan kepada bahasa asing dapat dikurangkan.

Disyorkan bahawa bahasa asing digunakan untuk penimbaan ilmu, dan sesudah itu bahasa kebangsaan untuk pengembangan ilmu.

Sekian,
Amir Fikrie
By Devi on August 10, 2008 11:44 PM

Dear Sir

I am glad you have written about teaching science and maths in English in our schools. The policy when introduced and even now, is much needed for Malaysia which in the future should aim to move towards being knowledge workers and creators.While the recent move to revise the policy maybe politically motivated, there are genuine problems faced by many students and teachers in embracing science and maths in English. The teachers themselves are a product of an education system (from primary to tertiary) that may have left them ill equipped to deliver the curricula in English, and the students based on their parents socio economic status have to deal with poor delivery by teachers or lack of understanding in basic english. As I also have school going children, I find the texts books (especially the CD-ROMS) uninteresting, and does not motivate or guide children to do futher reading up or web search. This surely must be one of the benefits of teaching our children in English as most of the learning resources (website/references book / magazine/ videos) for science and maths are in english. Hence while the policy was needed, the delivery was not managed well.
The current goverment should not revise a much needed policy hastily, for example, have efforts been made to train and motivate teachers for science and maths (there are many local graduates with BSc, thay may find difficulty in securing jobs, can't the goverment train them in educational techniques and employ them). Improve the learning resources , the teaching styles, schools should engage with parents to get more buy in.
In addition to teaching science and maths in english, children from rural areas especially should also be encouraged to partipate in ECAs that will enhance their communication skills (drama, singing, debating etc). Many harp that rural children are left out with this policy, I feel with or without the policy these kids are left out, we need to build confidence and improve their communication skills.

Hence before the ministry surrenders and makes a U turn on the policy, carefully weigh the implications.

So thanks Tun for writing on this matter.

Di zaman persekolahan saya, buku sejarah menceritakan tentang keagungan kerajaan Melayu dimana Bahasa Melayu menjadi lingua franca, walaupun rupa saya bukan Melayu, sebagai rakyat Malaysia saya menerima dan menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kekayaan Bahasa Melayu tidak akan dilupakan, tetapi untuk kemajuan negara, sains harus diajar dalam Bahasa Inggeris.

Thanks
By bib on August 10, 2008 11:45 PM

Assalamualaikum Dearest Tun,

'TIADA KATA SEINDAH BAHASA'

Good day Tun !!
By Borneo islandAuthor Profile Page on August 10, 2008 11:46 PM

Moga Tun berada dalam keadaan sihat walafiat.

Saya amat bersetuju Matematik dan Sains digunakkan dalam bahasa Inggeris. Sebagaimana tun katakan kita perlu mempelajari bahasa asing untuk memperkukuhkan ilmu. Langkah menggunakkan bahasa Inggeris ini dalam subjek berkenaan serba sedikit dalam memperkukuhkan penggunaan bahasa inggeris di kalangan generasi masa kini.Di harap ini akan di teruskan masa yang akan datang.

dr
Borneo Man
By Tunteja on August 10, 2008 11:47 PM

Tun,
Tiada salahnya memperkasakan bhs melayu.Tiada salah juga menguasai bhs Inggeris sbg bhs ilmu.Sebenarnya pelajar yang lemah akan tetap lemah sekalipun ilmu itu diajar dalam bhs melayu.
Situasi 1-Seorang rakan bercerita bagaimana dia terpaksa meminta pertolongan rakan guru bhs Inggeris utk menyiapkan tugasan yang diberi pensyarah semata-mata krn dia tak fasih berbahasa Inggeris.Di belakangnya,rakan ini merungut kerana dia turut bersubahat menipu agar dapat membantu.Jika tidak,PJJ sahabat apa nak jadi??
Situasi 2 -Seorang ibu pula bercerita bahawa dia terpaksa membantu anaknya yang sedang belajar di IPT membuat tugasan dalam bahasa Inggeris kerana anaknya hanya lulus subjek ini dalam SPM.Nasib baiklah ibunya lepasan sekolah inggeris!
Untuk renungan: Lebih baik anak kampung diberi peluang dalam program PPSMI ini daripada terlepas peluang yang hanya akan dibolot oleh anak orang bandar dan orang berada sahaja. Sampai bila nak menipu dan mengharapkan pertolongan orang lain ??
Kita semua mesti sabar,pembelajaran seumur hidup dan bukannya sekelip mata. Saya menyokong program ini kerana tidak mahu anak saya menerima nasib seperti saya. Saya gembira kerana anak saya sudah mula menunjukkan perubahan positif.Peranan saya ialah belajar bersama-sama anak untuk menguasai bahasa tersebut.Kita sanggup membeli pakaian dan perhiasan mahal.Rugikah melanggan akhbar inggeris setiap hari jika kita mahu membantu?

SALAM HORMAT TUN.
By Mohd Suhaimi on August 10, 2008 11:47 PM

Assalamualaikum Ybhg. Tun,
Saya ingin bersetuju dengan Tun ttg perkara ini tapi hakikatnya apa yang difikirkan tidak begitu. Mengapa negara jepun dan Korea malah negara-negara lain lebih kehadapan dalam bidang sains berbanding dengan negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris seperti negara India dalam sistem pembelajarannya? Masyarakt Malaysia adalah masyarakat yang berbilang kaum. Adakah kita akan menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa perpaduan bukan lagi bahasa melayu/malaysia seperti yang pemimpin-pemimpin sebelum YBhg Tun lakukan? Bagi saya tidak ada cacat celanya sistem pelajaran yang telah diikuti sebelum ini. Tiada masalah untuk pelajar-pelajar menceduk ilmu dan tidak hinanya menggunakan bahasa melayu atau apa-apa bahasa sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu/Malaysia tidak menjadi penghalang untuk mendapatkan ilmu dan ini boleh dilihat dengan bilangan siswazah yang dikeluarkan oleh Univ.Kebangsaan dan Universiti yang lain yang mengunakan bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar. Mengapa kita bimbang rakyat kita tak reti berbahasa inggeris sebab kita semua bukan nak kerja sebagai saintis atau ahli matematik. Tahu berbahasa inggeris tak

mestinya pelajar tu cerdik kerana kecerdikan itu bergantung kepada IQ dan usaha seseorang. Kita perlu membetulkan persepsi kita bahawa untuk mendapatkan ilmu tidak kira apa bahasa kita perlu pelajari dan selain dari itu janganlah kita lupa meletakkan nilai ekonomi, nilai pengetahuan ke atas bahasa kita supaya ia menjadi bahasa yang kaya yang orang lain merasakan perlu mempelajarinya sama. Sesungguhnya bahasa jiwa bangsa.
By AloQStaQAuthor Profile Page on August 10, 2008 11:47 PM

Assalamualaikum Tun yang disayangi kami, Rakyat Malaysia ...

Kami sebagai rakyat yang faham dengan apa yang Tun lakukan selama ini untuk Tanahair dan anak Bangsa, sejak pengumuman Tun dulu mengenai pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, kami senantiasa sokong Tun sehingga hari ini ...

Bukan sokongan membuta tuli, tetapi sokongan yang timbul dari kesedaran bahawa bangsa Melayu adalah antara yang paling lemah penguasaan Bahasa Inggerisnya ... berbanding dengan bangsa Cina dan India ... Ini adalah jelas, apabila Melayu agak mudah diterima (dengan sedikit faktor keistimewaan) dalam sektor Awam ... KERANA sektor awam tidak berapa mementingkan penguasaan Bahasa Inggeris (kecuali dalam bidang-bidang tertentu), CONTOH MUDAH : nak jadi Kerani di sektor awam tidaklah perlu sangat tahu bertutur/menguasai Bahasa Inggeris dengan mendalam .... TETAPI! Nak jadi kerani di sektor SWASTA (terutamanya sektor/syarikat pegangan BUKAN BUMIPUTERA) sudah pasti BAHASA INGGERIS adalah satu keutamaan .... jadi, anak Melayu akan ketinggalan ... Ini baru saya bagi contoh KERANI. Bukan lagi bidang lain yang lebih mencabar -> ARKITEK / JURUAUDIT / QUANTITY SURVEYOR / AKAUNTAN / PEGAWAI PEMASARAN / ETC,ETC .... Banyakkk lagi anak Melayu ketinggalan kerana lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris! ...

Jadi, apa yang Tun lakukan selama ini adalah demi kebaikan masa depan bangsa Melayu dan secara tidak langsung ia meliputi kepada seluruh Bangsa-Bangsa Di Malaysia ( Cina, India, Iban, Kadazan etc,etc) ... Nah! inilah yang dikatakan pemikiran kritis yang ada objektif dan halatuju! Hasilnya mungkin akan dapat dituai 20tahun yang mendatang ... ini yang Tun cuba lakukan terhadap seluruh generasi pelapis .... Tetapi, sayangnya idea hebat ini disalahertikan oleh pihak-pihak yang bencikan Tun. Seolah-olah apa yang Tun cuba lakukan ini boleh merosakkan anak-anak generasi pelapis ... seolah-olah Tun bukan pejuang sebenar dalam memartabatkan Bahasa Melayu ... Inilah alasan musuh-musuh Tun yang tidak melihat sudut pemikiran Tun seperti yang kami lihat.

Terima kasih Tun Dr.M dan Tun.Siti Hasmah ... kalian berdua selama 22 tahun memberi tuah kepada kami di bumi Malaysia... kami amat berbangga dengan Tun berdua, semoga terus sihat, panjang umur dalam Iman dan ceria selalu. Amin!...

Doa Ikhlas dari saya dan para bloggers,
Khas untuk Tun berdua ...

AloQStaQ

http://AloQStaQblog.blogspot.com
By man2462Author Profile Page on August 10, 2008 11:49 PM

salam,
apakah bangsa melayu sudah bersedia untuk menguasai bahasa inggeris?
apakah bangsa melayu sudah bersedia untuk menguasai ilmu sains?
apakah bangsa melayu sudah bersedia untuk menguasai ilmu matematik?
kuasailah bahasa inggeris dahulu.
pastikan penekanan bahasa inggeris dilipatgandakan terlebih dahulu.
sistem pebelajaran di malaysia selalu berubah bila pemimpin bertukar.
fikir-fikirkan
wahai anak bangsa melayu..!

By cikgu_ip86Author Profile Page on August 10, 2008 11:58 PM

Assalamulaikum Tun,

Saya merupakan pelajar tahun akhir yang mengikuti ijazah sarjana muda pendidikan di sebuah IPTA di Johor.Buat pengetahuan Tun,banyak rakan-rakan saya membuat kajian dan tesis tentang pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeis.Kajian yang dilakukan melibatkan pelajar luar bandar dan pelajar bandar.Analisis yang diterima pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris di kalangan pelajar di bandar terutamanya Sekolah Berasrama Penuh yang kebanyakannya pelajar luar bandar sangat selesa dan boleh mengikuti pembelajaran dalam bahasa inggeris.Tetapi pelajar di luar bandar terutamanya di Felda,kebanyakannya para pelajar tidak mampu menguasai pembelajaran dalam bahasa inggeris.Dalam hal ini ada banyak kesimpulan dan rumusan yang boleh dilakukan.Bagi kalangan pelajar luar bandar,bukan mereka tidak pandai,tetapi "bahasa inggeris" itu sendiri membuatkan mereka takut untuk memahami matematik dan sains.Bagi saya sangat rugi jika pelajar tersebut gagal menguasai bahasa inggeris tetapi gagal dalam matematik dan sains.

Saya menyokong perlaksanaan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris kerana saya bersetuju dengan pendapat Tun.Tetapi perlaksanaanya mungkin harus diubah bagi golongan pelajar terutamanya di kawasan luar bandar dapat menguasai bahasa inggeris,matematik dan juga sains.Selain itu, saya turut berpendapat agar guru-guru turut membantu dasar tersebut.Mungkin bagi pembelajaran sekolah rendah,pelajar mendapat asas yang cukup dalam matematik dan sains dalam bahasa melayu dan bagi sekolah menengah diajar dalam bahasa inggeris.Itu pendapat saya.Saya pada masa hadapan juga menjadi bakal pendidik,saya tidak mahu pelajar saya tercicir kerana sebab bahasa inggeris..
By khairulnazri75 on August 11, 2008 12:00 AM

Tun

Laporan Mahathir (1985)

Pada bulan september 1974, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri, Dr, Mahathir Mohamad. Laporan ini bertujuan:

Untuk mengkaji semula matlamat-matlamat dan keberkesanan sistem pendidikan yang diamalkan sekarang, dengan tujuan memastikan keperluan tenaga manusia negara dipenuhi dalam jangka pendek dan jangka panjang di samping untuk memastikan sistem pendidikan ini memenuhi matlamat negara untuk melahirkan masyarakat yang bersatu, berdisiplin dan terlatih.

(Laporan Mahathir, 1976)

Tujuan laporan ini adalah sama dengan apa yang didapati dalam laporan Husein Onn. Matlamat utama tidak lain dan tidak bukan untuk menyatupadukan rakyat seperti yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1961. Sebagai langkah utama alat perpaduan ialah pendidikan. Input penting dalam pendidikan ini ialah bahasa. Oleh itu aspek bahasa telah menjadi penekanan. Dalam Laporan ini matlamat pendidikan bahasa Malaysia (Bahasa Melayu) sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi utama dan bahasa untuk menyatukan rakyat haruslah lengkap dan jelas supaya guru-guru mendapat gambaran yang sebenar sebagai panduan pengajaran harian mereka.

Dalam laporan ini kursus bahasa Malaysia dalam perkhidmatan kepada guru-guru harus dikaji semula dan penilaian terhadap keupayaan mereka yang telah mengikuti kursus tersebut harus dijalankan secepat mungkin. Kedudukan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tetap dijamin. Ada dua tujuan bahasa Inggeris diajar diinstitusi pendidikan pada waktu itu:

Untuk membolehkan murid-murid menggunakan bahasa tersebut dalam kerja dan aktivitinya.

Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka untuk digunakan bagi tujuan pendidikan tinggi.

........
By IZGAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:01 AM

Salam Tun. Saya harap dan sentiasa berdoa agar Tun sekeluarga berada di dalam keadaan sihat wal'afiat & diredhai Allah swt sentiasa. Saya (dan juga isteri saya yang kebetulan pernah mengajar matapelajaran sains dan matematik suatu ketika dahulu)turut sama bersetuju dengan polisi mengajar matematik dan sains di dalam Bahasa Inggeris. Ia merupakan strategi yang membawa 2 kebaikan besar iaitu 1. dari segi isi kandungan sains dan matematik itu sendiri dan 2. dari penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri. Perihal yang pertama itu Tun telah menghuraikannya dengan baik sekali. Perihal yang kedua itu, saya sendiri sedang membantu seorang anak Melayu yang dipinggirkan oleh majikan di mana beliau bekerja semata-mata kerana beliau tidak fasih berbahasa Inggeris. Saya yakin ramai anak-anak Melayu kita berada di dalam keadaan yang sama. Anak Melayu tersebut telah melalui alam persekolahan di mana pendedahan kepada bahasa Inggeris amat terbatas. Begitu juga semasa beliau menuntut di salah sebuah IPTA tempatan. Beliau amat kecewa sekali kerana tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Berbalik kepada isu pengajaran sains dan matematik di dalam bahasa Inggeris, saya berpendapat kalau polisi tersebut di tarik balik semata-mata atas tekanan pihak-pihak tertentu yang terlalu sempit pemikiran mereka maka tergugatlah masa depan anak-anak bangsa kita kelak. Saya harap mereka yang menentang fikir sebaik mungkin apa yang telah Tun kongsi bersama dalam artikel kali ini dan sama-sama memastikan anak-anak bangsa kita dapat menguasai bahasa Inggeris dengan sempurna. Wslm.
By lottalove on August 11, 2008 12:01 AM

perbezaan ketara dalam pengajian di malaysia pada masa kini adalah kerana kurangnya karisma dari seorang guru. lebih kepada emosi telah menyebabkan anak murid teruji dan tercabar. dan guru sekarang sentiasa mengelak cabaran dari muridnya. masalah sosial adalah masalah emosional murid dan ini merupakan satu cabaran kepada guru. tetapi guru sekarang sentiasa mencari tindakan secara terus untuk menangani masalah ini, bermakna guru telah mengelak untuk menyahut cabaran muridnya. perbezaan ini berlaku kerana pada masa dahulu guru lelaki lebih ramai dari guru perempuan.
By kuthe2 on August 11, 2008 12:02 AM

Ampun TUN,

About English for Maths and Science..

I totally agree with the decision..

Tapi...........

Cikgu- cikgu dan Guru- guru kena la benar- benar terror laaa.... Terror bahasa Inggeris laa...

Kalo tak...... kesian anak- anak.. Sebab cikgu pun tak brapa faham macam mana anak murid nak Faham..?

Bahasa English ni Internasional.. Muahahhehehe.. Jadi memang kita kena Menguasai bahasa ini.....

Kalo tak kita dok kena TIPU ngan Omputih...

SAYA SARAN KAN supaya: Semua anak- anak Malaysia belajar semua bahasa.. HAHAHAHA..

MELAYU
ENGLISH
TAMIL
dan MANDARIN.. Kalo nak HOKKIEN pun bole laaa...

Supaya kita rapatkan jurang bahasa dan komunikasi diantara rakyat.. dan ahli negara..

Cuba teka.. Kalo Cina jumpa Cina depa cakap ja.. Kita dah tak paham..
Tapi kalo kita cakap depa paham sebab bahasa kebangsaan...

Macam tu juga dengan India.. So best kalo bole menguasai banyak bahasa...

Tun bole communicate brapa bahasa.?

Tapi best of the best Bahasa Arab...! Sebab senang nak faham isi Al- Quran..

Take care TUN..

Melayu Unite.!

Salam perjuangan

Alif Ba Ta
By Mag MAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:04 AM

Making the decision to teach Maths and Science in English was the wisest and best decision YB has ever made even though it was not very popular with the Malays as well as some Chinese Educationist. If the rural students, especially the Malays are having problems coping with English, I suggest that the government spend money and bring in native English speakers to teach them. However, this must start from young. The younger, the better. Maybe include another subject in English so that the children are more exposed to the language. Instead of giving up and going back to teaching in Bahasa, the government should try to overcome this problem and really help these students. How are you going to help the rural Malays if you do not teach them well in the English language so that they can be competitive in this fast moving world? By switching back to Bahasa, the government is only signing their doom. If the government is sincere in helping the rural Malays, then do more to make sure they succeed in learning Maths and Science in English.
By beskal_biruAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:04 AM

Assalamualaikum Tun,
Ketika tahun pertama dan kedua belajar di negara Matahari Terbit dalam bidang kejuruteraan, saya sering menghadapi masalah dalam memahami ilmu Matematik, Sains Kejuruteraan yang diajar dalam bahasa Jepun. Pensyarah menyarankan saya merujuk kepada buku-buku rujukan yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Saya faham bahasa Inggeris, tetapi penggunaan istilah saintifik dalam Inggeris membuatkan saya sukar untuk mengaitkannya dengan apa yang telah dipelajari di bangku sekolah. Saya terfikir, bertuahnya mereka yang sedang di bangku sekolah sekarang ini. Mereka diberi pendedahan kepada matapelajaran Sains dan Matematik dalam Inggeris. Pada saya, belajar dua subjek ini dalam Inggeris adalah tindakan yang bijak. Mungkin menjelang tahun 2020 nanti kita tidak perlu bergantung kepada buku rujukan dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa lain. Kita dapat menulis sendiri ilmu-ilmu ini dalam bahasa Melayu. Cuma pendapat peribadi saya, pensyarah Malaysia tidak berminat menghasilkan buku. Harap dapat dilakukan sesuatu untuk masalah ini
By asampedas on August 11, 2008 12:06 AM

Tun,
1.Saya bimbang mereka-mereka yang menentang penggunaan BI itu antaranya disebabkan perasaan rendah diri disebabkan mereka sendiri tidak boleh mengusai BI dengan baik. Jadi diwar-warkan, kononnya atas semangat nasionalisme, kita mesti tolak pengajaran BI bagi subjek-subjek tersebut.Tindakan sedemikian dapat menutup kelemahan mereka.
2.Kegagalan pengusaan BI antara faktor yang menyebabkan ramai pegawai- pegawai tinggi kerajaan, khususnya pegawai-pegawai Melayu, tidak dapat berinteraksi dengan efektif apabila menghadiri seminar,forum,mesyuarat dll.yang menggunakan BI samada dalam negara atau luar negara.

3.Keadaan ini ,jika dibiarkan berterusan, akan memberikan kesan yang negatif kepada negara dalam usaha untuk menonjolkan diri sebagai negara yang boleh dijadikan contoh,khususnya disegi pembangunan.Apa tidaknya,pegawai-pegawai yang menjadi jurucakap negara sering berdiam diri kerana 'malu'bercakap!
3.Penting diingat keturunan lain di Malaysia, selain Melayu, menguasi sekurang-kurangnya satu bahasa lain selain bahasa ibunda mereka.
4.Sebenarnya pelajar-pelajar Melayu sepatutnya diwajibkan menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa lain selain bahasa ibunda.Mengapa tidak bahasa-bahasa Tamil atau Mandarin sebagai permulaannya!
By ibnuyusofAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:06 AM

Salam Tun,

Saya hendak sentuh mengenai subjek Bahasa Inggeris itu sendiri. Saya rasa syukur kerana saya dan isteri telah belajar dalam aliran Inggeris. Isteri saya kini seorang guru yang mengajar Bahasa Inggeris. Mungkin ini antara faktor mengapa anak-anak kami tidak ada masalah dari segi membaca, menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Bukan setakat boleh malah alhamdulillah sentiasa dapat A. Pada saya, anak-anak Melayu boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan baik malah lebih baik dari bangsa lain. Belajar apa bahasa pun memanglah amat berguna dan amat bagus, kalau boleh hingga dapat menguasai berpuluh-puluh bahasa. Bangsa Melayu akan jadi lebih hebat dan menguasai banyak ilmu jika dapat menguasai banyak bahasa.

http://www.megasutra.com
By AudiAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:09 AM

Assalamualaikum Tun,
Semoga Tun bahagia selalu.

Audi
By khairulnazri75 on August 11, 2008 12:10 AM

kepada muhammad suhaimi 10Aug 11.47pm.

Maka jadilah kita orang melayu seperti dalam iklan di TV.. sok kalau mat salleh datang sini tanya "can you show Where is National Monument?" then you jawab la.. dengan lidah you yang kelu lagi gabra.. "aaa....aaa...aaa... You go straight... don't belok-belok.. please tanya my chinese friend sebelah I nie... I tak paham la You cakap apa?" --

- lagi satu untuk muhammad suhaimi.. cubalah tanya mereka yang lepasan UKM tu... macamana mudah mereka ingin bersaing dengan bangsa lain di luar sana?. berbanding dengan lepasan Uitm.....
pls check..
tq
By bob on August 11, 2008 12:14 AM

Tun,
You went to a Government English School. Your English is impeccable so is your BM. But that does not make you any less Malay.

I was from the last batch at school in the late 70's to have subjects taught in English. I went to University 5 years later meaning I had to be in the batch where my classmates were taught in BM in their schools. English had to be taught at University level! I was exempted from that class as I did well in it. The lectures of other subjects were in BM but reference books were in English. I was made a translator for my friends. I could see how disadvantaged they were.

It is late for the conversion but its the best thing you did before you leave the Government. I hope it stays that way.

English has to be a core subject. The language breaks so much barrier whether in education, employment or social. It brings the people of different race and religion together if not so much for the fardhu kifayah.
By Mag MAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:15 AM

Another thing that I would like to add is "Who says Malays cannot master English?"

Just look at the older generation of Malays. Most of them that I know speak very good English, including those who are from the rural areas. It is only the younger generation that cannot speak proper English and that includes most younger generation Chinese and Indians these days.
By Suzaku_V on August 11, 2008 12:16 AM

Assalamualaikum YB TUN.

Saya suka untuk beri pendapat bagi tajuk ni.

Melayu mudah lupa.

Itu kata2 Tun dahulu. Ramai yg kita lihat pada zaman ini yg namanya Melayu, ibu bapanya

Melayu tapi rupanya langusng tak macam Melayu dan perangai pun sama. Bila diberi ilmu untuk

belajar dan berbakti pada bangsa tapi tidak jadi lupa diri.

Saya suka kalau pelajaran menggunakan bahasa ilmu tapi bagaimana dgn pemahaman. ketika kecil

darjah 1 hingga 5 adalah waktu untuk menetapkan foundation dan perlu fokus pada pemahaman.

saya rasa lebih baik menggunakan bahasa ibunda.

bila disekolah menengah barulah digunakan dalam bahasa inggeris tapi bukan sepenuhnya. jika

terlalu menekankan bahasa inggeris akan terjadilah senario melayu lupa diri.

saya rasa pelajaran boleh digunakan dalam bahasa inggeris tetapi dari segi pemahaman perlu

untuk kedua-dua bahasa. apa guna tahu menyebut tapi tak tahu intipati apa yg diajar. 'Copy

and paste' akan menjadi budaya pelajar. Peperiksaan tip top, real life hancur.

Kenapa tidak tesis pelajar dibuat dalam dua-dua bahasa dan peperiksaan juga begitu. kalau

seseorang benar2 faham ilmu diajar, tak akan ada masalah untuk menterjemahkannya.

Kenapa tidak soalan dalam bahasa inggeris dan jawapan dalam bahasa melayu atau

sebaliknya.inilah ujian sebenar untuk pemahaman.

DBP juga kena main peranan. setiap perkataan inggeris perlu ada penterjemahan dan dibukukan

untuk rujukan pelajar dan menjadi standard untuk semua pelajar menggunakan perkataan yg

sama.

Perihal jargon pula bukanlah sukar. jadi seperti org jepun, untuk memahami sesuatu ilmu

sains, perkataan asing dari bahasa inggeris, jerman dan belanda digunakan dalam ayat bahasa jepun supaya pelajar tahu makna kegunaanya. Bukan dengan menggunakan ayat dalam bahasa asal ilmu tersebut dan untuk melakukanyan adalah mustahil kerana asal perkataan dari bahasa yg berlainan. Bila ada perkataan yg sesuai barulah di tukar sepenuhnya.

Apa yg penting bahasa melayu kena berkembang selari dngan perkembangan ilmu.

Apa yg dilakukan maharaja Qin semasa menakluki keseluruhan China? Beliau mewujudkan satu tulisan yg standard tak kira dialek apa yg dipertuturkan tapi semua org memahami maksud yg sama. sebab itulah ilmu dikalangan cina cepat berkembang.

Apa yg kita buat ini bagus untuk menjadikan bahasa ilmu sebagai asas tetapi perancangan untuk langkah seterusnya tidak difikirkan. belajar bahasaasing dan tinggal bahasa ibunda. sepatutnya kedua-duanya mesti membangun dengan selari.

Fikirkan kenapa org Jepun yg tak tahu bercakap bahasa Inggeris tetapi boleh mencipta berbagai peralatan menggunakan teknologi asing. Yg betul-betul bijak belajar bahasa asing merantau untuk belajar teknologi dan bila pulang ilmu dalam bahasa asing diterjemah dalam bahasa mudah utk org kebanyakan memahami ilmu tersebut.

Semua kena bersama memajukan ilmu. bukan hanya sekolah tetapi kerajaan, swasta, golongan professional dan tidak perlu bekerjasama untuk jadikan ini kenyataan. Kelemahan Bahasa Ibunda bukansebab bahasa asing tetapi kelemahan bangsa kita sendiri.
By Lee on August 11, 2008 12:17 AM

Salam Tun,

1. Pada pendapat saya, mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris adalah satu langkah yang betul!

2. Janganlah cikgu-cikgu terlalu penting keputusan peperiksaan, cuba berikan masa untuk murid-murid supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan bahasa inggeris, ini adalah untuk kebaikan masa depan mereka.

3. Saya seorang pelajar dari Kolej Tunku Abdul Rahman, media pengajaran utama dalam kolej ialah bahasa inggeris.

4. Saya telah menghadapi kesusahan selama beberapa bulan di kolej untuk menyesuaikan diri dengan bahasa inggeris. Dalam semester pertame saya mendapat kesemuanya C dalam keputusan saya sedangkan saya mendapat A (matematik), B (fizik), B (kimia) dalam PMR.

5. Banyak buku rujukan ditulis dalam bahasa inggeris. Untuk memahami satu ayat, mengetahui makna setiap perkataan adalah tidak mencukupi, selain daripada itu, mengunakan kamus juga meyebabkan

proses menuntut ilmu menjadi pelahan, ini tidak seharusnya berlaku pada taraf university.

6. Kepada para pelajar, susah dahulu, senang kemudian.
By dash129 on August 11, 2008 12:17 AM

salam tun

internet tak bermakna sangat tanpa BAHASA INGGERIS
baca harah boleh lah
By azhari on August 11, 2008 12:19 AM

Dear Tun,

I have children both in lower secondary and primary schools. Most of the time I do check their school works which include science and mathematics. Sometimes it pains me to understand why people still questions the teaching of both subjects in English.

As I purchase additional dual language materials for Science and Mathematics, I have the chance to peek through the Malay translation. What I found in most cases the English terms are 'translated' by way of spelling only e.g. photosynthesis = fotosintesis; ecosystem = ekosistem; habitat = habitat; species = spesis; process = proses; invertebrate = invertebrata etc. What I'm saying is that there is no advantage to teach in Malay when only the rest of the words in Malays while the terms essentially English.

In internet age, there are various of info available if the students would like to do a little bit of exploring to further reinforce their understanding. And they are readily & freely available in English. Would they be just as readily available in Malays?

I'm a Malay. But I'm not a lesser Malay just because I'm the proponent of teaching Science & Mathematics in English. Surely there are some shortcomings in the implementation of the teaching in English. But then don't go backwards by reverting to Malay. Rather we should move forward & review what additional measures we must take to improve the delivery systems of the teaching to make it more effective.

This is a farsighted strategy for our Education. Pls don't forsake it for the whims and fancies of those who claim that they're Malays nationalist. Do not sacrifice our children future. We owe it to them to make sure future Malays would not be left behind anymore!
By mymalaysian on August 11, 2008 12:20 AM

Dear Tun,

You have always championed the cause of the Malays. You've always wanted to see the Malay community given the due respect. You've wanted them to be on par if not better, than any other race in the world.Its a noble thought. Fair enough.

Conquering another language is always to your advantage. In Malaysia, we have the gift of having 3 major languages, namely Bahasa Melayu, Cantonese and Tamil. BM has been and still is, the lingua franca of these region, Cantonese is spoken by the most powerful economically advancing community and Tamil is the oldest living language in the world!

The Chinese and Indians in Malaysia speaks a minumum of 3 language. What about the Malays? Why weren't thet given the opportunity to master the language that exists around them? Every language is a pathaway to a unique reservoir of knowledge!

Can you see my point here? I understand there could political ramification if this idea is adopted. But adopt you must, if you want to maintain the idea of Malay supremacy!

You cannot be better than people who has more access to knowledge, just because they know more languages, English included.

History has thought us that if we do not change with time, we will be replaced by a more flexible and dynamic set of people.

Allow the Malays to not only master English, but also Cantonese and Tamil! It will be good for the unity of our country as well! BM will not be forgotten just because other languages are learnt. It will only flourish.

Really.
By derek on August 11, 2008 12:20 AM

Kalau boleh kita kuasai bahasa Inggeris, Jepun, Arab dan lain-lain untuk menimba ilmu dengan lebih meluas lagi. Kalau kita berilmu, maju dan berjaya, bangsa lain akan belajar bahasa Melayu dan belajar dari kita. Perkara mengajar Sains and Matematik dalam bahasa Inggeris tak sepatutnya menjadi masalah kepada kita sebagai bangsa yang membangun. Tapi apa yang saya nampak di dalam negara kita ini sekarang dan cukup sedih sekali bangsa lain sudah mula menunjukkan sifat kurang hormat pada pemimpin-pemimpin bangsa Melayu dan secara tak langsung pada orang Melayu. Contohnya lihatlah apa yang terjadi baru-baru ini, mereka adakan forum awam memeluk Islam di Bar Council. Pemimpin kita cukup lemah dan lembab dalam menangani hal ini. Kalau pemimpin-pemimpin Melayu terus bersikap begini, tak tau lah apa nak jadi pada bangsa and bahasa kita nanti.
By LKO on August 11, 2008 12:22 AM

Chedet,

Selama 12 tahun disekolah rendah dan menengah, saya cuma belajar B. Inggeris sebagai satu matapelajaran. Tetapi setelah tamat SPM >20 tahun yang lalu, dan juga terima kasih kepada polisi kerajaan ketika itu, saya berpeluang mengambil A Level.

Wah, begitu besar sekali perbezaannya. Buku-buku rujukan berlambak, tidak terhad kepada beberapa penulis saja.

Tambahan pula, ilmu sekarang tidak lagi terhad kepada 1 bidang khusus saja tanpa bertindih (overlap). Ianya amat berkait diantara satu sama lain. Contohnya, kejuruteraan moden. Ianya memerlukan kefahaman komputer. Tidak ada bidang moden yang begitu khusus sehingga tidak perlu ilmu dari bidang yang lain.

Jadi, jika seorang yang dapat menguasai beberapa bidang tersebut, adakah kita sanggup membazirkan kebolehannya untuk menjadi seorang penterjemah sahaja? Saya amat setuju dengan cadangan Chedet. Menolak hakikat ini akan merugikan semua.

Malaysia, sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, penggunaan bahasa Inggeris tidak dapat ditolak sebagai bahasa pengantara.
By Rumah KebunAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:23 AM

Salam bahagia Tun,

Ada lagi yang diperkatakan mengenai Tun yang seolah membelakangkan alim ulamak dalam isu tertentu (saya tak tahu isu apa)contohnya seperti Dato Harun Din dan lain2.

Semoga Tun dapat menjelaskan isu ini.
By kiy on August 11, 2008 12:24 AM

Chedet,

Saya TIDAK bersependapat dgn Tun mengenai penggunaan Inggeris dalam Sains dan Matematik. Pada

pendapat saya, Sains dan matematik memerlukan kebolehan utk memahami, menyelidik, memerhati dan berfikir lebih daripada penguasaan bahasa asing. Oleh itu, sudah tentulah bahasa ibunda ialah bahasa yg paling mudah di pahami dan digunakan sebagai alat utk memahami sains.

Saya akui, terjemahan terus dari Inggeris ke B. Msia menjadikan istilahnya lebih sukar difahami dan menyusahkan pelajar seperti "fuel cell" atau "sel bahanapi". Pada pandangan saya, satu2 istilah sains tidak perlu di terjemahkan, malah terus digunakan dalam bah. inggeris walaupun subjek tersebut diajar dalam bahasa malaysia.

Saya juga rasakan cikgu2 di sekolah boleh menyampaikan ilmu dgn lebih baik dan sistematik kalau subjek sains dijar dalam bahasa ibunda. Kalau dlm bahasa asing, cikgu2 perlu berfikir utk menyusun ayat2 supaya apa yg nak disampaikan boleh difahami murid, akibatnya penyampaian ilmu dari guru ke murid menjadi tidak efektif.

Keterangan saya ini berdasarkan kepada pengalaman saya tinggal di sebuah negara maju yg rakyatnya hampir tidak boleh berbahasa inggeris dgn baik. Walaupun begitu, negara ini tetap menjadi kuasa dunia dalam ekonomi dan teknologi. Terima kasih Tun kerana memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur, walaupun dasar ketimuran tersebut tidak dititik beratkan dalam sistem pelajaran Msia.
By razmanbb on August 11, 2008 12:26 AM

salam tun...

saya tak paham kenapa org dulu2 tak kata susah pun bila belajar dlm b. Inggeris. Padahal kebanyakan mereka adalah penduduk kampung dan tak pernah bertutur dalam bahasa Inggeris. Adakah anak2 kita zaman sekarang ini terlalu dimanjakan oleh ibu bapa mereka? Adakah org dulu2 tidak menebal semangat nasionalisme mereka? Saya sungguh tak paham bila sesetengah org cuba untuk menjadi hero bangsa tetapi sebaliknya hanyalah merobohkan bangsa itu sendiri....
By Janggut Jebat on August 11, 2008 12:27 AM

Dear Tun,

100% totally agree with you, Sir! Your points are well-laid out.

However I think the problems that hinder this implementation to be successful during the time it was implemented, were not being identified and solved as quickly as possible.

For example, one of the reasons that this idea was opposed is because mainly the teachers who are not well-versed in English are not capable enough in teaching those relevant subjects through English medium. Due to that it gives a big impact to the students for not understanding well in the subject taught by these teachers.
By mykickers on August 11, 2008 12:29 AM

Tun, Semoga Tun berada dlam kesihatan yg baik hendaknya. Saya masih ingat apabila dasar bahasa kebangsaan diperkenalkan (masa tu saya tak tahu sebab baru masuk tahun 1)saya adalah murid tahun pertama yang ambil srp kakak saya yg setahun tua dari sapa mengambil LCE, dsan sudah pasti dia mengambil MCE dan sapa mengambil SPM. Penguasaan bahasa inggeris antara kami berdua memang nyata. Kami berdua berjaya melangkah ke ITM untuk menneruskan pengajian.Namun penguasaan bahasa Inggerisnya tetap cemerlang dan penguasaan bahasa inggeris saya tetap di takuk lama. Namun saya berjaya juga lulus walaupun dgn penguasaan bahasa inggeris yang dikira "boleh laa".

Kini saya mempunyai anak yang kini di tahun 6.Dia merupakann pelajar pertama tahun 1 yang mempelajari bahasa Sains dan Matematik dlm bahasa Inggeris. Dia begitu cemerlang dlm pelajarannya walaupun terpaksa belajar matematik dan sains dlm bahasa inggeris. Sehinggakan kalau dwi soalan diberikan dlm kedua dua bahasa dia tidak faham langsung apa maksud soalan tersebut dlm bahasa Malaysia kerana pembelajaran dia dijalankan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Saya percaya dia akan menjadi senagkatan dgn kakak saya yg dulu mengambil LCE dan MCE kerana berjaya menguasai

bahasa inggeris dgn baik.
Saya percaya jika anak saya rezekinya dpt melanjutkan peklajarannya ke luar negara dia tidak lag merasa janggal dgn segala perkataan dan buku buku INgeris yang perlu dipejarinya.
Saya berharap pelajaran bahsa INggeris ini perlu dikekalkan kerana kita perlu memandang jauh kehadapan. Ilmu diinternet sekarang rata rata dlm bahasa Inggeris. Betul kata Tun ilmu sekarang berkembang dgn begitu pesat dan kita tidak ada masa untuk menterjemahkannya dlm bahasa kita. Lebih elok kita menguasai bahasa mereka untuk mempelajari ilmu mereka kerana itu lebih praktikal.
Anak melayu kalau hidup dinegeri org putih pasti mereka fasih berbahsa org putih. Kalau anak melayu lahir dan hidup di russia pasti mereka akan fasih berbahasa russia.Tetapi kalu anak melayu boleh menguasai bahasa Inggeris dgn baik walaupun hidup dinegeri sendiri bukankah itu satu bonus untuk anak melayu sendiri.
wasalam
By izamurni on August 11, 2008 12:31 AM

Salam TUN,
Saya terima dgn cadangan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Math dan Sains tetapi apa pula cadangan TUN untuk memperkasakan BAHASA MELAYU di MALAYSIA ini? Rata-rata selepas penggunaan Bahasa Inggeris di dalam mata pelajaran tersebut, fungsi BAHASA MELAYU dan juga badan yg memperkasakan dan mempertahankan BAHASA MELAYU iaitu DBP dilihat kurang menonjol sehingga dipanggil dengan gelaran "MANDUL"; seperti memalukan ORGANISASI BESAR ini. Walaupun MANDUL itu tertumpu kepada isu-isu tertentu, tetapi pihak kerajaan seperti kurang mengambil tindakan untuk memberikan satu alternatif yg terbaik kepada rakyat tentang pentingnya BAHASA MELAYU di dalam kehidupan kita sehari-hari. Bertutur BAHASA MELAYU ROJAK (BM dan INGGERIS) dan sebutan BAHASA MELAYU yang tidak betul sudah jadi kebiasaan. Sepatutnya, sebelum disarankan penggunaan BAHASA INGGERIS di dalam KURIKULUM sekolah, perlu juga pemerkasaan BAHASA MELAYU agar selari dengan KURIKULUM baru tersebut agar tidak pupus. Aktiviti kesusasteraan dijadikan aktiviti KURIKULUM pada hari tertentu dalam SEMINGGU disemua sekolah agar BAHASA MELAYU mekar dan disayangi generasi baru yg bakal menyambung warisan negara. Diharapkan kerajaan dapat ambil tindakan. Jangan asyik mengimbau nostalgia sasterawan-sasterawan lama tetapi KITA sendiri melahirkan bakal sasterawan-sasterawan muda yg berjaya dalam BAHASA MELAYU dan juga BAHASA INGGERIS. Saya yakin BAHASA MELAYU akan menjadi BAHASA PERPADUAN di MALAYSIA. Sayang MALAYSIA, Sayang BAHASA KITA....wassalam...
By azmany on August 11, 2008 12:32 AM

I would like to add that it is not necessary for us to excel in English language. It would be great to be able to write and speak in perfect English, but it is crucial to be able to gain sufficient ability to understand written English and to express ourselves in English (or other language for that matter).

Whilst teaching Math & Science in English is a good start - what is more important is the emphasise on building up student's self confidence in expressing themselves - both in Malay & English.

Most employers nowadays are frustrated with graduates who are unable to express themselves effectively - not just in English, often they are too timid to express themselves in BM.

Most of the time, parents are crazy about the students getting straight As. It seems that nowadays, that is the sole purpose of going to school / college. Teachers follow suit because the pressure from parents. Co-curricular activities and sports are often considered trivial and unnecessary cause they will take away time fof studying.

We should make it a stated ojective of formal education is to prepare children to be succesful in their working life - and all of us sould know that once you started working, promotion seldom be based on the number of As you get in your SPM.
By hanson on August 11, 2008 12:35 AM

Salam Tun,

Sekarang ini, kebanyakkan institusi pengajian tinggi termasuk pembelajaran jarak jauh menggunakan module/teks dalam bahasa Inggeris. Manakala bahasa pengantar juga ditukar kepada bahasa Inggeris. Perkara ini sedikit sebanyak telah menyukarkan pelajar yang kurang mahir bahasa Inggeris. Malah ramai pelajar dan siswazah yang masih kurang mahir menulis dan bertutus dalam bahasa tersebut.

Saya sebenarnya amat menyokong jika Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantar di semua sekolah rendah dan menengah. Bukannya memandang rendah kepada bahasa ibunda tetapi ia banyak memberi faedah kepada kita semua. Lihat sahaja sekarang ini, buku-buku rujukan, thesis, journal dll kebanyakkan dalam bahasa Inggeris. Amat sukar untuk mencari rujukan dalam Bahasa Malaysia terutama bila kita "search" dalam Internet. Ini menunjukkan yang kita masih kekurangan ilmu yang cukup dalam berbagai bidang (sains & teknologi) untuk diterjemahkan kepada bahasa ibunda.

Contoh yang paling baik hasil dari penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar adalah TUN sendiri. Walaupun menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar tetapi Tun masih menjiwai bahasa Malaysia malah cinta Tun terhadap bangsa dan negara tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Tun menggunakan bahasa Inggeris bukan sahaja untuk "master" dalam bahasa itu tetapi menggunakannya untuk mendapatkan sebanyak ilmu yang ada dalam berbagai bidang. Hasilnya, Tun berjaya "menterjemahkannya" kepada pembangunan negara. Malah ada antara "terjemahan" Tun tidak pernah terfikir oleh mana-mana manusia di muka bumi ini. Kami kagum dengan kebolehan Tun. Malah dunia kagum dengan Tun.

Kesimpulannya, adalah tidak merugikan jika kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sejak di sekolah lagi agar dewasa kelak kita boleh menimba ilmu dalam berbagai bidang untuk "diterjemahkan" kepada pembangunan bangsa dan negara kita.

Terima kasih Tun.

By pembaris on August 11, 2008 12:39 AM

+salam kepada Tun

bahasa melayu tidak bolih disisirkan. ada tempat istimewanya, dan berkelebihan darjatnya dari bahasa2 lain. bahasa yang bersopan dan halus, bahasa raja2 diistana zaman dahulu, dan sasterawan2 berjiwa melayu, para bangsawan dengan kelompok2 mereka, orang biasa yang senantiasa didalam perkampungan mereka dan bahasa orang2 yang menuntut ilmu dalam ugama, bahasa kitab2. bahasa yang kaya dengan budi pekerti, kerendahan diri, kelembutan dan berlapik.
bahasa melayu yang dipermodenkan ialah seperti bahasa indonesia sekarang ni, penuh dengan sulaman perkataan2 inggeris. mereka berbuat demikian kerana mereka mahu memertabatkan bahasa mereka dalam semua segi. lagipun mereka berjumlah 220 million. kita hanya 10%, dan tidak akan menggunakan bahasa indonesia sebagai bahasa perantaraan disini.

saya ingin 'menyampok' sedikit tentang tajuk rencana Tun ini.
penguasaan bahasa inggeris memang berkeperluan.
dizaman sebelum kemerdekaan, kebanyakan ahli2 politik negara terdiri dari mereka yang berpelajaran, bekas2 guru mithalannya.
mengapa begitu? mereka terdedah dengan bahasa tersebut sebagai pegawai kerajaan, para2 akademik di sekolah2 dan kolej2 tinggi. mereka fasih dan berupaya bertutur dan bertulisan dengan bahasa kedua ini. kalau tidak dengan demikian, pihak inggeris tentu tidak akan melayani kehendak ra'ayat negara ini menuntut kemerdekaan dari pihak inggeris. mesti dan perlu diingat bahawa semua perundingan dibuat didalam bahasa inggeris, hingga kepada perlembagaan negara ini dibuat didalam bahasa ini.
permulaan yang ketara, kerana ahli2 politik kita berwibawa dan bolih ketengahkan unsur2 berdikari kepada pihak inggeris.
sekarang jelas, sesetengah dari ahli2 politik kita hampir2 tidak dapat berbahas ataupun membuat ulasan dengan jelas dalam bahasa inggeris dalam perhimpunan antarabangsa melainkan dengan merujuk kepada teks yang telah disediakan.

bahasa melayu melambangkan bangsa, memartabatkannya mencerminkan maruahnya.
jadi penggunaannya mesti dibuat dengan teratur, bukan 'lu-gua' macam pasar, seperti yang dipamirkan diparlimen untuk digurausendakan, dan lain2 lagi.

tentang bahasa inggeris dizaman ini, Tun sudah buat penjelasan dan jelas keperluannya.

By demss017 on August 11, 2008 12:41 AM

Assalamualaikum YAB tun
Saya mengaku untuk mengomen kupasan YAB Tun saya rasa amat rendah diri.Mungkin ini adalah dari pandangan orang yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran pada peringkat rendah. dari pengamatan saya, sains dan matematik didalam bahasa inggeris yang diajar keatas mereka yang masih diperingkat rendah iaitu darjah 1, 2 mungkin sehingga darjah 3 memberi satu impact yang negative kepada subject itu sendiri.Kelemahan ini saya percaya agak lebih menyeluruh di kawasan luar bandar.Mungkin diperingkat ini mereka hanya perlu memahami peringkat asas sains dan matematik dan masih boleh disampaikan dengan menggunakan bahasa melayu.Disamping itu penekanan perlu di beri keatas bahasa inggeris supaya membantu mereka untuk penguasaan subject sains and maths bila diperlukan semasa diperingkat yang lebih tinggi.Memang benar Bahasa inggeris bahasa ilmu untuk waktu sekarang,tetapi pelajar perlu dibantu dan perlukan masa untuk membina asas untuk bersaing kelak.
By Amir on August 11, 2008 12:42 AM

Assalamualaikum Tun,
I was one of the 1st batch of students from Sarawak who were fully educated under BM. I was lucky my mother taught me the full English syllabus from my elder sister's old books. From there I turn into a voracious reader. Until today, I still read quite extensively.

I have 4 children under 8 years old and they can speak BM, English, Mandarin plus minimal Japanese and Spanish. I am a chinese convert (Muslim) and am lucky enough that my 4 kids know that they are Malaysians, not Chinese or Malay. My vision is for them to be competitive in the global arena, not just in Malaysia or SEA. You have been a great leader, made some mistakes but still is fighting a good fight. It's human to err.Keep it up, Tun...even if it is though your son...my children needs to grow up under another great leader as I had...Thank you Tun
Wassalam.
By lanadv28 on August 11, 2008 12:49 AM

Assalammualaikum Tun dan keluarga,

I aggree with the points raise on the issue of Maths and science being taught in English.

I was one of the last batch of students that took the MCE exams before it was converted to SPM... I was born in Singapore and took my primary education there where all subjects are taught in English... Thus, I have a good command of English...

With this knowledge, I was able to get good job and stand tall with other colleagues of other races and my own race. It build my confidence in dealing with people as I can communicate and express myself well... but, it doesn't make me any less a Malay or nationalistic for my country or my religion.

I understand the rational of points raised by champions of the Bahasa Malaysia languange... but i believe a balance has to be achieved first... if not we will be like "Katak Bawah Tempurung"...

English is the current world's communication language... we have to face the fact... the language of our religion is Arabic... so in order for us to master them we have to know the languages... but we will not forget our Bahasa Malaysia... as the Chinese must/will not forget their Chinese and the Indian their

Tamils... In the corporate world even they have to master English in order to excell... and it doesn't make them any less a Chinese or Indian.

Thanks Tun, for the topic raise and hope and pray to Allah to keep you in good health.
By boz on August 11, 2008 12:50 AM

Or if nobody translated the Arabic Quran into English Quran, how would anyone knows what is written ? What Allah wants to say to all mankind ? If one only knows a few verses just to fulfill some ritualistic ceremony and does not know the meaning, it defeats the purpose of Allah trying to communicate with mankind. God creates the structure called brain so that humans function in a more complex manner than just mere creatures.

Some of the common universal languages beside English are French and German. Malaysians should start thinking of mastering these three languages and more. Learning a language is also a learning process. Learning anything should not be hindered in any manner, not even nationalistic pride.

Teaching Science and Maths in English is like killing two birds with one stone. The students learn the subject matter and at the same time, learn English. They see these two subjects as more important and more universal because science and maths are used throughtout the world. They will think that the other subjects taught in Bahasa Melayu will only be relevant to local scenario.

Malaysia has an open policy with the rest of the world. So probably some Malays may not understand why their kids prefer to speak English. Not just in Science and Maths. Kids love movies, internet, songs and others and all these are in English. Knowing more languages does not make one less Malay. Nobody can take away the racial part of anyone. Each race has its' own genetic make up. Each race has its' own typical values. Each race has its' own attitudes.

You are not guilty of seeing that Science and Maths are taught in English. In fact, on the contrary, you will be blessed because you are empowering your own people.
By kancil putih on August 11, 2008 12:50 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya sangat bersetuju dengan tun dalam hal ini. Orang sering memberikan seribu alasan untuk tidak melakukan sesuatu, tetapi jika mereka mahu, sejuta alasan pun tidak akan dapat menghalang mereka daripada mencapai apa yang mereka inginkan. Ini bukanlah soal susah atau senang untuk melakukan sesuatu, tetapi kemahuan untuk melakukannya.

Ramai yang sering mempertikaikan bahawa terdapat negara-negara seperti jepun dan perancis yang menggunakan bahasa ibunda mereka dalam semua bidang dan mereka masih boleh maju. namun begitu, adakah kita sehebat mereka? adakah kita bangsa melayu yang terkenal sifat malas dan suka mengambil mudah sesuatu perkara dapat mencapai kemajuan setinggi mereka? Bukan niat saya untuk memperlekehkan bangsa saya sendiri, tapi inilah hakikatnya. negara seperti jepun boleh maju seperti sekarang kerana sebelum ini mereka mempunyai penterjemah yang cukup banyak dan pakar dalam banyak bidang. Bukan hanya itu, mereka juga tidak hanya menerima ilmu yang diterjemah itu bulat-bulat, tetapi mereka juga melakukan kajian yang mendalam dan berterusan tentang sesuatu ilmu tersebut sehingga ilmu yang mereka ada setanding atau lebih hebat darpida ilmu yang dikaji oleh orang eropah.

Kita mungkin boleh melakukan seperti yang demikian, tetapi adakah kita mempunyai dana dan tenaga yang cukup banyak untuk melakukan kajian seperti mereka? Saya ada membaca bahawa proses pengeluaran dana untuk sesuatu kajian di Malaysia sangat rumit dan melibatkan proses birokrasi yang panjang. Jadi masihkah kita mampu untuk mengikuti langkah mereka? Langkah yang paling mudah adalah belajar dengan bahasa di mana sumber ilmu tersebut dikeluarkan.

Saya adalah salah seorang pelajar yang sering terlepas peluang untuk belajar dalam bahasa inggeris. Di Malaysia, saya sering menjadi antara 'batch' yang terakhir belajar dalam bahasa melayu di sekolah dan

juga matrikulasi.Setelah melajutkan pelajaran di bidang perubatan di Indonesia, nasib yang sama menimpa saya. Saya adalah 'batch' kedua terakhir yang belajar dalam bahasa Indonesia. Mungkin dengan keadaan ini, dapat memudahkan saya memahami apa yang saya pelajari, namun kemampuan bahasa Inggeris saya kekal di takat yang sama malahan makin menurun.

Jika kita dapat lihat di Indonesia, negara ini mempunyai begitu ramai penterjemah yang pakar dalam banyak bidang. Hasilnya terdapat begitu banyak buku-buku yang berjaya diterjemah ke dalam Bahasa Indonesia tidak kiralah dalam bidang sains, sosial, ekonomi, agama walhal dalam bidang sastera sekalipun. Walaupun ini sudah dilakukan, ia masih tidak memadai kerana ilmu yang didapat berada di dalam keadaan statik dan tidak berkembang kerana pembaca hanya mendapat pengetahuan dari apa yang tertulis dalam buku-buku tersebut. Waktu yang panjang diperlukan pembaca untuk menunggu keluarnya sesuatu buku terbaru dalam sesuatu ilmu yang berkaitan. Hal ini menyebabkan mereka sering terkebelakang dalam kebanyakan aspek ilmu yang dikaji dan ditulis dalam bahasa inggeris.

Sebenarnya belajar dalam bahasa Inggeris bukan bererti kita mengagung-agungkan bahasa tersebut. Bangsa kita masih di takat yang rendah dalam mengejar kemajuan dan ilmu yang kita ada masih terlalu cetek. Jadi, untuk memperkasakan bangsa Melayu dan negara Malaysia yang kita cintai ini, kita perlu mempelajari ilmu dari negara yang lebih maju dari kita dan untuk lebih cepat mempelajari bahasa mereka, dalam konteks ini bahasa inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa internasional dan hampir semua ilmu dapat kita perolehi tertulis dalam bahasa ini. Proses untuk pengeluaran dana untuk sesuatu kajian atau penelitian di Malaysia haruslah dipermudah oleh pihak kerajaan agar ilmu yang kita dapat boleh kita kembangkan dan tidak hanya hanya kekal di takat yang sama. Mungkin suatu masa nanti, jika kita sudah sehebat dan semaju bangsa-bangsa lain di Eropah, kita boleh kembali untuk belajar dalam bahasa ibunda kita. Mungkin pada waktu itu orang lain pulak yang harus belajar dalam kita untuk memperoleh ilmu yang kita dapati.

Namun sebelum saat itu, kita harus bekerja keras dan jangan mudah mengalah. Seperti yang Hang Tuah katakan 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia'. Namun biarlah melayu yang ada nanti adalah sebuah bangsa yang dihormati dan disegani oleh bangsa-bangsa lain.

Tun, saya rasa setakat ini saja buat masa ini. Teruskan menulis. Saya doakan Tun sekeluarga sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah swt.

~ La Motion C'Est La Vie ~

Wassalam...
By jalurgemilang57Author Profile Page on August 11, 2008 12:51 AM

good morning tun.
i have to speak to you.must meet if possible to have atleast 10mins of your time.dont trust anyone on this.will you be able to spare 10 mins to listen to a boy on the streets.if yes, please give me a sign.
By abu69 on August 11, 2008 12:54 AM

masuk universiti pun kena belajar sains dan matematik dalam bhs inggeris. lebih baik jika mula dari peringkat sekolah.
By Efie on August 11, 2008 12:57 AM

A'kum Tun yang amat kami kasihi dan sanjungi.

saya ialah bekas pelajar dari sekolah luar bandar di Sarawak. Sekolah yang memang jauh dari pembangunan. Namun sejauh ceruk manapun sekolah itu berada bukanlah alasan untuk kita tidak berusaha mempelajari bahasa asing. Tidak semestinya sekolah di luar bandar tidak pandai berbahasa Inggeris. Semuanya terpulang kepada USAHA masing2 termasuk guru, ibubapa dan pelajar itu sendiri. Kedua ibubapa saya tidak pandai berbahasa Inggeris malahan ibu saya buta huruf tetapi saya dengan usaha sendiri belajar bahasa asing itu dan alhamdulillah saya boleh berbahasa Inggeris walaupun tidaklah sehebat para bijak pandai. Sekarang 2 org anak saya sedang belajar matapelajaran Sains dan

Matematik dalam Bahasa Inggeris. Anak sulung saya adalah antara pelajar pertama yang belajar Sains dan Matematik dlm Bahasa Inggeris dan bakal menduduki UPSR tahun ini. Alhamdulilah setakat ini tidak ada masalah bagi mereka. Malahan saya bangga dengan kebolehan mereka dalam bahasa asing itu. Semuanya adalah dengan USAHA. BANYAK SANGAT ALASAN BILA KITA NAK BERJAYA? TAK TAU.. BERUSAHA, BERTANYA DAN BELAJAR...KAMUS kan ada...Macam mana nak masuk Universiti kalau tak mula dari sekarang ni. kalau dah besar baru terkial2 nak belajar, dah jadi buluh payahlah nak dilentur. Hanya orang yang bodoh sombong sahaja yang akan lupa bahasa sendiri..Senang cerita, yang berlagak la tu. Jauh bunyi BAHASA INGGERIS dan BAHASA MELAYU...tapi kalau orang putih sesat nak cari jalan tuju, kena pulak tanya kat orang Melayu yang tau berbahasa Inggeris, SAPA YANG MALU? ORANG MELAYU....Kesimpulannya: tidak kerana berbahasa Inggeris maka kita akan hilang Bahasa Melayu, Bahasa Melayu tetap dijunjung dan disanjung. Bahasa Inggeris dipelajari untuk bekalan di era Globalisasi.

Semoga Tun dan keluarga sentiasa dalam lindungan Allah. Diberi olehNYA kesihatan yang baik.
By White RabbitAuthor Profile Page on August 11, 2008 12:59 AM

Penerangan yang jelas dan padat Tun..
Tak akan Melayu hilang di dunia.. Melayu tak akan hilang jika kita gunakan bahasa inggeris untuk berkomunikasi.. Melayu hanya akan hilang jika Melayu malas, leka dan tidak bersatu..
Semoga Allah SWT sentiasa selamatkan bangsa Melayu dari kehancuran..

White Rabbit
http://bangkitlahusahawanmalaysia.blogspot.com/
By hattourie on August 11, 2008 1:02 AM

Assalamualaikum TUN,..

Only one word for you,...WISE! Pulau_sibu, do you think by that time when TUN was education minister, he changed to Malay language without reason? And maybe, he proposed to change the education delivery language to english but being rejected by the cabinet and prime miniter of that particular time? SO THINK BACK!

Knowledge is power!~~
By zikriAuthor Profile Page on August 11, 2008 1:11 AM

teruskan menulis Tun...kami warga anak muda akan membacanya dan meneliti ....baik @tidak lain cerita....
By Melayu NusantaraAuthor Profile Page on August 11, 2008 1:11 AM

TUN,

Sokong tindakan TUN, lihat lah hasilnya sekarang.

TUN melakukannya walau dibantah ramai.....tapi outputnya..Kejayaan bangsa itu sendiri.

" 21. Pemimpin dan pejuang yang hanya ingin disukai ramai dan kerana itu sanggup membiar bangsanya menjadi kolot dan hina, bukanlah pemimpin yang sayang bangsanya. Mereka hanyalah oportunis yang sanggup gadai bangsa sendiri asalkan mereka dapat kekalkan kedudukan mereka......"

Ramai ahli politik yang sedemikian TUN, mengadikan bangsa sendiri demi kepentingan diri....

xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

Sebagaimana yang kita ketahui,

Untuk mendalami Ilmu Agama( Al Quran) itu, pelajarilah Bahasa Arab, kerana rujukannya banyak dalam bahasa tersebut.

Unutk mendalami Ilmu sains dan mathametik dan ekonomi, pelajarilah bahasa English kerana banyak rujukannya dalam bahasa tersebut.

"TUNTUTLAH ILMU DALAM APA YANG INGIN KAMU KERJAKAN, AGAR MUDAH MEMBUAT KEPUTUSAN ATAU TINDAKAN."

JADI APA YANG TUN LAKUKAN AMAT DI SOKONG !!!

xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

http://isteri-mamak-tua.blogspot.com

salam perjuangan

_ashar_
Angkatan Lancang Kuning Nusantara
By Lee on August 11, 2008 1:13 AM

By Mohd Suhaimi on August 10, 2008 11:47 PM
Assalamualaikum Ybhg. Tun,
1. Mengapa negara jepun dan Korea malah negara-negara lain lebih kehadapan dalam bidang sains berbanding dengan negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris seperti negara India dalam sistem pembelajarannya?

Saya menjawap: Negara Jepun telah mendapat ilmu dan bantuan teknology daripada negara sepakatnya dalam perang dunia telah menyebabkan proses penbangunan Jepun menjadi laju selepas perang dunia, manakala kita masih orang kampung masa itu. Orang telah buat kapal terbang, kita masih berjalan. Mereka telah hantar pakat-pakat ke luar neagara untuk mepelajari ilmu dalam bahasa lain masa Saya menjawap: dahulu-dahulu lagi. Kita sekarang pun tidak lagi buat kapal terbang, seharusnya kita pelarjar dari negara maju.

2. Masyarakt Malaysia adalah masyarakat yang berbilang kaum. Adakah kita akan menggunakan bahasa inggeris sebagai bahasa perpaduan bukan lagi bahasa melayu/malaysia seperti yang pemimpin-pemimpin sebelum YBhg Tun lakukan?

Saya menjawap: Hakikatnya ilmu pengetahuan dalam bahasa inggeris adalah lebih laju berkembangnya berbanding dengan bahasa Melayu.

3. Bagi saya tidak ada cacat celanya sistem pelajaran yang telah diikuti sebelum ini. Tiada masalah untuk pelajar-pelajar menceduk ilmu dan tidak hinanya menggunakan bahasa melayu atau apa-apa bahasa sebagai bahasa ilmu pengetahuan.

Saya menjawap: Betul, tetapi tidak sesuai sangat untuk ilmu terkini.

4. Bahasa Melayu/Malaysia tidak menjadi penghalang untuk mendapatkan ilmu dan ini boleh dilihat dengan bilangan siswazah yang dikeluarkan oleh Univ.Kebangsaan dan Universiti yang lain yang mengunakan bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar.

Saya menjawap: Tidak, Univ.Kebangsaan sedang mengajar ilmu beberapa tahu sebelum ini, seperti yang disampaikan oleh tun, proses terjemahan itu terlalu perlahan.

5. Mengapa kita bimbang rakyat kita tak reti berbahasa inggeris sebab kita semua bukan nak kerja sebagai saintis atau ahli matematik. Tahu berbahasa inggeris tak mestinya pelajar tu cerdik kerana kecerdikan itu bergantung kepada IQ dan usaha seseorang.

Saya menjawap: Oleh sebab itu, ia hanyak dicadangkan untuk mengajar matematik dan sains, keduanya matapelajaran ini adalah penting untuk saintis atau ahli matematik.

6. Kita perlu membetulkan persepsi kita bahawa untuk mendapatkan ilmu tidak kira apa bahasa kita perlu pelajari dan selain dari itu janganlah kita lupa meletakkan nilai ekonomi, nilai pengetahuan ke atas bahasa kita supaya ia menjadi bahasa yang kaya yang orang lain merasakan perlu mempelajarinya sama. Sesungguhnya bahasa jiwa bangsa.

Saya menjawap: Janganlah kita terlalu sombong, fikiran kita tidak berkembang kalau kita tidak tahu apa orang berfikir, umpama kita katak bawah tempurung, jangan lagi kita harap orang pelajar daripada kita kalau kita tidak tahu apa-apa. Saya seorang cina, saya berbahasa Malaysia, Cina, dan Inggeris. Senang saya mahu dapat maklumat kerana saya boleh faham banyak dokumen dalam bahasa yang berlainan.
By add on August 11, 2008 1:18 AM

Assalamualaikum...
Yg Berbahagia TUN berdua semoga sihat dan dilindungi ALLAH setiap masa, kerana selama pemerintahan TUN saya amat selesa dengan perkembangan dalam negara yang aman dan damai ....

Saya menyokong penuh hasrat TUN untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar matapelajaran Sains dan Matematik, serta di satu jabatan di KPM telah pun menjalankan usaha yang sama iaitu matapelajaran teknikal dalam bahasa inggeris...

Respon yang diperolehi melalui pengalaman saya ialah pelajar mempunyai pengetahuan untuk menjawab soalan peperiksaan, tetapi apabila guru mewajibkan supaya pelajar menjawab dalam bahasa inggeris sepenuhnya , pelajar ini langsung atau hanya dapat menjawab lebih kurang 20-30% sahaja dengan betul manakala soalan yang selebihnya pelajar membiarkan kosong tanpa sebarang jawapan kerana terikat dengan peraturan untuk menjawab dalam bahasa ingeris.
Keputusan peperiksaan peringkat dalaman menunjukkan bahawa pelajar tidak mendapat markah yang tinggi kerana bukan pelajar tidak faham atau tidak tahu jawapan kepada soalan yang diberi tetapi kerana tidak boleh menjawab dalam bahasa melayu....

Saya berpendapat dalam hal ini projek PPSMI/PPSMTI perlu diteruskan tetapi harus ada sedikit kelonggaran dimana guru boleh memberi penerangan dalam bahasa melayu semasa proses pengajaran dan pembelajaran manakala dalam peperiksaan pula pelajar boleh diberi dua pilihan iaitu boleh menjawab dalam dua bahasa iaitu bahasa inggeris dan bahasa melayu.

Apabila ini berlaku, adil kepada semua iaitu pelajar dan juga guru. Apabila pelajar ini melanjutkan pelajaran diperingkat lebih tinggi pelajar ini tidak akan mengalami kejutan budaya dari bahasa melayu ke bahasa inggeris. Apabila berada diperingkat ini pelajar sudah faham dan matang dalam menimba ilmu menggunakan bahasa pengantar bahasa inggeris.

Saya rasa PPSMI/PPSMTI perlu diteruskan kerana kos yang tinggi telah diperuntukan dan telah digunakan dari fasa 1 sehinggalah ke fasa 6 sekarang ini, maka jika projek ini dibatalkan maka satu pembaziran akan berlaku, walaupun ada sesetengah pihak akan mengatakan bahawa peralatan yang dibekalkan boleh diteruskan tetapi matlamat asalnya telahpun sedikit tersasar. Maka saya merayu pihak -pihak yang membuat keputusan seharusnya membuat kajian terus kepada murid dan juga kepada guru yang terlibat secara keseluruhan dan bukan menggunakan "sampling" dalam kaedah penyelidikan.

Biarlah Bahasa Melayu kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bahasa Inggeris..

Wassalam..
Sekian ,wasalam ...
By oldedwardian on August 11, 2008 1:23 AM

Hai Tun,

English Language is a very important and good tools,it is applicable most of the time,very versatile.There a lot more advantage than disadvantage.

But this does not mean you neglect your own Bahasa Malaysia, Learn Bahasa Malaysia as the subject.

Thank you Tun and salam to all chedet followers

OLD EDWARDIAN

By ucak dixx on August 11, 2008 1:28 AM

give double PHD to TUN.
By abu sayab on August 11, 2008 1:29 AM

Tun,

Another good article.
Sometimes you make me angry!
Sometimes you make me cry!
Sometimes you make me laugh!

I have no regret spending my hard earn money (despite my friends saying 'bodoh'} and cycle 5km for my English tuition class.
By Sekebun Bunga on August 11, 2008 1:29 AM

Salam buat Tun,

Saya setuju sekali dengan apa yang Tun katakan. Kita harus kekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara bagi Sains dan Matematik. Adakah kita dianggap tidak patriotik sekiranya kedua-dua subjek tersebut diajar dalam Bahasa Inggeris meskipun kita tahu manafaat sebenarnya? Atau adakah kita masih dengan perangai bodoh sombong kita?

Pada pandangan saya (mungkin juga saya silap), mereka yang menolak Sains dan Matematik diajar dalam B. Inggeris adalah di sebabkan anak-anak mereka (anak-anak Melayu) yang gagal menunjukkan prestasi yang baik dalam kedua-dua subjek tersebut. Dan sebagai menutup malu, ibu bapa anak-anak Melayu ini menggesa agar subjek Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Malaysia dengan memberi alasan Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi negara dan macam-macam lagi alasan.

Tapi tahukah bloggers sekelian...ada anak-anak Melayu yang masih tidak pandai membuat karangan dalam Bahasa Malaysia meskipun dalam Tingkatan Tiga. Ada pula anak-anak bangsa Cina dan India yang mempunyai kemahiran berbahasa tahap Tingkatan Lima walaupun masih dalam Tingkatan Tiga.

Siapakah yang harus dipersalahkan dalam soal ini? Adakah ibu bapa hari ini hanya tahu merungut dan mempersalahkan orang lain? Saya sendiri melihat bagaimana cara segelintir pelajar Cina/India belajar dan segelintir pelajar Melayu belajar. Pukul 10.00 malam masih ada pelajar China/India menghubungi guru bertanyakan apa yang mereka tidak fahami dalam subjek B. Malaysia. Ibu bapa turut sama menemani anak-anak belajar. Kenapa tidak pelajar Melayu juga berbuat demikian sekiranya tidak memahami B.Inggeris? Saya tidak cemburu jika pelajar bangsa lain lebih berjaya daripada kita. Mereka dan ibu bapa mereka lebih gigih daripada kita.

Bagi saya yang kini sedang meneruskan pengajian dalam Doctor Business Administration di salah sebuah universiti tempatan yang mana semua subjeknya dalam Bahasa Inggeris, buku rujukan dalam Bahasa Inggeris dan lectures juga dalam Bahasa Inggeris. Pergilah ke universiti mana sekalipun di Malaysia dan di dunia, kebanyakan buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris.

Terimalah hakikat yang B.Inggeris begitu penting dalam marcapada ini. Namum demikian Bahasa Malaysia tetap bahasa yang kita cintai.

Semoga Tun dan keluarga dirahmati Allah.
By ucak dixx on August 11, 2008 1:30 AM

Give double PHD to TUN.
By Lily on August 11, 2008 1:34 AM

Yang Di Kasihi Tun,
English is surely a universal language! I am proud that as a Malay I can work overseas particularly in an English speaking country because I master the language itself since my schooldays. However, I never forget my roots and always remember and felt proud that I am a Malaysian and could still speak Malay fleuntly. I felt proud when my friends remember you as a dynamic leader. God Bless You and your family Tun.
By sabrinalong on August 11, 2008 1:40 AM

org2 yg membangkang penggunaan inggeris dal 2 subjek ini penuh dgn alasan dan selfish!!

bila masuk universiti semua in english..bila kerja..interview semua english...

i wish i can speak fluently but sadly during my schooldays hanya dalam klas english... itupun adakala cikgu english lebih suka bercakap dalam bahasa malaysia...

what we should do now is to train the teachers techniques to deliver subjects to students..
By Pok LelahAuthor Profile Page on August 11, 2008 1:42 AM

Dear Tun....Saya menyokong 100% pembelajaran subjek sains & matematik diajar di dalam Bahasa Inggeris.Kita sebenarnya tidak boleh menyempitkan pemikiran kita secara jumud ibarat katak hidup di bawah tempurung.Kita perlu membuka minda kita luas2 bahawa kita bukan hidup berseorangan dan khayal dalam dunia ciptaan kita sendiri.Bila kita buka tempurung tersebut nescaya anda dapat rasakan katak akan berkata-kata...ohhh...alam ini sebenarnya terbentang luas,aku bukan hidup keseorangan sekarang baru aku tahu alam ini dipenuhi dengan pelbagai jenis spesis kehidupan berinteraksi di darat,laut & udara.Kita bukan hidup di zaman 60an@70an di mana pejuang2 bahasa pada ketika itu melaung2kan slogan bahasa jiwa bangsa.Kita sekarang hidup di dalam dunia tanpa sempadan yg penuh dengan ledakan teknologi maklumat & kepesatan pasaran global.
Tiada cara lain kita dapat berkomunikasi dengan negara lain sekiranya pengetahuan Bahsa Inggeris kita lemah.
Pada ketika negara2 lain berlumba2 mempertingkatkan pengetahuan Bahasa Inggeris seiring dengan perkembangan dunia semasa, Msia seolah2 kini telah hilang arah & ingin pula menongkah arus.China & Jepun pada ketika dulu mengagungkan Bahasa Ibunda masing2 kini telah seiring dengan arus perdana mengakui realiti bahawa perubahan sistem pembelanjaran perlu dilaksanakan kepada kecenderungan ber Bahasa Inggeris.
Pembelanjaran sains & metamatik dlm Bahasa Inggeris hanya dapat dituai hasilnya bukan sekelip mata. Proses ini tiada noktahnya dan berterusan.Apa yg penting ianya dapat menggilap generasi2 pelapis muda kita sekarang berfikiran kritis,analitikal & kalkulatif.Apa yg penting teknik pembelanjaran perlu dipertingkatkan ke arah yg lebih sistematik (learning is fun).Usaha-usaha Tun Mahathir ini adalah dihargai ibarat meneroka laluan sempit & sukar tapi akhirnya ketemu penghujung jalan untuk ke arah jambatan menuju wawasan.....HIDUP TUN MAHATHIR
By tanahairkuAuthor Profile Page on August 11, 2008 1:47 AM

Assalamualaikum Tun,

Satu topik yang menarik untuk diperbahaskan. Izinkan saya memberikan pandangan peribadi saya yang agak berbeza.

Bahasa jiwa bangsa. Kata-kata itu amat tepat dan penuh makna dalam membina sebuah negara bangsa. Bangsa apakah kita? Bangsa Malaysia. Negara kita ini masih muda. Tiang serinya belum kukuh. Di dalam membina negara ini, pendapat daripada beberapa Penyata Pelajaran terdahulu telah pun mengupas soal bahasa sebagai alat perpaduan dan hidup berkasih sayang. Kita lihat hari ini ada orang Malaysia yang masih belum mahir berbahasa Malaysia. Sekiranya generasi ini tidak diperbetulkan, maka generasi yang seterusnya pun akan begitu. Orang-orang di kampung masih ramai dan mundur. Mereka bukan seperti kita yang berpelajaran boleh berdiskusi di dalam internet seperti ini. Memang benar niat untuk berbahasa Inggeris itu murni untuk kemajuan. Tetapi sekiranya rumah yang dibina belum siap, bagaimana kita ingin membina kekuatan negara untuk maju ke hadapan. Kita tidak mampu berlari sekiranya belum boleh berjalan. Anasir-anasir liberalisme dan westernization cepat masuk dengan menggunakan pentas ini. Sekarang pun terdapat unsur-unsur ini yang terpaksa kita tangani dengan cekal.
Penggunaan Bahasa Inggeris boleh dibuat sepenuhnya pada peringkat universiti. Pada peringkat ini sumber maklumat adalah kompleks dan ilmu yang dipelajari berkait-rapat dengan dunia pekerjaan kemudian hari. Bahasa Malaysia pula boleh digunakan pada peringkat rendah dan menengah bertujuan sebagai ; a) Alat perpaduan b) Memberi peluang kepada anak-anak golongan paras sosioekonomi rendah menerima ilmu dalam bahasa yang difahami mereka dalam membina jatidiri. Kebanyakan mereka bijak tetapi dengan alat perhubungan yang tidak difahami merencat perkembangan.
Orang Eropah mempelajari bahasa Arab bukan untuk mengubah bahasa intelektual mereka, tetapi menterjemahkan serta mencernakannya untuk membina ilmu mereka sendiri dalam bahasa mereka sendiri. Sebelum itu, bahasa intelektual mereka adalah Latin. Ini jelas selepas Renaissance banyak ilmu baru lahir di dalam istilah bahasa mereka yang terpaksa pula dipelajari oleh orang Arab sendiri. Bangsa penjajah seperti Inggeris, Perancis, Jepun, Turki, Jerman mempunyai mentaliti yang berbeza berbanding dengan bangsa yang yang dijajah seperti kita, India, Pakistan, negara-negara Afrika dan sebagainya. Ketaksuban kepada bahasa mereka telah menyebabkan mereka mempunyai jatiditi yang kuat dalam mengharungi dalam globalisasi. Amerika Syarikat sendiri pun mempunyai sistem bahasa yang berbeza dan tidak mahu disamakan dengan Queen's English. Sekiranya bergaul dengan mereka, mereka agak hairan kenapa kita tidak berbahas sendiri ketika berkomunikasi atau mencampur-adukkan bahasa sperti bahasa pasar.
Dengan itu, penggunaan Bahasa Inggeris pada masa ini hanya mampu digunakan pada peringkat universiti.
By OMK on August 11, 2008 1:52 AM

Condemn me if you like but it is a reality that English is more important than Bahasa Malaysia.I obtained my undergraduate degree from UITM in the 1980s when medium of instruction was Engligh. I thought that my English is good enough until I moved to Canada to do post graduate studies. I have difficulty to understand course materials for my studies.

The success of using English to teach Math and Science depends on the English proficiency of the teachers who are teaching these subjects. Sad to say that most of these teachers themselves don't have the proficiency in the language. Malaysia needs more qualified ESL teachers to teach these math and Science teachers.

Bukan untuk tujuan belajar aje tapi macam2 sebab lagi. Ada juga orang yang tak puas hati bila Tun menulis dalam bahasa Inggeris tapi tak ada versi Melayu. Ini bukan salah Tun tetapi kelemahan diri kita sendiri kerana tak boleh menguasai kedua2 bahasa dengan baik.
By Man Jebat on August 11, 2008 1:52 AM

Assalammualaikum Tun,

To date, you are the greatest visionaries Prime Minister of Malaysia ever had.

Vision without action is just a dream. Vision with actions from capable human resources in implementation is a reality. Vision with action from non-capable human resources is a disaster.

I had a discussion with a friend with regards to this specific issue years back when you decided to ramp it through.

Train the trainer? Are the teachers trained and ready to implement the tasks that you visualize?

The answer is "NO!". It is safe to say that 99.99% of the teachers are not trained and their level of English Language proficiency is just 10%.

Failure of this vision is plain and simple; Near to non-existence of capable teachers to carry out the tasks. As such, it is a disaster.

"Vision with action from non-capable human resources is a disaster."

After all those years of implementing it, what are the teachers level of English Language proficiency now? From 10% up to 20%? 30%? 50%?

Your vision is excellent but the implementation is a disaster.

By the way, after what Anwar Ibrahim had done during his tenure as Minister of Education during your reign; we are paying the price now.

Man Jebat
By Noor Faiza on August 11, 2008 1:57 AM

Salam Tun,

Agree with you Tun. Bravo!
By sitinur on August 11, 2008 2:03 AM

salamualaikum bapak...
1 org g ia2 menentang matapelajaran math n sains di ajar dlm bahasa inggeris menghantar anak depa tuition bi sbb depa banyak duit o anak depa sek kat sek antarabangsa...

2 melayu lebih suka berhabis duit menghias rumah kumpul pinggan mangkuk beli tudung mahal2 dr antar anak p tuition bi ( mesti ada yg marah nih...tp realitinye mmg ada yg mcm tu kan..)

3 go2..go....
By aidaariff on August 11, 2008 2:06 AM

there is no words in my vocabulary to express my 100% agree with every and single word from you,

with due respect can someone tell me any harms of widen our knowledge of learning a global language for the sake of ur nation
By wan roselan on August 11, 2008 2:07 AM

KEPADA AYAHANDA;

MASALAH BAHASA INI MENJADI SENSITIF KERANA KEDUDUKANNYA MELAMBANGKAN BANGSA; APAKATA ORANG MELAYU DAH TAK TAHU BERBAHASA MELAYU SEPERTI ANAK2 ORANG BANGSAWAN BUKAN SETAKAT MATEMATIK DAN SAINS, BAHASA HARIAN MEREKA ADALAH BAHASA INGGERIS, MEREKA AMAT BANGGA BILA BERMESYUARAT DAPAT BERCAKAP

INGGERIS WALAUPUN SUMBANGANNYA KOSONG, IAITU CAKAP YANG LEBIH KERJA KURANG. TAPI KERANA PANDAI CAKAP DAPAT NAIK PANGKAT BIAR OTAK KOSONG; NAK KATA BELAJAR MATEMATIK DAN SAINS BOLEH MAJU APA PULA DENGAN BANGSA KOREA, JEPUN DAN TAIWAN ADAKAH MEREKA BELAJAR MATEMATIK DAN SAINS DALAM BAHASA INGGERIS; BAGI ANAKANDA CUKUPLAH DENGAN MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS, KERANA TAK DAPAT KREDIT BAHASA INGGERIS RAMAI PELAJAR MELAYU TAK DAPAT PERGI OVERSEA WALAUPUN MATEMATIK DAN SAINS DISTINCTION; JADI UNTUK DIKAITKAN DENGAN KEMAJUAN BANGSA DENGAN BAHASA RELEVANNYA ADA JUGA TAPI PENGUASAANNYA TIDAKLAH PERLU BERMULA DI SEKOLAH RENDAH, KERANA TUN PUN CAKAP PADERI-PADERI, SAUDAGAR-SAUDAGAR TENTUNYA MEREKA MEMPELAJARI PADA USIA YANG TELAH MATANG YANG AKAN MENGGUNAKAN PENGETAHUAN BAHASA SEMAKSIMUM UNTUK MENDAPATKAN ILMU BARU DALAM BAHASA LAIN.

SEKIRANYA DIPERKENALKAN PADA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH YANG KANAK2NYA BELUM MATANG ADALAH TIDAK PRODUKTIF SEBABNYA BAGI YANG BIJAK MATEMATIK ATAU SAINS TETAPI KERANA TAK FAHAM SOALAN BAHASA INGGERIS MAKA MEREKA MASIH TERCICIR. BANGSA LAIN LEBIH TERKEHADAPAN SEBAB BAHASA INGGERIS ADALAH BAHASA HARIAN MEREKA, INI MEMBERI KELEBIHAN PADA MEREKA MENYEBABKAN PELAJAR MELAYU MAKIN TERCICIR TERUTAMANYA YANG DI LUAR BANDAR. ORANG2 KAMPUNG DULU BOLEHLAH JUGA AJAR ANAK MATEMATIK DAN SAINS TETAPI SEKARANG TAK BOLEH SEBAB TAK FAHAM SOALAN BERLAINAN MEREKA YANG DI BANDAR ADA SUMBER TUITION, LIBRARY, PERGAULAN, KEDAI BUKU DSB, MAKA JADILAH ANAK2 KAMPONG TADI HILANG MINAT NAK BELAJAR, JADI PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU AKAN MEROSOT. JADI TUN KENA LIHAT PENDIDIKAN INI JUGA SEBAGAI PERSAINGAN YANG SAMA RATA, ORANG ASIA SUSAH NAK MENANG KALAU MAIN AMERICAN FOOTBALL SEBAB FIZIKAL, PERATURAN DAN BENTUK BOLA TIDAK BERPIHAK KEPADA MEREKA. TUN MUNGKIN BERTUAH KERANA BAPA GURU INGGERIS DAPAT PULAK ISTERI BANGSAWAN YANG MEMANG BERCAKAP INGGERIS,SAYA PERCAYA ANAK2 DAN CUCU TUN PUN BERCAKAP INGGERIS ENTAH2 CAKAP MELAYU DAH TAK BOLEH. HARAP2 MATAPELAJARAN MATEMATIK DAN SAINS MEREKA ADALAH CERMERLANG DAN DAPAT PULA MENTERJEMAHAKAN KEPADA PENGUASAAN TEKNOLOGI BARU DARI BANGSA YANG BERTUTUR BAHAS INGGERIS.

LIHATLAH SESUATU MENGIKUT APA YANG TERSIRAT KERANA APA YANG TERSURAT TIDAK SEMESTINYA BAIK.

MAAF AYAHANDA KERANA TERPAKSA DERHAKA PASAL BAHASA INI.

WRM
By schmucq on August 11, 2008 2:08 AM

Yg Bhg Tun,

Walaupun saya dapati sukar untuk saya menerima sebahagian dasar-dasar yang telah Tun kuat-kuasakan, saya dapati dasar pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris adalah dasar yang sangat baik. Saya dapati penguasaan bahasa Inggeris generasi kini adalah pada tahap yang sangat lemah. Kadangkala wujud perasaan malu bagaimana orang melayu bertutur dalam bahasa ingeeris terutamanya ketika saya menghadiri mesyuarat dan sebagainya. Malah saya lebih suka sekiranya aliran inggeris yang pernah dibuat satu ketika dulu diperkenalkan. Bergantunglah pada kehendak seseorang samada dia mahukan kejayaan dalam menguasai bahasa Inggeris ataupun mahu terus tinggal dibelakang. Apapun dasar ini adalah dasar yang baik dan untuk itu Tun patut diberi pujian.
By Anjang AkiAuthor Profile Page on August 11, 2008 2:20 AM

Bahasa ialah jiwa bangsa. Tanpanya tiada apa untuk diagung dan dimegahkan atau dipertahankan keselamatannya. Sekiranya ia kolot dan lemah, kitalah yang mengkolot dan melemahkannya.
Bahasa sains dan matemetik asalnya di dalam bahasa Latin yang kemudian apabila mengalami

perkembangan berpindah ke bahasa Greek, Arab, Parsi dan seterusnya. Sejajar dengan perpindahan tersebut maka timbullah tamaddun Greek, Arab, Parsi dan sebagainya dan berkembanglah bahasa dan budaya mereka sehingga 70% daripada perbendaharaan bahasa Turki Osmaniah diambil daripada bahasa Arab dan Parsi kerana bahasa Turki asal ialah bahasa agak lemah. Dengan kemasukan pedagang daripada Arab dan Parsi pada zaman kesultanan Melaka dahulu, berkembanglah budaya Arab di kepulauan tanah melayu dan kemudian dengan kemasukan penjajah barat berkembang pula budaya Eropah. Budaya berkembang menerusi bahasa kerana bahasa ialah jiwa bangsa. Apabila semakin kurang penguasaan kita di dalam bahasa melayu, semakin lemahlah jiwa kita dan akhirnya hanya tinggal kulit berwarna cokelat yang isinya jiwa baru yang berasa lebih bangga bertutur di dalam bahasa asing. Bahasa melayu yang semakin kurang diberikan kepentingan tidak boleh berkembang sekiranya kita sendiri menganggapnya sebagai sekatan kepada kemajuan sains dan teknologi.
Bangsa Jepun dan Korea tetap maju walaupun mengajar sains dan matemetik di dalam bahasa ibunda mereka malah kita yang perlu mempelajari bahasa mereka sekiranya ingin belajar sesuatu.
Negara-negara di Eropah juga tidak menggunakan bahasa Inggeris kecuali United Kingdom tetapi mereka tetap maju. Buku-buku karya German, Rusia, Jepun, Inggeris, semuanya diterjemahkan dengan gigih oleh para penterjemah dan berkembanglah bidang penterjemahan, penulisan dan bahasa mereka dan ilmu yang diterjemahkan menjadi sebahagian daripada budaya mereka. Tiada ilmu yang tergadai dan tiada jiwa yang tercicir.
Sekiranya kita merasakan kita perlu belajar sains dan matematik di dalam bahasa Ingeris kerana kita kekurangan cetakan berbahasa melayu, maka perbanyakkanlah. Sekiranya kita rasa tak sempat terjemahkan kerana ilmu sains berkembang dengan amat laju, ianya tidak relevan untuk peringkat pengajian sains sekolah rendah dan menengah, malah peringkat sarjana muda sekalipun kerana pengajian sains peringkat tersebut amat basic dan tidak melibatkan teknologi tinggi.
Oleh itu pembelajaran sains dan matematik di sekolah perlu dikembalikan ke bahasa Malaysia manakala penekanan lebih juga perlu diberikan untuk pelajaran pelbagai pilihan bahasa asing sebagai matapelajaran wajib agar kita tetap lancar berkomunikasi diperingkat antarabangsa dan kita juga boleh memahami budaya bangsa lain kerana bahasa ialah jiwa bangsa dimana kekuatan dan kelemahan terpamer untuk dieksploitasikan.
Saya bukan berpendapat begini kerana saya tidak pandai berbahasa Ingeris. Selain bahasa Ingeris saya juga menguasai pada tahap fasih satu lagi bahasa asing kerana saya berkelulusan sains dari universiti luar negara yang menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa perantara. Mereka boleh tetapi kita tak boleh?
Harap dapat direnungkan.
By joneadam on August 11, 2008 2:20 AM

Tun,

I agree with the teaching of Science and Mathematics in English. I thought that was a good decision made. It is the way forward.
Situation nowadays, we are going backwards not towards 2020. The problem is , these people have no vision, therefore they are not Leaders.Teaching in Malay may be good, but the standard of English has deteriorated ( maybe that is why they want it in Malay ). If we are so concern about teaching these subjects in Malay, then why do we need to send our children overseas to study, keep them here!Only those with good English is sent.
By AnakSarawak71 on August 11, 2008 2:23 AM

Selamat buat Tun dan seisi keluarga,
Kalau di imbas kembali semua matapelajaran dalam bahasa Inggeris kecuali Bahasa Inggeris sendiri telah di hapuskan sepenuhnya pada tahun 1982.Memang betul dan saya setuju 100% terhadap kenyataan Tun.Apa yang berlaku sekarang 90% kaum bumiputera buta terhadap perkataan dan bahasa Inggeris. Sungguh menyedihkan terutama sekali bila mereka telah melangkah ke alam perkerjaan.Contohnya apa yang berlaku kepada kumpulan juruteknik (Technician) yang dihantar untuk latihan ke Limavady baru-baru ini. Rata-rata dari 20 orang kesemuanya boleh dikatakan ada yang langsung tak pandai berkomunikasi dan boleh dikatakan juga bahasa inggeris sekadar cukup makan.Semasa training/latihan nak tanya soalan pun tak tahu macam mana nak bertanya. Dia sini nampaknya ramai yang sesat. Inilah akibat dan kesan dari kesilapan yang lampau.hanya semata-mata

bencikan barat bahasa inggeris diketepikan memang bahasa malaysia/melayu adalah bahasa kebangsaan kita tapi cuba berkomunasi dengan orang asing dengan menggunakan bahasa melayu,di sini siapa yang faham. Janganlah disebabkan antikan barat seumpama marahkan nyamuk kelambu di bakar. Disini bahasa melayu sungguh indah perumpamaan yang di terjemah cukup jelas tapi kenapa mereka yang dulu,kini dan selama tak faham??? Kepada menteri pelajaran fikir-fikirkanlan..ikut hati,mati...ikut rasa,binasa...pandanglah ke hadapan untuk memajukan bangsa,negara dan generasi akan datang.Apa gunanya ilmu yang dikurniakan dan dianugerahkan jika tidak dimanfaatkan dan adanya hasrat dengki dan dendam hanya untuk menghancurkan bangsa dan negara sendiri? Ingat kegagalan dimasa hadapan adalah bermula dari sekarang...untuk itu ubahlah haluan untuk menuju kejayaan. Malaysia Boleh, Tun Boleh!!!!!
By WanJ Peraksi on August 11, 2008 2:27 AM

Ybg Tun,
Apa habaq....
saya bersetuju Metamatik dan sains diajar dalam bahasa english, ini sesuai dan berguna buat Medical Student,Law student,accountant dan lain-lain ini kerana kita tahun buku dan bahan rujukan semuanya 99% dalam bahasa english. Tun berpandangan jauh dalam hal ini.

Semasa Tun, kita tidak dibenarkan belajar diInternational School, pasal dia masih lagi sayangkan bahasa ibunda, Bukan macam sekarang akta pejaran tesebut telah dipinda oleh Menteri Pelajaran sekarang agar semua orang boleh belajar di International School, itu pasal banyak anak2 orang berada tidak fasih berbahasa melayu, ini yang kita patut buka mata dan awasi......

Fikir2 lah wahai orang melayu yang mudah lupa.....

salam Tun
By azmd888 on August 11, 2008 2:29 AM

Saya setuju benar, oleh yg demikian, dasar yg digunakan oleh kerajaan sepanjang 30 tahun lepas adalah salah. Maka model yg harus kerajaan ikut ialah Singapura, iaitu bahasa pengantar adalah bahasa Inggeris, walaupun majoriti penduduk bangsa cina. Jadi tidak perlu sekolah cina atau tamil atau melayu. Hasilnya tidak pula kelihatan Singapura sudah jadi kurang cina. Bahkan taraf Singapura jauh lebih tinggi berbanding M'sia. Seakan-akan ada hubungan antara kemajuan bangsa dgn penguasaan bahasa ilmu. Teori ini mungkin akan terbukti dlm masa 10-15 tahun akan datang.

Murid di peringkat rendah boleh dan mampu belajar walau apapun bahasa yg diguna. Cabarannya adalah ramai guru yg tidak mampu berkomunikasi walau dlm bahasa Inggers yg mudah. Saya harap para guru tidak lemah semangat walaupun kesan jangka pendeknya adalah keputusan peperiksaan tidak memuaskan akibat menggunakan bahasa Inggeris.

Kita harus mulakan sekarang, jika tidak bila lagi.

Ian, SA
By ejewaAuthor Profile Page on August 11, 2008 2:37 AM

My Dear Tun,

Dan... saya juga rasa bertanggungjawab kerana setelah 5 tahun sekolah rendah belajar bahasa inggeris masih jugak tidak pandai, dan disambung 5 tahun di sekolah menengah juga masih ditakuk yang lama. Setelah 4 1/2 tahun di universiti barulah saya ikhtiar meningkatkan mutu bahasa inggeris saya. setelah 3 tahun bekerja di syarikat swasta, saya malu sebab saya tidak boleh komunikasi dalam bahasa inggeris, tapi saya tetap cuba walaupun grammar tonggang terbalik. lepas 3 tahun keyakinan bertambah baik dan bahasa sedikit sebanyak dikuasai dan kini bertambah baik. Lihatlah pengajarannya, saya mengambil masa lebih 15 tahun untuk ini. Sanggupkah anda menjadi senasib dengan saya. Langkah yang saya buat untuk diri saya, pertamanya saya berSYUKUR subjek2 tersebut diajar dalam bahasa inggeris sekarang, kedua adik saya yang masih bersekolah di sekolah rendah telah saya tanggung dan hantar ke tusyen

bahasa inggeris (walaupun sekolah telah menyediakan kelas tambahan). Semata2 untuk mereka kuasai bahasa dunia pertama itu dahulu. Dan saya akan terus menggalakkan mereka untuk kuasai bahasa2 asing lain. Walaupun mereka mengeluh kerana kurang kefahaman, tapi saya terus memberi semangat kepada mereka bahwasanya bahasa bukan penghalang sedangkan yang bisu pun boleh berkata-kata inikan lagi kita yang bersuara. Titik tolak nya... usaha sebelum berkata kalah! saya telah berusaha dan kini saya menang.

Kini... saya berada jauh dinegeri asing menyambung pelajaran diperingkat tertinggi. Suatu hari dikedai kopi, Kawan aku Korean cakap, "kita belajar bahasa inggeris sebab nak tahu ilmu dia kalau nak banding teknologi kita lagi advance", kawan German aku cakap, "kita pun sama jugak, tapi ko kena belajar jugak bahasa German sebab teknologi kita pun world class tau", kawan aku dari UAE cakap, "kita pun sama tau kena tau inggeris sebab dulu ilmu tok nenek Islam kita dia curi, so kita nak amik balik lah, sekarang kita punya negara tengah membangun, awak pun patut tau bahasa Arab sebab nanti boleh deal business dengan kita". (sembang kedai kopi - Starbuck@RG1).

Bahasa itu perantara...
Kuasainya satu kelebihan...
Yang asli tak akan dilupakan...
Masih lagi saya boleh menulis dalam bahasa Melayu..
Hissshh sapa kata kita tak agungkan bahasa kita. Kita kena fikir positif untuk maju. Melayu.. Masih kah kita perlu ikut cara lama dan duduk di takuk yang lama. Bukalah Minda Luas-luas...!
By Onlooker on August 11, 2008 2:45 AM

Salam Tun,

Kebanyakan pakar-pakar pendidikan berpendapat bahawa mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Bonda murid-murid sekolah adalah lebih cekap dan berkesan dibandingkan mengajar kedua-dua perkara tersebut dalam Bahasa Inggeris kerana murid-murid boleh senang faham dalam Bahasa Bonda.

Saya masih beringat bahawa saya mulai belajar Bahasa Inggeris pada peringkat darjah tiga di sekolah rendah. Sejauh yang saya ketahui, tidak pernah ada sesiapa pun rakan sekolah saya yang betul-betul sanggup bertutur dalam Bahasa Inggeris bila kami bertamat sekolah pada peringkat darjah enam. Ini adalah kerana rakan sekolah saya dan saya sendiri semua berhidup di kawasan kampung dan tidak mempunyai peluang dan suasana baik untuk belajar bertutur dalam Bahasa Inggeris. Namun begitu, kebanyakan kami bila tamat sekolah rendah sudah mempunyai dasar pengetahuan Sains dan Matematik yang munasabah kerana kami adalah lebih fasih dalam Bahasa Bonda sendiri dan senang sahaja untuk menerima pengetahuan yang sudah diajar oleh cikgu-cikgu dalam Bahasa Bonda kami.

Adapun timbul isu berkenaan "mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris" ni adalah atas sebab politik. Dalam politik ni, atas kepentingan peribadi, sesuatu isu perlu di"wujud"kan, diperkatakan dan diperbesarkan walaupun ianya sendiri bercanggah dengan pendapat para akedemik.

Akan tetapi saya amat tak sokong, tidak bersetuju dan membantah tindakan Tun menggunakan ayat "Tuntutlah Ilmu hingga ke negeri China". Diharap agar Tun dapat perbetulkan kesilapan tersebut.

Wassalam w.b.t
By saka bulin on August 11, 2008 9:28 AM

Salam Tun;

What you have decided is absolutely right. I agree > 100 %.
By Melayu Totok on August 11, 2008 9:39 AM

Assalamualaikum.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Tun. Memang diakui bahasa itu jiwa bangsa, akan tetapi bukan bermakna jika kita belajar bahasa lain kita tidak bersikap patriotik.

Kita (terutama orang Melayu) digalakkan untuk belajar bahasa Arab, supaya dapat memahami dengan lebih mendalam maksud terkandung dalam Al-Quran, adakah itu bermakna kita tidak cukup patriotik ?? Malah ada antara ramai orang Melayu yang menggunakan perkataan seperti "anta, ana" dalam perbualan mereka. Kenapa tidak ada yang hendak komplen.

Tidakkah orang-orang ini bangga jika anak Melayu dapat bertutur dalam pelbagai bahasa ?

Saya bernasib baik, saya bertutur dengan anak saya yang berumur 4 tahun dalam bahasa ibunda, akan tetapi saya serapkan juga bahasa Inggeris dalam perbualan dengan dia. Alhamdulillah, sekarang anak saya mampu untuk memahami apa yang saya cakap dalam bahasa Inggeris. malah ianya menjadi lebih mudah, apabila saya membelikan program-progam komputer untuk kanak-kanak yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris, dan anak saya mampu untuk mempelajarinya dirumah.

Terima kasih Tun.
By azli67 on August 11, 2008 9:39 AM

Tun,

Saya amat bersetuju dgn Tun berkenaan belajar Math dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Saya amat tidak bersetuju atau tidak faham pemikiran pemimpim-pemimpin dan juga pejuang-pejuang melayu yang mahu Math dan Sains diajar dalam b.melayu.Pemikiran mereka adalah terbelakang.Mereka hanya ingin menjadi popular sebagai suatu perjuangan tetapi tidak melihatnya seperti yang dilihat atau difikirkan oleh Tun.

Kita perlu sedar walaupun bangsa lain seperti cina dan india memperjuangkan bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah tamil atau cina TETAPI kita perlu sedar dalam masa yang sama mereka telah menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat tuisyen untuk memahirkan bahasa Inggeris.Mereka tahu kepentingan B.Inggeris dan mereka juga mampu untuk mengeluarkan wang untuk tuisyen.Mereka juga mempraktikkan B.Inggeris walaupun kita dengar pun pelik (Broken English).MALANGNYA bangsa kita MELAYU (PEMIMPIM-PEMIMPIN yang hanya mahu popular) yang tidak sedar atau buat-buat tidak sedar.

Saya rasa ini sahaja satu-satunya peluang untuk anak-anak malayu mamahirkan B.Inggeris secara tidak langsung sebelum mamasuki Univ.dan dunia pekerjaan secara percuma (sebab tidak mampu ke English tuisyen).Kita mesti ada titik permulaan untuk BERUBAH.

Terima kasih.
By Patek1472Author Profile Page on August 11, 2008 9:41 AM

Q45. Malaysians are better off learning only Bahasa Melayu. (Fact or Fiction)
Rakyat Malaysia lebih maju mempelajari cuma Bahasa Melayu. (Fakta atau Rekaan)

Answers at http://patek1472.wordpress.com
Jawapan di http://patek1472.wordpress.com
By bella on August 11, 2008 9:42 AM

kenapa org nk takut bila kena belajar maths and science dlm english..
tindakan tun dah betul, kita patut start dari sekarang..
dalam iklan pun dah cakap "zaman dah berubah, dunia dah maju"..
kita pun tahu, bahasa antarabangsa ialah bahasa inggeris..
mungkin sekarang ni, pelajar susah nk sesuaikan diri lagi..

biasalah tu take time kan, nanti bila dah selesa, yang senang, negara kita juga..
negara kita tidak la besar mana, untuk jadikan bahasa melayu bahasa antarabangsa, mustahil la kan..
tetapi untuk jadikan rakyat negara kita terkenal di peringkat dunia, bukanlah mustahil..
asalkan ada hala tuju, dan corak pimpinan yang betul..
saya tak faham, kenapa ada yang tak faham lagi bila tun minta PM sekarang resign, mereka bantah malah kutuk..
terang² dah sekarang ni..
tun, tolong bagi ulasan tentang permintaan MB Selangor minta kuota 10% bagi bukan bumiputra untuk masuk UiTM..
saya student UiTM, saya tak nak tengok harta orang melayu ni jatuh tangan orang lain..
sedangkan tuan yang bercakap tu pun orang melayu..
student uitm tahu untuk bersikap global..
kami bukannya "kampung" sangat pun..
By zetiAuthor Profile Page on August 11, 2008 9:43 AM

Assalamualaikum....

Tun sekeluarga, saya doakan kesejahteraan dan keselamatan dilindungi oleh Allah...

Tun saya ibu muda kepada 5 orang anak, sewaktu Maths & sains di inggeriskan... anak sulung saya baru darjah 6, saya cukup risau masa di form 1 nanti pelajaran beliau akan merosot sebab dia bagus dalam math tapi penguasaan inggerisnya amat lemah.

Hubby saya lagi lah risau sampai marah2 makihamun Tun sedangkan hakikatnya dia sendiri sekolah penang free school pun dlm aliran inggeris (saya minta maaf banyak2 atas sikap beliau)sebab selama ni dia bertungkuslumus, balik kerja tak sempat nak salin pakaian penuh semangat bersinsing baju mengajar anak math kerana pendapat beliau kalau seseorang student boleh score math maka subjek yang lain pun dia akan cemerlang.

Masa anak sulung form 1, adik ke 3 darjah 1, mereka berdualah perintis belajar math & sains dlm english, pada mulanya memang sukar...kami ikhtiar berhabisan duit hantar tuisyen.

Alhamdulillah.... la ni anak sulung form 4, masa PMR last year dia score math & sains A. Anak no. 2 pula form 2 (dia ni lemah sikit UPSR dapat 1A je iaitu Math) form 1 masuk kelas no 6 tapi tak sangka naik form 2 dapat masuk kelas ke 4 apa yang buat saya terharu result exam mid-year bulan 6 baru2 ni guru kelas beritahu prestasi dia makin ok insyaallah next year PMR dia boleh score 7A(dia lemah sejarah alasan anak saya sebab sejarah susah kena baca dan hafal kalau math & sains ingat formula je)...

Manakala dua orang lagi anak yang no.3 darjah 4 & no.4 darjah 2, dia orang dari darjah 1 dah belajar sains & math dlm english so memang tak ada masalah lagipun abang2nya memang banyak bantu tak payah kami hantar tusiyen.

Tun, baru2 ni bila ada yang mencadang tukar balik Math & sains dalam b.malaysia anak2 saya marah tak suka, so saya tanya kenapa? alasan buku rujukan dalam b.malaysia susah nak dapat lagipun dalam internet belum ada lagi terjemahan sains & math dalam bahasa melayu.

Tun, kini hubby saya dah sedar dan betul2 kesal marahkan Tun, la ni kalau dia tahu ada cadangan tukar balik Math & sains dalam b.malaysia dialah orang pertama membantah kerana keputusan Math & Sains dlm english satu langkah yang bijak demi masa depan anak2 Melayu.

Sekian, salam sayang buat Tun dan isteri...
By retomanic on August 11, 2008 9:44 AM

Dr. M, as I grew up, u happen to be the only leader I look up to. You r a man of vision, n full of wisdom. You brought me to whr I am with dreams beyond our reach and willpower to think. Our mind is an absorbing sponge, too many to learn, too little to wonder. Being trendy was understandingly our belief,

but u guide us to achieved what we need, not what we want. Thank u. Concerning this topic, I agree that English in Maths n Sciences is a revolution to our country. Terms and formulas has been standardize thru out the world. I am currently taking Engineering, and I experienced the difficulties to learn and understand engineering once I advanced to University levels since the teaching medium here is in English. I find it very difficult to apply those Ive learned and practised from my Technical secondary school (which is in Bahasa Malaysia), to those Id learn in University. Knowledge should be limitless and in any kind of medium. Be it drawings, or numbers, or languages, the ability and duration of time to absorb it counts. With English in Maths and Sciences, we not only get to understand it in both language, but to also allow us to translate it easier to those who want to learn. I was at your pascal election forum the other day, and I was quite sad, whn the words "Mana Jati Melayu?" was thrown at us. I believe that no one should judge what we say, but perhaps,judge what we know. I lost my confidence for the country after that incident. "Tabiat Takpa, Memakan Diri". These slogans wont be affecting anyone, if those up there isnt showing it. Dr.M,as Im growing up, Im hoping everyday for u to not stop enlightening us!
By inxs on August 11, 2008 9:49 AM

I wish to correct the comment wrote by pulau_sibu. The conversion of Mathematics and Science from English to Malay was implemented in 1970. Tun Dr Mahathir was the Minister of Education in 1974. He was infact loss the 1969 General Election. How could he be the Education Minister then and also he was sacked from UMNO around that time.

Pulau_Sibu.... please check your facts before you make any accusations. You must be one of those who hates history during your school days.
By mamat2008 on August 11, 2008 9:52 AM

salam Tun,
topik ni erm....susah nak cakap...saya belajar sains dan math masa sekolah dulu guna BM, then sampai kolej pun guna BM, then masuk University pulak...ada lecturer suka guna Bm ada guna BI...campur aduk macam rojak! ada satu subjek mmg saya guna BM, ada satu subjek saya guna BI, ada satu tu pulak saya guna dua2...memang pening...itu masa first year...masuk 2nd year fully english... and next next next year nyer pulak fully english. saya tak kisah sebab saya faham semuanya. (buku2 references semua dlm BI ada satu je dlm BM).
Tapi Tun, kenapa Jepun and Korea boleh maju guna bahasa dorang sendiri ek? kenapa Malaysia tak buleh ek?
saya ada kawan dia pernah pergi ke Thailand...ada kursus, Uni aper tah saya lupa... alatan yg digunakan utk teaching yg digunakan sgt maju as compared to Malaysia! saya pun terkejut. kwn saya ni ada kursus midwifery kat sana, manequin dia siap buleh betul2 deliver baby! kat mesia ni mana ada lagi. dan buku2 yg digunakan ada 2 bahasa...bahasa english dibahagian atas dan translationnya dibahagian bawah!masa saya exam kat U dulu (utk exam paper ajelah), mcm ni jugak BM bahagian atas and translation bahagian bawah...ada yg saya baca bm ada yg saya baca BI...ikut mana faham...sebab exam kan, tak maw fail... bagus jugak idea dorang ni kan?
erm Tun jugak kata amalkan dasar pandang ke Timur...cth jepun, dorang guna bahasa jepun gak...erm saya berpendapat tentang bahasa ni tak kisah pun belajar apa2 bahasa tp demi menyatu padukan masyarakat satu bahasa sahaja yg perlu sb nanti semua org ckp bahasa yg sama...tapi utk belajar (dan ikut tajuk artikel Tun ni)...mmg penting bahasa Inggeris tu, reasonnya, bahasa international, so kalau pergi mana pun saya dapat kerja e.g. kat Spore ke, US ke UK ke...sebab kat sana gaji lagi mahal...hehe...
By puyooAuthor Profile Page on August 11, 2008 9:54 AM

Salam Tun,semoga sihat dalam iman.

Terima Kasih atas penjelasan Tun tentang pelaksanaan dasar Sains dan Mametamik dalam bahasa Inggeris.

Saya sangat setuju dengan pengukuhan dan pemerkasaan penguasaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu yang utama dan penting sekarang.Dan saya sangat setuju dengan pendapat bahawa setiap umat di Malaysia terutama Melayu semestinya boleh menguasai bahasa

Inggeris.Adalah amat rugi bagi sesiapa yang tidak dapat menguasai bahasa ini.

Hakikat ini saya rasai sendiri sebagai seorang yang tidak dapat menguasai bahasa tersebut dengan fasih.Sememangnya saya hampir langsung tidak mampu berurusan dengan bangsa asing terutama bila mana saya menguruskan jual beli melalui internet dan pembeli datang dari luar negara.

Tetapi persoalannya Tun, bukan "Pengunaan bahasa Inggeris" itu yang salah atau kurang tepat, tetapi kaedah dan cara pelaksanaannya di peringkat persekolahan sahaja saya rasa kurang betul. Sepatutnya Sains dan Matematik tidak dijadikan batu loncatan.Seperti kata Tun, Sains dan Matematik adalah bidang ilmu yang mesti dikuasai.Tetapi malangnya anak-anak kita tidak semuanya berkeupayaan menguasai bahasa Inggeris jadi bagaimana hendak menguasai ilmu tersebut.Lihat petikan ungkapan Tun ini,"Yang jelas daripada sejarah ialah penguasaan ilmu yang ada pada bangsa lain bermula dengan penguasaan bahasa bangsa-bangsa ini."

Mana satu yang kita mahu, bahasa atau ilmu? Tentu kedua-dua bukan? Tetapi kalau bahasa tak dapat, ilmu terus hilang.

Ungkapan Tun ini sendiri mengiakan bahawa penguasaan bahasa itu "dahulu" adalah amat penting.Dah menguasai bahasa kita guna bahasa tersebut untuk menguasai ilmu.Maka sebenarnya dan sepatutnya langkah yang tepat ialah dengan memperkasakan subjek bahasa Inggeris itu sendiri.Dan bukan memaksa pengajaran sains dan matematik kepada semua anak-anak kita termasuk yang kurang berkeupayaan menerjah alam ilmu yang sebelum ini diakui sebagai sukar walaupun disampaikan menggunakan bahasa ibunda ,apatah lagi menggunakan bahasa yang langsung tidak mereka kuasai.

Berdasarkan pemerhatian saya kepada pengalaman 3 orang anak saya dan waktu saya sekolah dahulu mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah kita lebih kepada berorientasikan peperiksaan.Pengajarannya lebih memberatkan kepada nahu atau undang-undang bahasa dan bukan penggunaan bahasa Inggeris itu sendiri. Sedangkan dalam teori pembelajaran bahasa ini terdapat dua pendekatan.Pendekatan pertama ialah pendekatan mempelajari bahasa sebagai bahasa pertama (bahasa ibunda) dan pendekatan kedua ialah pendekatan mempelajari bahasa sebagai bahasa kedua.

Pendekatan pertama lebih menitik beratkan kepada undang-undang bahasa atau nahu, sementara pendekatan kedua lebih menitik beratkan penggunaan dan penguasaan bahasa secara dasar.

Jadi dalam situasi anak-anak Malaysia, di mana kebanyakannya bukan penutur jati bahasa Inggeris.Ada bahasa ibunda Jawa,Bugis,Banjar,Iban dan sebagainya termasuk pelbagai dailek seperti Kelantan,Terengganu,Kedah dan sebagainya.Kemudian majoriti anak-anak kita akan belajar bahasa Arab (mengaji al-Quran)dan bahasa Melayu (dalam persekitaran).Ini menjadikan bahasa Inggeris sudah jatuh ke bahasa ke2,ke3 malah ada yang ke4 kepada mereka,jadi pendekatan yang sesuai untuk mereka ialah pendekatan kedua dan bukan pendekatan pertama seperti yang kita amalkan dalam pengajaran bahasa Inggeris di sekolah.

Pemilihan kaedah ini amat penting untuk memudahkan penguasaan bahasa tersebut.Mana mungkin kita dapat menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan fasih tanpa menguasai bahasa tersebut.

Saya ingin ke tengahkan situasi sebenar yang berlaku kepada 3 orang anak saya yang berbeza tahap kemampuannya.2 orang berada pada pencapaian cemerlang (UPSR-5A) dan belajar di sekolah yang terpilih.Di peringkat sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu dalam Sains dan Matematik.Bila sampai di sekolah menengah menggnakan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik.Mereka ini kurang bermasalah dalam pembelajaran mereka.Tetapi anak ke3 yang mempunyai tahap pencapaian sederhana (UPSR-4B1C- C bahasa Inggeris) sering menghadapi masalah dalam tiga subjek yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya (Sains,Matematik,dan bahasa Inggeris sendiri).Beliau langsung tidak dapat memahami konsep lantaran kekangan bahasa tersebut.Keputusan ujiannya sentiasa di takuk gagal.Sedangkan dia boleh lulus di peringkat UPSR, sekarang ini dia langsung tidak dapat merungkai setiap permasalahan dalam Sains dan Matematik lantaran kekangan bahasa

tersebut.Jadi di sini dia sebenarnya mengalami kerugian yang amat sangat.Bahasa inggeris tak dapat, Sains dan Matematik terus keciciran.Inilah yang saya maksudkan dengan perbezaan bahasa dan ilmu seperti juga yang Tun ungkapkan.Di sinilah juga pentingnya menguasai bahasa itu dahulu baru boleh menggunakan bahasa itu untuk menguasai ilmu.

Jadi kesimpulannya saya berpendapat; kalau hendak diteruskan juga kaedah yang ada sekarang, kita mestilah melaksanakannya hanya di sekolah terpilih sahaja kerana sudah terbukti pelajarnya sudah bersedia.Sementara bagi pelajar yang sederhana dan lemah penguasaan bahasanya kita longgarkan dengan penyampaian ilmu Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu atau bahasa ibunda.Sekurang-kurangnya mereka dapat juga ilmu Sains dan Matematik tersebut, daripada terus hanyut satu apa pun tak faham.Dan mereka inilah golongan yang akan memenuhi pasaran kerja kolar biru.Kita kena akui bahawa tidak perlu semua anak-anak kita mesti jadi doktor/jurutera/peguam, memadai hanya sebahagian sahaja.Dan yang sebahagian inilah yang sepatutnya kita kerah habis-habisan kerana hanya yang inilah yang betul-betul bersedia.Tun sendiri mengakuinya hakikat ini "10. Apakah kita tidak mungkin mengadakan segelintir daripada orang Melayu mempelajari bahasa ilmu di zaman ini, iaitu bahasa Inggeris supaya mereka dapat menterjemahkan ilmu-ilmu ini kepada bahasa Melayu. Dengan itu orang Melayu lain boleh kuasai ilmu-ilmu ini dalam bahasa Melayu, tanpa mempelajari bahasa Inggeris."

Syor saya kepada pemudah penguasaan bahasa Inggeris kepada anak-anak yang kurang berkeupayaan dan untuk jamak supaya semua jenerasi keturunan kita nanti semuanya dapat menguasai bahasa Inggeris dengan fasih;

1. Ajarkan bahasa Inggeris kepada anak-anak di tahun 1-3 penggunaan bahasa itu secara normal dan bukan paksaan untuk menghabis sukatan pelajaran dan lulus peperiksaan.Ajar dahulu mereka bertutur macam kita ajar anak-anak yang baru mula bercakap.Di peringkat ini anak-anak hanya didedahkan lebih kepada aspek pertuturan dan pembacaan untuk membina seberapa banyak perbendaharaan kata dan membina keyakinan.Pengukuran di peringkat ini juga hanya menitik beratkan aspek pertuturan dan bacaan sahaja.Setelah boleh menguasai pertuturan dan pembacaan, sudah kaya dengan perbendaharaan, barulah masuk fasa ke2 di tahun 4-6.Di fasa ke2 inilah baru kita terapkan undang-undang bahasa dan nahu sebab mereka sudak boleh mengguna dan menuturkan bahasa tersebut.Di fasa ini jugalah mereka boleh diuji secara bertulis selain pertuturan dan bacaannya.

2. Mengajar bahasa Inggeris mengikut tahap.Tak lulus jangan naik tahap yang lebih tinggi.Bagi mereka yang belum lagi menguasai fasa 1 (penggunaan bahasa),mereka sepatutnya mengulang lagi kemahiran dan sukatan fasa 1 tersebut dan bukan terus ke fasa 2 seperti apa yang berlaku sekarang.Biarlah mereka tidak membuat karangan bahasa Inggeris tetapi mereka sekurang-kurangnya boleh mengajuk cakap dan membaca koran bahasa Inggeris, cukuplah daripada terus langsung "0".Jangan diulang kesilapan sekarang; tahun 1 tak lulus bahasa Inggeris (tak menguasai) teruskan juga sukatan di tahun 2 hingga tingkatan 5 (persekolahan wajib).Mana mungkin kalau yang asas tak menguasai, diharap pula menguasainya di tahap bahasa ilmu.Jadi biarlah mereka belajar asas bahasa itu walaupun sehingga ke tingkatan 5.

3. Wujudkan sebilangan sahaja yang benar-benar menguasai bahasa dan menterjemah ilmu sains dan matematik dalam bahasa ibunda.Kita telah laksanakan sekian lama dan telah berjaya melahirkan cerdik pandai bukan sedikit.Betul tak Tun;"10. Apakah kita tidak mungkin mengadakan segelintir daripada orang Melayu mempelajari bahasa ilmu di zaman ini, iaitu bahasa Inggeris supaya mereka dapat menterjemahkan ilmu-ilmu ini kepada bahasa Melayu. Dengan itu orang Melayu lain boleh kuasai ilmu-ilmu ini dalam bahasa Melayu, tanpa mempelajari bahasa Inggeris."

"Biar lambat sedikit asal dapat apa dihajat, daripada tergopoh-gapah dan akhirnya tersungkur".Ingatlah bahawa di SJKC mereka terus menggunakan bahasa ibunda untuk menyampaikan Sain dan Matematik, dan mereka terus di depan.

Jangan tanya berapa "A" dapat, tetapi cuba tanya berapa markah diperolehi. A boleh jadi 100, A boleh jadi 80, mungkin juga A boleh jadi 60 sahaja.Jadi C, berapa markah?

By hajiman ibrahimAuthor Profile Page on August 11, 2008 10:02 AM

Ybgh Tun.
Kerana sistem pemilihan pemerintahan parti / negara sebegitu rupa, maka ujudlah penyokong / menteri / MKT macam lalang ditiup angin. Bila Tun melancarkan sebarang rancangan , dasar etc. ketika Tun dipuncak , mereka semua sokong . Bila Tun lepaskan jawatan, lalang-lalang ni bertukar arah mengiakan kan kedangkalan DSAAB, sambil tu masih boleh pula membatalkan dan menyalahkan projek atau sistem yang dulu mereka sendiri setujui. Itulah pembohongan dan sikap hipokrik yang disimpan dalam jiwa pembesar diatas tu. Kronisma dah jadi halal dan begitulah keadaan ular lidah bercabang.

Perenggan 21, amat tepat dan setuju dengan Ybgh Tun.

Tkasih.

Mendoakan kesejahteraan dan kebahagian Tun sekeluarga.
By Sard80Author Profile Page on August 11, 2008 10:06 AM

Assalamualaikum,

Tun yang dikasihi dan dihormati...
Saya menyokong 1000000>% dengan tindakan Tun untuk ini. Terasa seperti ingin kembali ke zaman persekolahan untuk belajar sains dan matematik dalam BI. Kekadang rasa pelik kenapa melayu sendiri hendak menjatuhkan maruah bangsanya sendiri demi kepentingan diri sendiri. Tun buat ni semua untuk jadikan rakyat tak kiralah melayu ke cina ke india ke untuk maju dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dari segala aspek.

Memang betul dulu masa saya belajar kat sekolah rendah dan Menengah banyak guna BM, kat Universiti pun kebanyakkan guna BM cuma jika kita nak buat rujukan kena ambil dari buku dalam BI betul tak?, tapi bila dah grad dan nak bekerja Kebanyakkannya perlukan BI untuk komunikasi dan penulisan. Nak taknak kena belajar jugak BI betul tak? Hilang ke identiti melayu korang?

Bangunlah wahai Melayu yang sedang nyenyak tidur... Tidakkan hilang identiti Melayu kita jika kita Belajar Math dan Scs dalam BI. Malah akan menjadikan kita lebih berilmu, memudahkan hidup kita juga.

Tun boleh tak komen pasal BAR forum baru-baru ni...

Thanks..
By Akramin on August 11, 2008 10:06 AM

Salam Tun,

Ni semua menantu Paklah, Khairy Jamaludin yang cadangkan supaya Sains & Matematik diajar semula dalam bahasa Melayu. Anak beranak otak cetek!

www.akramin.blogspot.com
By suhainin suhaibol on August 11, 2008 10:08 AM

Bahasa merupakan sesuatu yang perlu kita pelajari terutama bahasa-bahasa yang melibatkan penggalian ilmu pengetahuan....pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris merupakan sesuatu langkah yang baik dan saya melihat perubahan mendadak dalam penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah terutamanya....ini sesuatu yang positif...

Tun,Semakin cuba saya lupakan
semakin kenangan itu datang.
Tun menyampaikan mesej kepada

kami melalui "Bahasa Kiasan dan
Bahasa Isyarat" 2003 yang hangat
dalam kenangan...wayang orang kah
itu atau pun hanya suatu sketsa drama.

Kalau sekadar wayang orang,mengapa
ada yang terkorban,terbunuh dan
dibunuh...tanpa saya sedari...awal-
awal lagi Tun sampaikan pesanan
yang berbunyi"Mahukah awak terlibat
dengan permainan ini kerana ianya
melibatkan nyawa" saya yang dungu
ini berkata"Yang sudah mati biarkanlah"
Di sini saya cuma ingin berkata
bahawa peranan bahasa itu amat luas.

melalui bahasa kiasan Tun Berkisah...
"kerana bahasa kita boleh terselamat
daripada maut dan kerana bahasa kita
juga boleh menjadi jutawan atau apa
sahaja"

2003...Tun melempiaskan perasaan Tun
kepada kami....saya menyelami perasaan
seorang perdana menteri dan kehidupannya,
mengetahui perasaan seorang jutawan,
mendekati perasaan seorang pemimpin
pergerakan bawah tanah atau secret society,
melalui perasaan wanita,kanak-kanak,orang
buta,bisu dan pekak....perasaan penjenayah
dan pengganas...hinggalah perasaan dan
kehidupan pesakit jiwa,terutamanya tentang
hidup dan perasaan pesakit Skizophrenia....
akhirnya saya disahkan oleh pakar jiwa sebagai
pesakit skizophrenia(Scizophrenia).....semuanya
melalui bahasa kiasan dan bahasa isyarat....
hendak kata apa lagi...nyata...bahasa itu
amat penting sebagai suatu landasan ilmu.
Benarkah saya gila....biar hanya saya yang
tahu...

Pendek kata saya melalui semua perasaan
itu melalui bahasa kiasan dan bahasa isyarat..
dan bahasa ini membentuk kembali jiwa,hidup dan
perasaan saya....pengalaman menjadi perdana
menteri penuh dengan kepahitan,kemanisan
ketakutan,kehinaan dan sebagainya biar pun
hanya dalam bahasa kiasan tetapi amat mengujakan.

Tun...terima kasih atas segalanya....Tun
seolah-olah berkata"Tiada harta atau wang
ringgit yang dapat saya berikan kepada
anda cuma terimalah sekelumit kenangan manis dan
kenangan pahit.....semoga ianya menjadi
bekal buat anda untuk meneruskan kehidupan
ini"....Tun,saya merindui mereka semua....

By cucujebat on August 11, 2008 10:08 AM

Bravo Tun, kerana pendekatan yang dibawa oleh Tun menyebabkan anak saya boleh berbahasa inggeris yang dulunya menjadi penyebab saya ponteng kelas.Nyata kini pendekatan Tun membuahkan hasil yang amat bermakna.Apa yang pasti pemikiran Tun terlalu kedepan yang menyebabkan ramai orang gagal berfikir secara rasional.Namun segala apa jua bentuk yang dibawa oleh Tun semasa pemerintahan dulu adalah untuk kejayaan bangsa dimasa depan.
By Hj M Zin on August 11, 2008 10:09 AM

Benar. Melainkan Tun Dr, pemimpin dan pejuang UMNO sejak dulu lagi ingin disukai ramai. Mereka menakutkan orang Melayu kononnya mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris akan memberi kelebihan kepada bangsa Cina dan India yang hidup di bandar. Apa gunanya memang sorak dalam bahasa Melayu jika ber-billion pekerjaan dalam bidang pembuatan tergadai kepada negara Cina dan dalam bidang perisian kepada negara India?

The Malays have to compete in the global job market that is English speaking!

11 Ogos 2008
Alor Gajah
By cucujebat on August 11, 2008 10:13 AM

Bravo Tun, kerana pendekatan yang dibawa oleh Tun menyebabkan anak saya boleh berbahasa inggeris yang dulunya menjadi penyebab saya ponteng kelas.Nyata kini pendekatan Tun membuahkan hasil yang amat bermakna.Apa yang pasti pemikiran Tun terlalu kedepan yang menyebabkan ramai orang gagal berfikir secara rasional.Namun segala apa jua bentuk yang dibawa oleh Tun semasa pemerintahan dulu adalah untuk kejayaan bangsa dimasa depan.
By OrangLama on August 11, 2008 10:16 AM

Salam Tun,

Izinkan saya beri pandangan dari pbeberapa sudut penggunanaan Bahasa Ingegeris untuk bidang Sains dan Kejuruteraan sahaja. Bidang Sastera saya tak sentuh!

Di Singapura penggunaan Bahasa Inggeris berleluasa dari peringkat sekolah ke Universiti tanpa masalah.Mereka ini orang putih ke? Adakah orang singapura hilang jati dirinya? Mereka cuma nak Bahasa Inggeris sebgai salah satu kebolehan untuk berdaya saing peringkat antarabangsa.Saya amat sokong penggunaaan Bahasa Inggeris di Universiti temapatan.

1. Bahan bacaan kebanyakan Bahasa Inggeris
Peringkat Universiti perlu banyak buku rujukan. Dahulu Pensyarah Universiti tempatan banyak menghabiskan masa menterjemah buku2 Bahasa Inggeris dan ada yang ceduk sana ceduk sini dan di jadikan buku kononnya ditulis oleh beliau sendiri. Itu baru satu buku. Maka tak dapat dielakkan pelajar kena juga baca buku rujukan Bahasa Inggeris. Kasihan Dewan Bahasa dan Pustaka terbitkan buku tak ramai pelajar beli. Universiti tempatan pun banyak juga terbitkan buku sebegini! Siapa nak tanggung kos ni!Terus terang saya katakan kualiti buku Pensyarah tempatan amat rendah. Buku Bahasa Inggeris yang diterbitkan luar negara adalah ditulis oleh pengarang terpilih, diantara pensyarah terbaik di US dan UK,biasanya.Buku2 ini pula mempunyai banyak penambahbaikan dan kemaskini melalui edisi2 baru.

Penggunaan istilah yang diterjemahkan juga tidak mendapat persetujuan sepenuhnya antara Universiti Tempatan. Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka yang sepatutnya digunakan oleh semua Pensyarah, tetapi bila menulis ada Pensyarah menggunakan istilah terjemahan Universiti masing2. Wahai para Pensyarah bijaksana, kasihanlah kepada pelanggan anda iaitu para pelajar. Janganlah keliru kan mereka, kamu sepatutnya mengajar Sains& Matematik. Jangan tumpukan sangat kepada istilah terjemahan! Kita dah ada Institut Terjemahan yang bertugas menterjemahkan perkara yang betul2 memerlukan penterjemahan!

Sekarang zaman INTERNET, mudah sangat pelajar mendapat maklumat. Ada nota kuliah Universiti luar negara yang boleh pelajar capai. Artikel2 ilmiah berkualiti dapat dicapai. Para Pensyrah Universiti Tempatan sepatutnya lebih dinamik, ubahlah sikap anda kerana hasil didikan peringkat Universiti sepatutnya bertaraf universal.boleh bersaing peringkat antarabangsa. Kenapa pelajar Malaysia lulusan luar negara terutamanya yang Berbahasa Inggeris lebih diutamaka dari pelajar lulusan Universiti tempatan oleh majikan swasta? Pensyarah pun sedar ada beberapa negara yang tidak guna Bahasa Inggeris pun membenarkan pelajar menulis tesis mereka dalam Bahasa Inggeris? Lihat saja tesis yang dboleh dicapai di Internet!

Ramai orang tahu bahawa ramai anak2 Pensyarah dan pegawai tinggi kerajaan mempunyai anak2 belajar di luar negara. Tetapi diantara mereka pula ada yang berusaha menafikan penggunaan Bahasa Inggeris di Universiti Tempatan. Apa ni? Ada tipu rakyat ke?

2. Universiti berkualiti.
Kepada Dato' Menteri Pengajian Tinggi dan orang2 kuatnya. Para Pensyarah sepatutnya menumpukan kepada tiga tugas utama iaitu :Pengajaran,Penyelidikan dan Rundingan . Para Pensyarah dan bos2 depa tidak patut dibenarakan buat kerja syok sendiri. Pelajar2 hutang PTPTN untuk belajar di Universiti. Ibubapa jadi penjamin. lepas tu harapkan anak2 berjaya bekerja dengan baik bukan jadi penggangur! Pembayar cukai pula nak kena "support" infrastruktur Universiti.

Kenaikan pangkat di Universiti tempatan sepatutnya sama kriteria yang diamalkan untuk kenaikan pangkat di Universiti terkemuka di luar negara. Janganlah buat perkara yang tak penting untuk KPI Universiti terkemuka dunia!

para pensyarah sudah semestinya menulis hasil kajiannya dalam Bahasa Inggeris untuk diterbitkan dalam impact factor journal! Adakah impact factor journal dalam Bahasa Malysia? Pembentangan seminar luar negara dalam Bahasa Malaysia ke? Pensyarah boleh cakap orang putih, student tak bolehke? Ada diskriminasi ke? (Hang pa jangan duk perabis duit rakyat hoi! Sorry jangan marah ye!)

Hanya dengan cara ini barulah boleh capai KPI dan dapat masuk semula dalam Top 200. kalau Universiti tempatan dah masuk Top 200, kalau boleh Top 50, Kualiti sudah tentu pasti ada. Pelabur negara pun yakin, ramai pelajar luar negara sanggup membayar yuran untuk belajar di Malaysia. Produk Malaysia lebih diyakini. terlalu banyak faedahnya jika Univ. tempatan cemerlang di peringkat dunia. Kasihanlah budak2 yang tak reti cakap orang putih ni nak minta kerja di swasta. Nak mintak kerja di perkhidmatan awam, pencen sekarang dah sampai 58 tahun. Ada yang dah pencen, minta sambung bersambung lagi. Lulusan Universiti bertimbun sekarang ni! Tak ada kemahiran dan kebolehan susahlah. Yang keluar Universiti ada yang kerja kerani sangkut, berebut pula dengan lulusan SPM. Insaflah pentadbir2 Universiti. Sepatutnya keluaran Universiti dapat mewujudkan pekerjaan2 baru kepada orang lain setelah 5 tahun bekerja! Bukan berebut kerja dengan orang lulusan rendah! Buat malu aje!

3. Sedikit Sejarah(sensitif! mungkin tak tepat, sorry ye!)

Universiti Kebangsaaan Malaysia yang ditubuhkan khas untuk penggunaan Bahasa Melayu memang baik untuk zaman dahulu. Pada awal UKM, siswazahnya banyak yang bekerja dalam perkhidmatan awam. Tak ramai yang berjaya dalam swasta. Tak ramai yang pegang jawatan kanan di swasta antarabangsa terutamanya sektor perkilangan.Adalah tidak tepat mengatakan ada unsur perkauman kerana majikan luar negara lebih selesa dengan yang boleh bertutur Bahasa Inggeris. Takkan nak suruh depa belajar Bahasa malaysia kalau nak buka kilang di Malaysia.

Ramai lulusan UKM melanjutkan pelajaran Master dan PhD ke Universiti luar negara.Ada yang dah balik pun tak berapa pandai berbahasa Inggeris. Menginsafi jasa UKM dan latarbelakang UKM ber-Bahasa Melayu ini (baguslah tahu bersyukur!) memenyebabkan mereka fanatik Bahasa Melayu(sorry bukan semua ye). Depa ni lah bersama2 dengan rakan2 sependapat dengan mereka dari lulusan Univ. lain(termasuk yang beberapa orang yang rasa rindu budaya Melayu yang berkelulusan 1st degree dari

English speaking countries, whooooosh!!!) dan pejuang Bahasa Melayu dari bidang Sastera bergerak pantas memercukan penggunanaan Bahasa Melayu. tetapi malangnya tidak mendapat sambutan di sektor swasta. Sebab depa terlalu "theoretical". Hang pa bukan boleh paksa swasta antarabangsa guna Bahasa Melayu kerana depa tu swasta,kalau banyak cerita depa pindah syarikat ke luar negara! La ni depa pi kat Cina dan Thailand bukan kerana Bahasa Inggeris tapi kos lebih murah. Bagaimanpun cuba tengok sekarang orang Thai dan Cina cuba berusaha bersungguh2 mempertingkat Bahasa Inggeris kerana nak dapatkan kekuatan daya saing! Tapi di Singapura kenapa pula walaupun kos mahal, ramai pula luar negara masih berada di situ. Ada banyak faktor lain seperti lebih cekap, tak de rasuah dan lain2 tetapi Bahasa Inggeris adalah satu faktor utama.

"As the global language for commerce, technology and science, the promotion of English also helps to expedite Singapore's development and integration into the global economy [2]"
Anne Pakir (1999). "Bilingual education with English as an official language: Sociocultural implications" (pdf). Georgetown University Press.
(Source: http://en.wikipedia.org/wiki/Languages_of_Singapore )

Andaikata ramai lulusan bumiputera menyertai sektor swasta (bukan setakat GLC) pada awal2 dahulu sudah tentu ramai yang sedang memegang jawatan tertinggi di syarikat antarabangsa.Maka lebih banyak peluang kenaikan pangkat untuk bumiputra di Malaysia di swasta.

4. Pengunaan Bahasa Inggeris di Sekolah
Masalah utamanya adalah cikgu tidak mahir. Wahai Dato' Menteri Pendidikan ! Kalau cikgu tak mahir, mahirkan lah mereka dengan cara paksaan seperti pengesahan jawatan, latihan bertubi2 seprti pelajar hadapi peperiksaaan dan lain2 lagi. Jangan kasihan dekat depa sangat, kerana depa yang pilih profesion perguruan. Yang dipaksa pilih bidang perguruan tetapi tak berminat, ada pilihan lain iaitu jangan ambil jika ditawarkan! Kasihan kat berjuta2 rakyat Malaysia, jika cikgu yang dipilih itu tak bersungguh2. Kalau sekolah banyak beri beban ko-kurikulum dan lain2 lagi. Kurangkalah beban cikgu2 tu. Kasihan juga cikgu ni, kadang2 jadi orang suruhan Guru Besar! Yang mana tak betul di sekolah betulkanlah! Jangan sampai Penasihat Parti Pembangkang yang "serba tahu" iaitu Dato Seri Anwar Ibrahim (DSAI) kata "saya tahu caranya nak bagi sekolah berkualiti". Atau pun DSAI lansung tak benarkan guna Bahasa Inggeris di Malaysia? Saya pun belum jelas yang mana satu yang DSAI nak perjuangkan!

Kita nak yang betul2 bagus jadi Cik Gu. Jawatan guru adalah jawatan yang sangat mulia. Perlu keikhlasan dan pengorbanan. Kalau tak minat jangan jadi cikgu.

Anak2 kampung ramai tak tahu cakap orang putih. Budak2 Melayu Damansara Height hampir semua pandai cakap orang Putih. Budak2 Melayu anak pegawai tinggi kerajaaan (termasuk para pejuang pejuang Bahasa Melayu konon) ramai pandai cakap orang putih. Anak orang Melayu dan orang Asli ,bumiputera lain di kampung2, setinggan2 , rumah pangsa(flat2) ramai tak tau cakap orang putih. Depa nak belajar Bahasa Inggeris cikgu. Betul. Ibubapa mereka akan berbangga kalau depa cakap orang Putih. Tapi apa kan daya, bahasa Inggeris cikgu pun dua kali lima.Kadang2 depa malu kat rakan sebaya yg pandai Berbahasa Inggeris. Kesian kat depa. Kalau tak dapat masuk Universiti dan nak kerja kerani swasta pun nak tak tahu Bahasa Inggeris. Drebar cakap orang Putih pun ,ada "nilaitambah" kalau tahu Bahasa Inggeris.

Pejuang2 Bahasa Melayu tak pe la , depa kebanyakannya dah senang. Kenal orang itu kenal orang ini. Anak depa kalaulah tak pandai cakap orang putih, masih ada kenalan di sana sini di kerajaan dan swasta(barangkali)boleh tolong. Yang duk kampung tu, tak kenal siapa2,siapa nak tolong? Harap wakil rakyat sajalah. Tu pun kalau lah ok! Peluang pekerjaan mereka kurang lah sikit!

Kita nak yang betul2 bagus jadi Cik Gu. Jawatan guru adalah jawatan yang sangat mulia. Perlu keikhlasan dan pengorbanan. Kalau tak minat jangan jadi cikgu.

Ramai kena hentam ni termasuk kepada diri saya sendiri.Mohon maaf kepada semua jika ada kecil hati. Niat saya untuk kebaikan semua supaya kita baiki kelemahan diri kita sendiri supaya kehidupan kita mendapat kebaikan dunia dan akhirat.
By Hemacd on August 11, 2008 10:19 AM

Great post!
By ashah on August 11, 2008 10:20 AM

Salam Tun,

Komen Tun memang amat wajar. Tetapi saya hairan kenapa dizaman Tun, Tun tidak nampak betapa pentingnya juga bahasa Cina diwajibkan dipelajari dari peringkat sekolah lagi?

Kalau ini telah dilaksanakan sudah pasti bangsa melayu sekarang telah mempunyai satu lagi kelebihan.

Terima kasih.
By globalmalay on August 11, 2008 10:22 AM

Dear Tun,

I really truly support the reversion to English for Science and Maths. Our country has a long way to go and mastering English is the only way, whether we like it or not. India is doing very well due to sound English-based education system. As for China they have cheap labour and entrepreneurial spirit. We are neither. We need to increase our human capital, fast, if we need to stay relevant in this ever shrinking pond. For the sake of my kids, I hope Hishamuddin Hussin will not bow to political pressure and to those shortsighted people.

The waiting list into internationl schools in Klang Valley get longer every day from Malaysians wanting the best for their children. I find it ironic that some politicians, present and former and their friends send their kids to international school. This says a lot about the quality of our education and and its flip flopping policies.
By RMANAuthor Profile Page on August 11, 2008 10:23 AM

Saya amat sokong 100% math and sains in english.. saya baru saja tamat belajar, dalam master of scince.. di univetsity tempatan.. saya bershukur kerana semua pensyarah melayu kita berjaya menguasai bahasa Inggeris dengan baik memandangankan mejoriti pelajar adalah dari Arab dan Afrika. Dan bahan rujukan dan nota2 semua dalam bahasa Inggeris, kadang saya terfikir kalau dari dulu lagi di sekolah rendah saya dah mula belajar sains dan matematik dalam bahasa inggeris sudah tentu saya dapat menguasainya bidang sains ini... tapi saya bersyukur kerana Tun dah memperkenalkannya tapi ada pihak yang bodoh lagi sombong cuba menaguk di air yang keruh dan mempolitikkannya.. banggang betul depa ni. tahu nak jaga pangkat ja..tapi berfikiran kolot..
By yanie on August 11, 2008 10:27 AM

Assalamualaikum ayahanda Tun,

Pada pendapat saya, tidak kisahlah mengajar di dalam bahasa apa pun, yang pentingnya ilmu itu diperolehi..yang menjadi tak seronoknya apabila bangsa-bangsa lain sibuk pula meminta mata pelajaran berkenaan diajar dalam bahasa ibunda mereka...lebih tak seronok lagi apabila guru-guru yang mengajar subjek berkenaan memperolehi elaun tambahan kerana mengajar dalam bahasa inggeris..bertambahlah banyak pendapatan yang mereka perolehi..sedangkan hakikatnya, bukankah mereka telah menerima gaji kerana pilihan yang mereka buat sewaktu di maktab atau di universiti..kerjanya ialah untuk mengajar..subjek apa pun yang di ajar, itulah pendapatan yang diperolehi..mengapa harus di beri elaun lain,kerana mengajar bahasa inggeris???? Adakah ini salah satu bentuk rasuah yang tersorok?

sekiranya guru-guru, kesatuan guru terus mendesak supaya matematik, sains di ajar dalam bahasa ibunda..kelemahan kerajaan sedia ada sekarang, lambat laun keinginan dan hasrat mereka akan

terpenuhkan juga..timbul pula isu untuk memohon elaun kerana mengajar dalam bahasa ibunda..dan bla-bla..Gaji guru juga makin bertambah..mudah naik pangkat pun guru juga..apa pula perasaan penjawat awam yang lain??????

Jangan pula nanti, kekurangan guru yang mahir dalam bahasa tamil atau cina, kerajaan AAB impot pula guru-guru dari India dan Cina..lepas tu mereka di bayar dengan gaji yang mahal, diberi layanan istimewa..

Dengarnya, Kementerian Kesihatan pun nak impot 6000 jururawat dari luar negara untuk dilatih menjadi jururawat pakar dan berkhidmat di negara ini..

Rakyat/ jururawat dalam negara ini tak ada kelayakan ke???? sehingga terpaksa impot jururawat dari negara asing..

Cukup-cukuplah tuuuu..masalah pendatang asing pun tak terbendungkan..tak payahlah tambah lagi masalah lain. AAB yang terlebih cerdik tu nak bina lebih banyak pusat transit di sabah dan serawak untuk menyelesaikan masalah pendatang asing!!! tak payahla..buang duit sahaja..

Sekian, harap ayahanda memberi komen tentang forum majlis peguam tentang 'Memeluk Islam'..non-malay di negara ini bertambah kurang ajar..ini semua gara-gara kelemahan pemimpin bangsa juga..AAB tu, langsung tidak berkata sesuatu pun untuk mempertahankan Islam, dikala Islam sedang diperlekehkan oleh bangsa lain...tapi memperjuangkan ISLAM HADHARI!!!
By nacsoib on August 11, 2008 10:27 AM

Tun,

We can study melay in primary and secondary or even to University. We are able to provide translation of knowledge from others language to Malay and currently from my view we are only able to make it till secondary school. But to University a lot of book are in English, that is why some of the student could not catch up when in University. We are too slow in translation to catch up the world. Yes, I agree we need to change and keep policy of using english in teaching. But is our teacher capable of doing so? Most of the teacher now are from the generation who study Malay. If the teacher are not capable in understand english how they going to teach the student? Did the ministry think of this point? How we going to make sure we have good quality of teacher?

Study Mandarin and Tamil, yes is good to learn that as the world fast growing country are China and India. Learning additional language is just an advantage to us. In malaysia, Chinese know malay, english, mandarin. India know malay, english and tamil. Malay know malay and english. Just look at this we know who are the ppl having advantages. But the point is are Malay ppl accept this? Is the ministry accept this? Where by the ppl think highly only on their own language. Beside learning the language of how to speak, write but also the culture. In our history book from primary to university we are just bring over some of the culture from China and India. We are concentrate on Malaysia history and Islam. The point is to let malaysian know malaysia history and understand Islam. Do we left out anything here? Chinese and India in malaysia know the culture of malay and islam. But how about Malay? do they understand well enough others races? Simple example everyone from malaysia when see Halal we know that is for muslim food. But is every malaysian know what others religious culture?

Back to again we want to implement some plan, the ministry must study and know the whole implementation plan not just "test fire". World is changing fast, we keep on changing our plan will only affected our next generation. Who should be the leader and who is capable?
By arboking on August 11, 2008 10:28 AM

Assalamualaikum Tun,

I wish to recollect how some of my varsity mates struggled in their assignments during my student days.

I studied a professional course and therefore the proficiency of English language is essential in our studies. That is not the case however for some of my mates who were doing arts and even science courses (with due respect- as some of them are currently holding important positions in the private and public sector). The arts course that I am referring to is social science while the science course are the pure science courses.

Needless to say, our assignments were mostly done in the English language while those in the non-professional courses were required to do so in the national language. If I remember correctly, only those studying law and medicine used English widely. Even those studying engineering and accountancy did not use English as widely.

I felt so sorry for these students especially when the books and/or articles to be referred by them were written in English by western (social) scientists.

More often that not, we (my coursemates) became their centre of reference especially when they did not understand the meaning of certain sentences.

What could have been grasped within 30 minutes of reading or so had consumed almost 3 to 4 days of their time as they needed to translate the passage(s) into Malay before fully understanding the meaning.

What saddened me most is the fact that at this stage, they had to read the reference with a dictionary by their side. Of course we all still do but we only refer to the dictionary upon discovering bombastic words and not every other word.

In this respect their non-Malay coursemates (though Chinese educated) did not find this too troublesome simply because they are able to find other Chinese students who are adept in the English language.

The disadvantage of Malay students is the fact that only those from urban background or urban schools are able to master the language whilst those who mostly come from Malay heartland states find it troublesome.

I was fortunate to have studied in a residential school (despite coming from a rural area) where much emphasis was given to the English language as preparatory steps towards overseas tertiary education.

I fully support the use of English in science and mathematics for the future of our next generation. We want our children and grandchildren to be able to converse in English without any hesitation or inferiority.

I have interviewed countless number of Malay graduates who find it difficult to interact in English and even if they do, the sentences are saddled with grammatical errors and mispronunciation.

This is not limited only to local graduates but overseas graduates as well. When interviewing overseas graduates (with poor command of English), I always make it a point to ask them whether they lived among the Malay community of which the answer is always in the affirmative.

I do not want the rural students to be at a disadvantage at tertiary level and we must all support the use of English in mathematics and science. Believe it or not, some bright Malay students failed in their studies simply because they could not master the English language.

Currently we have seen how hardworking and able Malay workers are sidelined by the employers for the reason that they are unable to speak English. More often than not, the promotion will be given to the Chinese or Indians despite the Malays being the backbone of that very department.

For how long do we wish to see this situation to prevail?

I agree with you that those people who wanted to revert into the national language are actually serving their own narrow and selfish interest instead of the Malay race as a whole. They claim to be nationalists

but are actually killing the competitive edge of the Malays.

Ironically, these very same people will send their children to schools that place greater emphasis on English. More often than not, they speak English at home.

The result may not be seen now but shall be seen when the first batch enters university where studies will be made much easier with better command of the English language.

Thanks and wassalam.
By John on August 11, 2008 10:33 AM

Saya amat terkejut dengan kenyataan Tun untuk meninggalkan Tanah Air sekiranya Anwar berjaya menubuhkan kerajaan baru pada 16 Sepetember 2008. Saya percaya Tun bukannya takut kepada Anwar tetapi malas nak tengok orang tu menjajahi Putrajya.

Seperti yang saya huraikan dalam komen blog yang sebelum ini, Parti yang berunsurkan pelbagai kaum mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi pucuk kepimpinan baru untuk negara ini. Bukannya kita nak sokong Anwar, kita rakyat Malaysia perlukan suatu parti untuk bercakap demi Bangsa malaysia, bukan semata-mata untuk kaum tertentu sahaja. Samada Anwar dapat tunaikan janji ada tak, itu kita belum tau, tapi dengan pimpinan sekarang yang angkuh dimana masalah-masalah kaum semuanya disapu di bawah tikar. Bincang tak boleh, nak diorang selesaikan tak pandai. kejap-kejap ISA. Kejap-kejap "jangan cabar Aku". Sedih kan? budaya Burung Unta ni.
By askar-Melayu on August 11, 2008 10:33 AM

fact # 22 is really a gemstone
By Che Man on August 11, 2008 10:34 AM

Salam Tun,

Semoga sihat sejahtera. Saya dengar ceramah Tun di Sime Darby Convention Center Jumaat lepas. Saya bersetuju dengan pendapat Tun mengenai pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Bukan setakat itu sahaja, jika kita mahu orang Melayu setanding dengan kaum lain dalam peradaban di dunia ini, bahasa-bahasa lain juga mesti orang Melayu pelajari.

Raja Marzuqi benar dalam komennya tentang anak-anak di Australia yang diajar berdikari dan tahu hala tuju dalam hidup mereka sejak dari kecil lagi. Tapi ini tidak berlaku di sekolah dan universiti di negara kita. Sebab tu saya rasa antara faktor ramai anak-anak Melayu terutamanya walaupun mempunyai ijazah tidak mendapat kerja.

Melayu=sembilan,Inggeris=nine,Mandarin=jiu.Faktor ini menyebabkan orang Melayu lebih lambat berfikir.Bagi saya, ia ada logiknya.
Saya bukanlah membenci bahasa Melayu.Saya juga adalah pencinta bahasa Melayu.Saya adalah orang Melayu,dan saya amat sayangkan Melayu. Apalah salahnya kita bersusah dan berkorban sedikit demi kemajuan bangsa kita. "Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian." Hidup Tun!
By TunA on August 11, 2008 9:49 PM

Salam Tun

Beberapa tahun lepas, saya telah diamanahkan untuk mencari 2 orang pekerja baru untuk di hantar ke Amerika Syarikat. Tujuannya ialah untuk mempelajari ilmu dalam bidang berkaitan dan kemudiannya membawa balik ilmu itu ke Malaysia dan mengembangkannya di kilang kami. Sekali gus, syarikat kami di Amerika Syarikat akan memberhentikan pekerja-pekerja mereka dan kami di Malaysia akan mengambil alih operasi berkaitan and memberi khidmat kembali kepada mereka dan juga syarikat-syarikat kami yang lain di seluruh dunia.

Daripada ratusan permohonan yang diterima, saya telah memilih 8 orang Melayu, 4 orang cina dan 4 orang India. 8 orang Melayu yang saya pilih adalah yang terbaik dari yang terbaik. Semuanya yang mendapat CGPA3.6 ke atas dari Pelbagai Universiti di Malaysia.

Malang sekali, tidak seorangpun dari golongan melayu ini dapat menguasai Bahasa Inggeris. Mereka mungkin bijak tetapi apabila tidak dapat bertutur Bahasa Inggeris dengan baik, mereka tidak dapat menjelaskan apa yang terbuku di minda. Mereka tidak akan dapat mempelajari ilmu yang dikehendaki oleh syarikat dan seterusnya tidak mungkin akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik kerana semua urusan kemudiannya adalah dengan orang putih.

If we are taking jobs from them, then we must offer back services of the same quality or much better.

Akhirnya, saya terpaksa memilih si cina dan si india. India ini amat baik bahasa Inggerisnya dan Cina ini boleh tahan saja tapi dirasakan adalah jauh lebih baik dari semua melayu yang ditemuduga. Walaupun kedua-duanya tewas kepada yang Melayu dalam pelajaran tapi mereka tetap menjadi pilihan syarikat kerana mereka saja yang lebih layak menjadi Ambasador dari syarikat kami.

Dua orang Melayu saya ambil jugak akhirnya, tapi mereka hanya bekerja di bawah si Cina dan si India di atas.
By Hjebat on August 11, 2008 9:52 PM

Dear Tun Dr Mahathir,

This is where you were and are still wrong.

Your noble objectives and intent have clouded a very simple reasoning which will knocked the Malays markedly down, academically, from other races.

" I could not answer question no. 9 dad " says a 10 year old girl to her father.

Then the father will have to ask these questions:

(1) Did my daughter undertand about the subject matter in the question ?, or

(2) Did my daughter understand the question itself ?

As you know Malay students in primary schools are not good in English. They are good in Mathematics and Science. Their poor control of English language will place them in disadvantage when learning Mathematics and Science in English. Easy - plain for all to see.

As these children grow older, their grasp of English language improves. There will be a time when teaching Mathematics and Science in English makes sense. This threshold of viability I believe would be at 12 years old; meaning to say you can teach Mathematics and Science in English for secondary schools onwards and not for primary schools.
By IQIN on August 11, 2008 9:55 PM

Salam tun, terimakasih kerana komen mengenai pengajaran sains dan matematik dalam bahasa inggeris. Saya harap pandangan dan idea Tun di ambil kira oleh ahli politik yang lain dan tidak menukarnya semula kepada bahasa melayu. Jangan buat keputusan tergesa-gesa.
By PCFairForum.Com.MyAuthor Profile Page on August 11, 2008 10:10 PM

I've write something about this post, visit it here ok.. http://hotonblog.com/?p=282
By sayangmalaysia on August 11, 2008 10:18 PM

Lets not debate this to death -- the proof is loud and clear. Why is it taking India half the time China did to concur much of technology, and key strategic positions in MNCs? English !

I work in China and deal with scientists, managers and strategists from both India and China -- more often than not today the Indian wins over the Chinese because they can understand and articulate their ideas better and faster in English. And the Chinese are learning very fast to catch up -- if you walk in to Chinese universities and schools today, everyone is pushing for their children to study English.

A driver in China spends almost half his salary to pay for his son's English tuition! And China have half the world's population as consumer! But English is where the next technology still is!!
By redLips on August 11, 2008 10:21 PM

Dear Tun...

Saya sangat bersetuju dengan cadangan TUn supaya subjek Math dan sains diajar dalam bahasa Inggeris dahulu....

Sewaktu zaman saya belajar dahulu, Math dan sains masih diajar dalam bahasa melayu...Ya, memang saya dapat score subjek2 tersebut, tetapi, apabila memasuki alam universiti, saya mulai terkapai-kapai dan terkontang kanting...Ini adalah kerana, sewaktu di Universiri, bahasa yang digunakan adalah bahasa Inggeris, dan sumber rujukan adalah didalam bahasa Inggeris....Saya mendapati, ianya sukar, kerana budaya menulis dalam bahasa Inggeris tidak diterapkan dari peringkat rendah lagi....

Di harap, Math dan sains dapat dikekalkan diajar dalam bahasa Inggeris, agar anak-anak saya kelak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan cemerlang....
By rowha on August 11, 2008 11:00 PM

Merujuk petikan tulisan Tun..
18. Jika kita ingin amal ajaran Al-Quran berkenaan dengan keperluan pertahanan bagi umat Islam maka penguasaan ilmu sains dan matematik perlu menjadi sebahagian daripada fardhu kifayah bagi kita. Ia bukan ilmu sekular seperti diperkata sesetengah orang. Ia adalah sesuatu yang diwajib keatas diri kita.

19. Jika kita abaikan ilmu ini semata-mata kerana kita lebih utamakan bahasa kita, dan dengan itu kita jadi bangsa yang kolot dan lemah, dan dihina oleh orang, kita tidak boleh dakwa yang kita adalah pejuang bangsa dan agama. Orang yang rela bangsanya dihina tidak faham akan makna nasionalisme yang sebenar atau tanggungjawab orang Islam terhadap agama mereka.

20. Bagi saya pejuang bangsa yang betul-betul bersemangat perlu bermatlamat untuk menjadikan bangsanya bermaruah, dihormati oleh semua bangsa lain dan berkebolehan bersaing dalam apa juga bidang dengan kemungkinan berjaya.

21. Pemimpin dan pejuang yang hanya ingin disukai ramai dan kerana itu sanggup membiar bangsanya menjadi kolot dan hina, bukanlah pemimpin yang sayang bangsanya. Mereka hanyalah oportunis yang sanggup gadai bangsa sendiri asalkan mereka dapat kekalkan kedudukan mereka. Mereka ini bukan nasionalis dalam erti kata sebenar.

22. Bahasa jiwa bangsa. Tetapi ilmu menentukan keselamatan dan maruah bangsa.

Saya terlalu amat setuju Tun. Saya ada juga menulis pendapat saya tentang PPSMI (pengajaran pembelajaran sains matematik dlm bahasa ingeris) beberapa kali dalam Utusan Malaysia. Yang meriah sangat kondem PPSMI ni orang politik, termasuk sesetengah menteri. Hipokrit. Perjuangkan bahasa Melayu konon, hakikatnya depa tak ada modal lain untuk dipolitikkan, maka depa pertaruhkan masa depan anak bangsa Melayu. Aci lawan check tengok, anak-anak depa semua fasih berbahasa Inggeris. Depa banyak duit untuk bayar kos anak depa belajar berbahasa Inggeris, tentulah anak-anak depa tak perlukan sekolah kebangsaan untuk belajar B.I. Rakyat macam mana? Banyak sangatkah duit depa ni untuk tanggung kos anak-anak belajar B.I? Sekolah kebangsaan sajalah harapan kami golongan marhain ni utk belajar menguasai B.I. Saya boleh kuasai B.I sb belajar kat ITM. ITM memang guna B.I dlm pengajiannya. 3 bulan pertama punyalah teruk dan merananya saya, orang kampung yang tak kuasai B.I langsung ni. Rasa nak berhenti belajar. Ibu bapa saya pujuk, so saya teruskan jgk. Lepas 3 bulan, saya dah ok dgn B.I, dah fhm apa pensyarah ckp, dah boleh ambik nota, dah boleh buat presentation. Semuanya hanya selepas 3 bulan. Maksudnya, hanya dengan PAKSAAN saja orang Melayu akan boleh menguasai B.I. Kadang-kadang datang juga sangkaan buruk saya terhadap orang politik yang beriya-iya menentang PPSMI ni, entah-entanh depa memang takmau orang Melayu kuasai B.I kot, yalah..bila orang Melayu dah kuasai B.I, berkembanglah minda depa nanti, bila dah berkembang sangat, depa jd lebih kritis, susahlah nak perbodohkan Melayu lagi kalau Melayu dah jd berilmu dan kritis kan..tak boleh nak suap Melayu dengan alasan-alasan politik yang dangkal dan 'lame' lagi.
Kesian Melayu, dipimpin oleh orang-orang yang dangkal ni.
Tun mesti konsisten tulis tentang PPSMI ni, lama-lama rakyat akan nampak rasionalnya dan depa akan sokong. Hal ini penting untuk sokongan jangka panjang bangsa kita. Yang penting rakyat faham dan depa sokong PPSMI, biarkan pemimpin-pemimpin pejuang bahasa yang hipokrit tu terus syok sendiri. Saya pun dah jeluak dengan alasan dan contoh "orang Jepun, Rusia, Jerman, dan lain-lain boleh maju dengan guna bahasa ibunda mereka" Orang-orang yang asyik guna fakta ni tak nampakkah yang hakikatnya BANGSA-BANGSA YG DISEBUTKAN ITU SEMUANYA PEMBINA TEKNOLOGI! SETAKAT NI BANGSA MELAYU CUMA PENGGUNA TEKNOLOGI. BESAR BEZANYA ANTARA PEMBINA DAN PENGGUNA! Kalau bangsa Melayu sendiri pun jadi pembina teknologi, tentulah kita bina teknologi dengan guna bahasa Melayu. Sah-sah la bangsa lain kena belajar bahasa Melayu untuk guna dan kuasai teknologi kita. Jadi, tolonglah berhenti guna contoh klise dan dangkal tu lagi.
By azienmat on August 11, 2008 11:43 PM

Nasionalist? Apanya...
Anda telah berkata..
Anda telah melaungkan..
Anda telah menghuraikan..
Anda telah menjelaskan..
Anda telah melaksanakan..
Kita? Bilanya...
bace aje ;)
By Omry on August 12, 2008 12:33 AM

Tun telah meletakkan batu asas yang sempurna kepada negara dan bangsa untuk menuju negara maju, tetapi yang mengecewakan ialah pemimpin hari ini tidak lagi meneruskan perancangan-perancangan tersebut........

TIDAK BERUSAHA SEBELUM GAGAL, BELUM CUBA SUDAH GAGAL........sianu-sianu, Tun Mahathir salah......

Kerana dipengaruhi oleh budaya ingin cepat kaya untuk bergaya, maka mereka mahu buat kerja yang

senang sahaja......english, math, Sains, susahlah Tun!...........mau jadi kontraktor usahawan mudah, ahli korporat, ahli bodek...... tapi tidak ada ilmu,alibaba.........akhirnya bankrup!

Salam untuk Tun, semoga sihat bersama keluarga.
By khairuddin on August 12, 2008 12:43 AM

YABhg. Tun,

Salam hormat. Saya amat bersetuju dengan tindakan YABhg. Tun dahulu menetapkan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Rasional dan objektifnya adalah amat jelas. Saya tidak faham kenapa pejuang2 Bahasa Melayu begitu sempit pemikiran mereka. Kaum Cina dan India walaupun mempertahankan bahasa ibunda mereka dan menuntut kewujudan sistem pendidikan dan sekolah jenis kebangsaan mengikut bahasa ibunda mereka, sebaliknya percakapan mereka seharian di rumah atau dimana mana mereka bertutur dalam bahasa Inggeris. Ibu bapa dari kaum Cina dan India bercakap dengan anak anak mereka yang belum bersekolah dalam Bahasa Inggeris.

Kepada nasionalis bahasa Melayu, fikirlah..bahawa anak anak kita hanya tahu berbahasa Melayu sahaja, walhal anak kaum Cina boleh berbahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris, dan anak kaum India boleh berbahasa Tamil, Melayu dan Inggeris. Dari segi bahasa, kita sudah kekurangan, apatah lagi untuk mendapatkan ilmu.
By dakjam on August 12, 2008 1:01 AM

Assalamualaikum...

Saya memang menghormati TDM dan banyak dasar-dasar TDM saya sokong. Namun begitu, dasar TDM berkaitan P&P Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, saya tak boleh terima langsung dan tak akan sokong sampai bila-bila pun. Rasionalnya:-

a. Bahasa Melayu adalah tonggak dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia, iaitu sama seperti kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi, hak istimewa Melayu, Kedudukan Raja-Raja Melayu, tanah Rizab Melayu, Mahkamah Syariah, Ketua Hakim Negara orang Melayu dan Perdana Menteri orang Melayu. Oleh itu, apabila kedudukan bahasa Melayu sebagai salah satu asas dalam pembinaan negara dan bangsa boleh diubah atau dicabar, bermakna kita memberikan gambaran bahawa tonggak-tonggak yang lain turut boleh diubah atau dicabar. Jadi ini yang berlaku sekarang, iaitu ada forum mencabar kontrak sosial dan mahkamah syariah, kedudukan Islam dan lain-lain.

b. Apabila bidang Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, seluruh subbidangnya juga diajar dalam bahasa Inggeris. Akhirnya, mampukah anak-anak kita yang di kampung dan desa menguasai ilmu pengetahuan tersebut menerusi bahasa Inggeris. Guru-guru mereka pun tonggang langgang bahasa Inggerisnya tapi tak boleh disalahkan kerana guru-guru itu belajar dengan medium bahasa Melayu.

c. Apa nak dirisaukan berhubung bahasa Inggeris dengan ilmu Sains dan Matematik yang sukar dan terkini. Malah juga tak perlu dirisaukan tentang generasi muda dengan interaksinya di peringkat antarabngsa. Hal ini kerana kita telah ada mekanisme untuk semua ini, iaitu anak-anak kita yang pandai dan terpilih di MRSM dan Sekolah Berasrama Penuh yang akan dan memang mampu memikul tanggung jawab ini. Tak usahlah beban yang sukar ini diletakkan pada anak-anak kita di sekolah harian biasa. Mereka belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu pun kelam kabut... Jadi belajar menerusi bahasa Inggeris, lagilah pulak kesannya. Oleh itu, untuk tidak menampakkan kecacatan pada dasar ini, kita rendahkan markah lulus.Tapi bolehkah nanti dengan ilmu yang tidak mencapai tahap yang sepatutnya,generasi pewaris kita dapat memajukan dan mempertahankan negara?

d. Masalah utama ialah penguasaan bahasa Inggeris dan bukannya ilmu Sains dan Matematik. Jadi gunakanlah mekanismenya, iaitu mata pelajaran bahasa Inggeris. Buat apalah kita beri biasiswa pada mereka (guru-guru bahasa Inggeris) ambil kursus Pengajaran Bahasa Inggeris di luar negara tapi mereka tak boleh jalankan amanah negara. Kalau pedagoginya tak betul, betulkanlah. Kalau masa mata

pelajarannya sebanyak lima waktu itu tak cukup, tambahlah sepuluh waktu. Jadi dasar yang dilakukan ini sebenarnya seperti kata nenek moyang Melayu, 'lain yang sakit, lain yang dibebat.' Kalau pakailah kata-kata nenek moyang bangsa Melayu ini.

e. Keputusan peperiksaan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebenarnya teruk, terutama di sekolah-sekolah harian biasa di kampung dan desa. Buktinya, kita lihat keputusan peperiksaan di sekolah masing-masing. Keputusan peperiksaan awam tak boleh dijadikan ukuran sebab keputusannya memang meningkat memanjang sehinggakan semua binggung. Kesannya, apakah yang sebenarnya diperoleh oleh anak kampung dan desa (lebih ramai berbanding di bandar), khususnya anak Melayu. Bahasa Inggeris mereka macam dulu juga. Ilmu Sains dan Matematik pula, kalau dulu dapatlah juga tapi kini lagi hancur... Jadi hancurlah bangsa akhirnya.

TDM, hujah saya di atas terhad pada topik pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sahaja. Hasrat memajukan bahasa Inggeris dalam kalangan generasi muda memang disokong sepenuhnya oleh saya tetapi hendaklah menerusi mata pelajaran bahasa Inggeris dan bukannya dengan mata pelajaran lain. Penggunaan mata pelajaran lain untuk meningkatkan bahasa Inggeris mengakibatkan anak bangsa kita, khususnya anak Melayu tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan secara baik, malah mereka tidak dapat menguasai ilmu Sains dan Matematik. Jadi sudah dua bodoh berbanding dahulu hanya satu sahaja bodohnya, iaitu bodoh bahasa Inggeris dan bukannya Sains dan Matematik.

Dasar TDM ini memang salah (ikut ukuran saya) tapi saya tak pernah menyalahkan TDM seorang. Pada saya, penasihat-penasihat TDM sama ada dalam Kementerian Pelajaran, kerajaan atau BN serta UMNO yang turut bersalah kerana gagal menjelaskan dan memahamkan isu ini sebaik mungkin pada TDM. Sekarang isu ini adalah juga antara duri dalam daging terhadap sokongan masyarakat pada kerajaan BN. Sebenarnya dasar P&P Sains dan Matematik adalah suatu beban politik pada UMNO dan BN.

TDM, maaf atas segala hujah saya ini. Tapi kata nenek moyang Melayu, 'Kalau nak kenal padang, tanyalah pada belalang. Kalau nak kenal hutan, tanyalah pada pak Belang.' Jadi kalau nak tahu hal sekolah dan pendidikan sekolah, tanyalah cikgu, usah tanya doktor, usah tanya lawyer, usah tanya jurutera, usah tanya wartawan dan jangan juga tanya pensyarah universiti banyak-banyak.
By D.MANAuthor Profile Page on August 12, 2008 1:14 AM

Assalamualaikum Tun,

Saya pohon peluang untuk meluahkan pendapat mengenai tajuk ini yang sudah lama terpendam.

1. Tidak adil jika dibanding pencapian pelajaran Matematik dan Sains (M&S) di Jepun, Korea, Jerman dsbnya dengan Malaysia. Mereka sudah mengeluarkan buku rujukan M&S beratus tahun dahulu dan permintaan terhadap buku terjemahan dari bahasa Inggeris di negeri2 ini adalah tinggi kerana penduduk lebih 100juta, oleh itu usaha penerbit dan penterjemah berbaloi. Walau bagaimanapun sekarang mereka sudah mula mencari ilmu M&S melalui internet; yang memerlukan B. Inggeris.

2. Pelajar Malaysia yang sambung pelajaran ijazah di luar negeri tidak perlu hadiri kursus B. Inggeris tambahan dalam bidang M&S.

3. Melalui 'mendengar dan bertutur' semasa pelajaran S&M, pelajar2 berpeluang menggunakan B. Inggeris.

4. Pelajar2 Sekolah Jenis Keb China dan Tamil tidak pernah merungut tentang perkara ini walaupun mereka terpaksa belajar dalam dua bahasa. Mereka lebih memahami kepentingannya.

5. Pelajar Melayu/ Bumiputra di Malaysia terlalu MANJA dan sentiasa nak cari jalan senang. Walaupun selepas 11 tahun belajar B.Inggeris, masih tidak boleh bertutur dan ada yang lansung tidak faham. Andainya seorang pelajar Melayu/Bumiputra dicampak ke Rusia selama setahun, sudah pasti dia dapat berbahasa Rusia. Melayu perlu di paksa dan ditekan, baru boleh maju.

6. Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar2 Melayu/ Bumiputra luarbandar kerap mengejek rakan yang berusaha berbahasa Inggeris. Tetapi di bandar, kebolehan berbahasa Inggeris adalah satu kebanggaan di kalangan pelajar.

7. Ramai pelajar menghafal perkataan Inggeris. Pembelajaran bahasa bukan sekadar menghafal tetapi latihan bertutur dan kekerapan membaca.

Not everybody can speak perfect English,
so why worry about mistakes.
It is just a mean of communication
and to gather knowledge

Kepada Menteri Pelajaran Malaysia,

Sedarkah bahawa PUNCA KEGAGALAN pelajar B. Inggeris dan M&S ialah GURU. Alasan mereka ialah 'PELAJAR TAK FAHAM' dan mereka sendiri tak mahir bertutur dan menulis. Sebenarnya sikap guru2 Melayu terlalu negatif. Untuk mengelak berusaha memperbaiki kebolehan berbahasa Inggeris, mereka memberi pendapat bahawa pembelajaran M&S dalam bahasa Inggeris gagal.

(Cerita intermision; Tiga orang pelajar perempuan dari luarbandar telah tamat sekolah dengan kelulusan Gred 2. Pencapaian bahasa Inggeris sekadar lulus. Seorang menjadi jururawat yang terpaksa berbahasa Inggeris dengan Doktor dan lain staf hospital, seorang lagi kerani bank yang setiap hari terpaksa berbahasa Inggeris dengan staf dan pelanggan bank dan seorang lagi guru. Selepas 5 tahun, mereka bertemu pada Hari Raya. Apabila jururawat dan kerani bank bertutur dalam bahasa Inggeris, guru sebagai ahli akademik sekadar mendengar sahaja.Memalukan.

CADANGAN:

1. Semua guru yang mengajar M&S mesti hadiri kursus B.Inggeris semasa cuti dan lulus peperiksaan sebelum diberi elaun.

2. Guru Besar/ Pengetua seharusnya fasih berbahasa Inggeris untuk memberi galakan kepada guru2 dan pelajar2. Guru digalakan bertutur bahasa Inggeris semasa mesyuarat. Perhimpunan dijalanakan dalam bahasa Inggeris. Pada permulaannya, mungkin pelajar tidak faham. Tetapi Melayu/ Bumiputra BOLEH BILA TERTEKAN DAN TERDESAK.

3. Guru B. Inggeris lebih gemar memberi latihan bertulis dari latihan bertutur. Ibubapa desak sekolah supaya memberi banyak kerja bertulis, guru mengambil kesempatan mengelak dari mengajar "mendengar, bertutur dan membaca"(listening , speaking and reading). Mendengar dan bertutur adalah asas mempelajari bahasa. Guru B. Inggeris sekarang jarang memberi latihtubi (drill)bertutur dan membaca seperti dulu; kerap melukis, mewarna dan menulis. Tidak hairanlah terdapat pelajar sekarang tidak tahu bertutur dan tidak berminat membaca buku bahasa Inggeris. Jarang dengar pelajar membaca poetry (sajak) dan menyanyi lagu Inggeris. Pastikan Guru B. Inggeris mengajar cara sebenar ia itu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selagi pelajar tidak dapat ketiga-tiga kemahiran awal, mereka akan menulis tanpa difahami dan kebolehan membaca. Akhirnya, dengan alasan di atas, mereka hanya meniru dari kawan2 yang lebih pandai. Guru yang memeriksa kerja bertulis TERTIPU. Walaupun semua KERJA BERTULIS BETUL, TETAPI PELAJAR GAGAL DALAM PEPERIKSAAN. Hairan.

4. Hentikan teknik TERJEMAHAN. Terangkan erti perkataan dalam Bahasa Inggeris, melalui lukisan dan lakuan(gesture). Kerapkali, pelajar tidak tumpu perhatian kepada guru yang cuba menerang kerana mengetahui guru akan terjemah ke Bahasa Malaysia akhirnya.

5. Seperti kursus Diploma yang lain2, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah patut dilanjutkan kepada 2 tahun

supaya guru2 lebih mahir berbahasa Inggeris. Yang gagal bahasa Inggeris semasa KPLI atau Maktab tidak layak menjadi guru.
(Walaupun ini akan memakan perbelanjaan tinggi dan masa yang lebih, saya yakin mutu pengajaran DAN pembelajaran akan meningkat)

Tun,

I have been waiting for this opportunity for a long time. Thank you.

ABDUL RAHMAN DARUS.

By mekyam on August 12, 2008 1:47 AM

Salam hormat Ayahnda Tun yang dikasihi dan semua pelawat CheDet!

Saya bersetuju dengan banyak pendapat di sini bahawa idea Ayahnda Tun supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris adalah langkah pemulihan yang diperlukan dan berpandangan jauh.

Jika rakyat Malaysia melihat isu ini tanpa terlalu emosi, tanpa menyelaputinya dengan sentimen kebangasaan yang tiada tempatnya dalam hal ini, kesimpulannya amat mudah dan jelas.

Bahasa itu adalah semata-mata suatu alat. Ia adalah alat yang digunakan oleh makhluk bertutur untuk berhubung dan bertukar maklumat, seterusnya untuk menyampaikan dan mempelajari pengetahuan dan ilmu.

Oleh itu (sila ganti perkataan 'alat' dengan 'bahasa' jika mahu)...

- Menggunakan alat yang sesuai dengan keperluan adalah tindakan yang bukan sahaja bijak, malah mungkin dikehendaki oleh situasi.
- Mendapatkan alat yang diperlukan sekiranya belum mempunyainya adalah langkah selanjutnya yang lojik.
- Menjaga mutu dan memperbaik alat(-alat) yang telah dimiliki serta memahirkan penggunaannya merupakan usaha yang strategik dan wajar.
- Memiliki dan menjadi pengguna mahir seberapa banyak alat yang mungkin bagi mereka yang berkemampuan patut digalakkan. Antara kelebihan dapat mengguna banyak alat ialah pelbagai pintu pengetahuan lain yang dapat dibuka.

Contoh-contoh yang Ayahnda berikan dalam masukan ini jelas menunjukkan bahawa orang Arab, orang Eropah dan banyak lagi tamadun lama dunia, yang telah meraih faedah daripada pertambahan ilmu pengetahuan yang berlaku di sepanjang zaman, telah menyedari hakikat ini tentang bahasa dari awal-awal lagi.

Beberapa komen di sini juga memberikan negara China moden sebagai contoh semasa. Satu daripada polisi progresif China untuk segera dapat bersaing dengan dunia pertama ialah menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris secepat mungkin di kalangan rakyatnya. Hasilnya sudah mula kelihatan.

Jika kita lihat penjajahan Inggeris di Tanah Melayu dari sudut positif, kita sebenarnya beruntung kerana Bahasa Inggeris merupakan alat yang tidak terlalu asing bagi negara kita. Kebelakangan ini, Malaysia makin hampir hilang kelebihan ini. Marilah kita sama-sama menyokong langkah untuk mendapatkannya balik.
By JukiShanley on August 12, 2008 4:32 AM

Apa pandangan Tun mengenai pandangan PKR mengenai UiTM.....
By i11 on August 12, 2008 5:16 AM

I was born in the 80s and sat for my SPM before this policy was implemented. All science subjects were still being taught in Bahasa Malaysia at that time.

Sejujurnya saya menghadapi masalah mengingati formula-formula Fizik yang diajar dalam Bahasa Malaysia. Bukan bengap, tetapi rumus F=ma mengambil masa untuk lekat di otak.

Pada kali pertama cikgu menyebut "Daya = Jisim x Pecutan" sambil menulis di papan hitam F=ma, saya lihat yang disebut itu tidak ada kena-mengena dengan F=ma. Dari apa yang cikgu sebut, di minda, saya membayangkan rumus D=jp.

F=ma digunakan secara universal tetapi D=jp tidak pernah wujud.

If the lesson was being taught in English, perhaps I could remember it in a blink of eye as the abbreviation of the formula makes sense...that F is force, m is mass and a is acceleration. The concept could be digested faster as I wouldn't have to translate it into Malay.

As for people who oppose the policy, I just want to say that IF THERE IS NO JUMPSTART, THE WOULD NEVER BE ANY BEGINNING. Bila mahu mula belajar Bahasa Inggeris jika selamanya tidak mahu mula terbuka hati menyesuaikan diri dengan bahasa ini? Masih tegar mahu berada di takuk lama?

Memang tidak dinafikan akan ada fasa-fasa yang susah untuk guru dan pelajar, but we have to bear the difficulties. Tun didn't say we have to abandon Bahasa Malaysia at all. He wants us to be multilingual or at least bilingual for our own good sake. English is very important. Siapa kata belajar Bahasa Inggeris bermakna kita mengagungkan orang Barat? Usah berfikiran cetek.

Rumah tidak akan terbina sendiri jika tidak mahu mula memasang tiang. Bahkan atap untuk berteduh pun tidak akan berada di atas kepala jika kita tidak mula membina tiang itu.

Kekalkanlah Bahasa Melayu dalam percakapan harian tetapi saya seru, mulalah terbuka untuk belajar Bahasa Inggeris kerana ia medium yang tepat untuk pembelajaran Sains dan Matematik. I am a teacher myself and I beg people to learn English, simply for academic purposes.
By i11 on August 12, 2008 6:56 AM

...dan kepada sesiapa yang membandingkan perkara ini dangan Jepun, Korea, Jerman dan sebagainya, tidakkah anda tahu bahawa generasi muda negara-negara tersebut kini SEDANG memperkasakan diri mereka dengan mempelajari Bahasa Inggeris?

YES, THEY ARE LEARNING ENGLISH AS WELL.

Mereka juga tahu, jika mereka tidak belajar Bahasa Inggeris sekarang, tidak mustahil tidak lama lagi negara maju mereka akan beransur mundur jika masih mahu terus "mengasingkan diri" dangan hanya bertutur dalam bahasa mereka sahaja. Oleh itu, perbandingan tersebut tidak relevan lagi dalam konteks ini.

They too, are moving forward. Why should we take a step backward?
By Poh on August 12, 2008 8:32 AM

Dear Tun,

Good morning to you.

My school motto was "knowledge is power". How true.

The state of education in our country today is pathetic. This is manifested in the graduates who seek or are in employment. It was reported that some of our ministers are sending their children to elite public schools. That speaks volume about our educational institutions here in our country.

This is due to our education policy; policy or policies that perpetually emphasizes on the malay language. Successive Education Ministers have done nothing to change and improve on the policies. They are either clueless or being Nationalistic. At the end of the day, the raayat especially the rural malays are the ones most affected.

You cannot ask the children who have been taught in the malay language from primary school to master the subject of mathematics and science in the language of the english. You would need proficiency in the language to do so.

Dear Tun, I suspect that you introduced the teaching of mathematics and science in the language of the English out of guilt. Correct me if I am wrong, you were one of the proponents of the malay language when you were the education minister.

What should have been done to correct the situation was to start all over again, i.e. from standard one. Let us make english a compulsory subject. Malay language would also be compulsory and be used to teach subjects like history. Arithmatics and science should be taught in english. Mandarin and tamil should be optional subjects.

Good day and my regards.

Poh
By rodin on August 12, 2008 8:35 AM

Salam Tun moga sihat sll. Sy amat sokong pengajaran Maths & science dlm B.Inggeris at the least tahulah anak desa menggunakan term2 B.I jika tak dpt bercakap dgn fasih pun.Sy masih ingat semasa di Tambak Johor bberapa tahun yg lalu, peg kastam (bertali leher) ckp org putih tetapi aneh kedengaran sbb kebetulan pemandu motokar membawa used tyre, bunyinya begini: "If you bring in tyre with no flower i don't mind but now got many flower", maksudnya tak payah sy jelaskan paham2 sendiri! ttpi jikalah peg tersebut brkelulusan universiti amat malang ya Ayahanda Tun! Akan tetapi masakini pun penguasaan B.I graduan2 u pun hancur, mungkin keluar U makin fasih b.melayu. Tak percaya trylah ckp B.I ngan mereka. Salam
By suriapagi on August 12, 2008 10:28 AM

Salam tun,
Saya setuju apa yang Tun buat. zaman saya sekolah dulu tak sempat masuk english medium sebab dah tak ada. Nak cakap english pun gagap. nasib baik after SPM ada intensive english course by ITM for students going overseas. Or else i wouldn't be able to converse in English.So saya sokong sangat apa yang Tun buat for our country. you inspired me during my school days and until now you still do.
By Zamuri Mohamed Zain on August 12, 2008 11:06 AM

Assalamua'laikum

Semoga Tun berada dan semua pembaca dalam keadaan sihat wal-a'fi'at dan di dalam lindungan Allah Subhanahu wataa'ala.

As a leader, you are one of my favourite, even tho there were policies and past actions of BN under your leadership that was not to my liking nor was i in favour of them. But nevertheless i take my hat off to you for your bold moves in the past, especially with this initiative of teaching Science and Mathematics in the English Language. On this I am all in favour of it and more so (tho I am a Singaporean) applaud it and encourage my friends in Malaysia to support this noble effort. Marha! marha!

On another note I notice you mentioned on a hadith of our Noble Prophet (Sallallaahu 'Alayhi Wa Sallam) on his so called statement to "seek knowledge even if it be to China". On this pls refer below:

On the spirit of encouraging amar maa'ruf & discouraging munkar, I would just like to comment and advice to all including myself. We make istighfar and ask Allah for guidance and salvation.

Imaam ash-Shaafi'ee (rahimahullaah) says in his 'Ar-Risaalah' (394-403: #1090-1093), that the Prophet said (sahih):

1. [#1090] Surely, the greatest of liars is he who ascribes to me that which I did not say, and who claims to have dreamt what he did not dream, and who claims that he is the son of someone other than his own father.

2. [#1091] Whoever ascribes to me that which I did not say, will surely have to occupy his seat in the fire [of hell]

3. [#1092] Surely, whoever tells untruths about me, will have a house built for him in the fire [of hell].

4. [#1093] Whoever tells untruths about me is surely seeking for himself a resting place in the fire [of hell]. The Messenger of Allaah began to say that while he was wiping the ground with his hand.

The hadith, "Seek knowledge even if it be to China" is a fabricated hadith and NOT from the Prophet. thus i advice myself and all readers including Tun to heed the advice of not narrating and transmitting any false/fabricated Ahadith. And only narrate and transmit Ahadith that we know for sure (with evidences) that they are authentically from the Prophet Muhammad s.a.w

The hadith This was related by ibn Adee (2/207) Abu Nu'aym in 'Akhbaar Asbahaan' and others via many routes of narration, and all of them adding the words "for indeed seeking knowledge is an obligatory duty upon all Muslims."

Ibn al-Jawzee mentions this and then quotes ibn Hibbaan saying, "invalid/rejected, it has no basis" 'al-Mawdoo'aat' (1/215)]

Adh-Dhahabee also endorsed the above words of ibn Hibbaan, ['Tarteeb al-Mawdoo'aat' of adh Dhahabee (pg. 52 no. 111)] and likewise as-Sakhaawee ['Maqaasid al-Hasanah' (pg. 86 no. 125)]

Al-Albaanee declares this hadeeth to be maudu (fabricated) ['Da'eef al-Jaami as-Sagheer' (no's 1005-1006)]

In summary, the above hadeeth is related by a group of trustworthy narrators without the words "even if it be to China" and a few narrators who are deemed weak/liars/abandoned by the scholars narrate this additional wording. So the hadeeth with the additional wording is fabricated, but without is hasan (good). [See 'Silsilah ad-Da'eefah' (1/600 no. 416) for detail.]

In conclusion there are many other authentic ahadith and even verses from the Qur'an for one to use as evidences to encourage the people to seek knowledge. So lets not use a much overly-used fabricated hadith. So if one does not know that this hadith is fabricated, then it is time that one knows. Allaahul Mustaa'an

May all of us constantly in the protection and guidance of Allaah subhanahu wata'ala.

The Prophet (Sallallaahu 'Alayhi Wa Sallam) said: There will not cease to a group from amongst my Ummah victorious upon the truth, not being harmed by those who oppose them until the command of Allaah comes about and they are like that. [Sahih - Related by Muslim in his Sahih(6/52-53), and Sahih Sunan Abu Daawood (2/202).]

Allaahu 'alam
Wassalam

From Abu Rashideen Zamuri
By DAP on August 12, 2008 11:13 AM

Dear Tun, buta bahasa Inggeris kita ibarat berjalan dimalam gelap tanpa lampu suluh. Very brilliant idea.
By Roseanita HarunAuthor Profile Page on August 12, 2008 11:17 AM

Dear YABhg Tun

Thank you very much for posting this article.

Having a daughter and a product of your visions has proven it is worth of mastering the language before/in order to master the rest of the knowledge in the this world.

We must always train our children to live and survive anywhere in the world, not just to survie in Malaysia.

May Allah gives you the strength ALWAYS to guide us.
By anaco on August 12, 2008 11:23 AM

Salam Tun,

Saya adalah salah satu produk dasar pandang ketimur yg diasaskan oleh TUN. Terima kasih atas satu dasar yg melihat dari lingkup yang berbeza dan bahasa tambahan memang adalah satu kelebihan. saya bersetuju agar bahasa ingerris digunakan didalam pembelajaran di sekolah, walaubagaimanapun terdapat banyak kelemahan dari segi perlaksanaan dan persediaan ini menyebabkan kelihatan perlaksanaannya adalah satu kegagalan. walaubagaimanapun saya melihat dari sudut yg berbeza di atas kegagalan penguasaan orang melayu dari segi ilmu dan juga ekonomi, pada saya apa yg beza dia antara org melayu dan bangsa jepun dan korea adalah semangat jatidiri dan petriotisma yg tidak ada didalam org melayu. Kalaulah TUN menjumpai ubat bagi penyakit ini alangkah hebatnya.

By yusnizaAuthor Profile Page on August 12, 2008 11:44 AM

Asalamualaikum,
I totally agree with you Tun,I am an English teacher of a secondary school in Kedah.I was involved with the implementation of teaching Maths and Science to the students.In my opinion attitudes of the teachers is the primary set back to the implementation of this programme.It is trully sad to see teachers who are so narrow minded in dealing with the nations future especially the Malays.
By Sall3hSalamAuthor Profile Page on August 12, 2008 12:18 PM

Assalamualaikum kepada Tun yang dihormati dan pembaca2 semua.

Saya sangat bersetuju pembelajaran SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS. Pada pendapat saya patut ada penambahan subjek BAHASA MANDARIN & TAMIL disetiap sekolah kerajaan, bermula dari sekolah rendah lagi. Sekurangnya rakyat Malaysia tahu asas Bahasa Mandarin & Tamil yang merupakan bahasa yang meluas digunakan di Malaysia selain bahasa rasmi BAHASA MELAYU.

Semoga Tun terus dirahmati olehNya!
By CrunchnowAuthor Profile Page on August 12, 2008 1:08 PM

I was born in the 80s and sat for my SPM before this policy was implemented. All science subjects were still being taught in Bahasa Malaysia at that time.

Sejujurnya saya menghadapi masalah mengingati formula-formula Fizik yang diajar dalam Bahasa

Malaysia. Bukan bengap, tetapi rumus F=ma mengambil masa untuk lekat di otak.

Pada kali pertama cikgu menyebut "Daya = Jisim x Pecutan" sambil menulis di papan hitam F=ma, saya lihat yang disebut itu tidak ada kena-mengena dengan F=ma. Dari apa yang cikgu sebut, di minda, saya membayangkan rumus D=jp.

F=ma digunakan secara universal tetapi D=jp tidak pernah wujud.

If the lesson was being taught in English, perhaps I could remember it in a blink of eye as the abbreviation of the formula makes sense...that F is force, m is mass and a is acceleration. The concept could be digested faster as I wouldn't have to translate it into Malay.

As for people who oppose the policy, I just want to say that IF THERE IS NO JUMPSTART, THE WOULD NEVER BE ANY BEGINNING. Bila mahu mula belajar Bahasa Inggeris jika selamanya tidak mahu mula terbuka hati menyesuaikan diri dengan bahasa ini? Masih tegar mahu berada di takuk lama?

Memang tidak dinafikan akan ada fasa-fasa yang susah untuk guru dan pelajar, but we have to bear the difficulties. Tun didn't say we have to abandon Bahasa Malaysia at all. He wants us to be multilingual or at least bilingual for our own good sake. English is very important. Siapa kata belajar Bahasa Inggeris bermakna kita mengagungkan orang Barat? Usah berfikiran cetek.

Rumah tidak akan terbina sendiri jika tidak mahu mula memasang tiang. Bahkan atap untuk berteduh pun tidak akan berada di atas kepala jika kita tidak mula membina tiang itu.

Kekalkanlah Bahasa Melayu dalam percakapan harian tetapi saya seru, mulalah terbuka untuk belajar Bahasa Inggeris kerana ia medium yang tepat untuk pembelajaran Sains dan Matematik. I am a teacher myself and I beg people to learn English, simply for academic purposes.

Come win a ipod nano and $250.00 gift card
http://www.crunchnow.com
By anailzdak on August 12, 2008 1:12 PM

saya teramat la sokong pe yg tun ckp ney. tp mslhnyer, nk ke org2 yg menentukan bnda ney dgr pe yg tun ckp. sy gram btol tiap hri tgk brita+bc newspaper psl isu ney. sy rase sdih nk m'bygkn pe yg akn jdik kt adk2 sy yg msih blajar di sek menengah. bkn nye sy nk m'blkgkn bahasa melayu, tp ini sume demi masa dpan budak2 ney juga. sape yg susah nti bile nk cr keje. at least, kalo de basic english, bole juga b'saing ngan org2 len. xpn, bole keje kt oversea, tmba ilmu kt ngara org, bole praktik kn kt mlysia. mslh la tun org mlayu ney, xpnah nk b'ubah @ m'bgun lgsung..rase gram btol..kalo org kg yg xtau pape, bole la d'ajar.. ney, mnteri pn nk bangkang, xtau nk ckp pe la..asek ngative thnking jer, mkin mundur la melayu dlm malaysia ney.
By Cyrus D'Virus on August 12, 2008 3:20 PM

TUN,

1. BUAT MASA NI, PENGAJARAN BAHASA INGGERIS UTK MATEMATIK DAN SAINS DI SEKOLAH2 TERUTAMA DI SEKOLAH LUAR BANDAR ADALAH AMAT, AMAT DAN AMAT TIDAK MEMUASKAN.

2. BAHASA INGGERIS MEREKA PUN TONGGANG LANGGANG, MACAMANA NAK BELAJAR MATEMATIK DAN SAINS DALAM BAHASA INGGERIS.

3. KALAU DULU RAMAI ANAK MELAYU YANG DAPAT BAHASA INGGERIS P7, P8 DAN TIDAK KURANG PULAK YG DAPAT F9 DAN MEREKA BOLEH DAPAT MATEMATIK A1, MATEMATIK TAMBAHAN C3, SAINS A2. JADI MEREKA MASIH ADA TEMPAT UTK PERGI KE INSTITUISI PENGAJIAN TINGGI. MEREKA BELAJAR BAHASA INGGERIS KEMUDIAN. STILL MASIH BOLEH JADI

MANAGER KAT LUAR SANA.

4. SEKARANG NI PULAK BAHASA INGGERIS F9, MATEMATIK ? SAINS ? BOLEH BAYANGKAN TAK?

5. TAKDE MOOD NAK BELAJAR BAHASA INGGERIS MAKNANYA TAKDE MOOD JUGAK UTK BELAJAR MATEMATIK ATAU SAINS. KALAU MACAM TUH, CORE SUBJECT HANCUSSS...

6. SAYA AJAR KELAS TAMBAHAN UTK FORM 2 DENGAN FORM 3 (saya buan cikgu saje je nak ajar) UTK SUBJECT MATEMATIK, KELAKAR DENGAR DIAORANG BACA DALAM BAHASA INGGERIS. BUKAN NAK GELAK, TAPI JUST WONDERING, DAH BERAPA LAMA PROGRAM NI DIJALANKAN DI SEKOLAH, INIKAH HASILNYA? ADA LAGI YANG MASIH TAK TAU APA ITU AREA DAN APA ITU PERIMETER. BILA TANYA LAGI, MULTIPLY TU APA?PON TAK TAU.... MULTIPLY TAK TAU CEMANE NAK BUAT MATEMATIK. LAWAK LAWAK.... BILA TANYA KATA CIKGU TAK AJAR. SEMUA BEBUDAK SEKARANG SALAHKAN CIKGU MUNGKIN CIKGU PUN TAKDE MOOD NAK AJAR DALAM BAHASA INGGERIS. CUBA TANYA CIKGU DIAORANG PRESSURE TAK AJAR DALAM BAHASA INGGERIS....

7. MATEMATIK SOALAN MENGGUNAKAN ANGKA. ALHAMDULILLAH DIAORANG DPT BUAT. MATEMATIK SOALAN BERMASALAH? MEMANG DIAORANG BERMASALAH SEBAB SOALAN TU BERMASALAH.....KITA PUN JADI MASALAH JUGAK JADI MASALAH X3

8. SAINS DALAM BAHASA INGGERIS? DIAORANG KENA HAFAL APA ITU HOW, WHERE, WHEN. DALAM MASA YG SAMA DIAORANG KENA HAFAL JUGAK APA ITU VERTEBRATA, PATELLA, MEDULA OBLOGATA, ASTAGA TAK DPT DIBAYANGKAN.

8. PROGRAM NI MASIH TAK BERJAYA. MUNGKIN AKAN BERJAYA SATU HARI NANTI TAPI AMBIL MASA 10 TAHUN KE 15 TAHUN. GENERASI ANAK SAYA BERUMUR 4 TAHUN AKAN DIDIDIK SUPAYA FAMILIAR DENGAN BAHASA INGGERIS DAN MUNGKIN MEREKA AKAN DAPAT SESUAIKAN KEADAAN DALAM PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM MATEMATIK DAN SAINS KELAK. TAPI PERSOALANNYA... JENG JENG JENG.... DALAM MASA 10-15 TAHUN NIH, BERAPA RAMAI PULAK MELAYU YANG LINGKUP? BERAPA RAMAI MELAYU YG TAK DAPAT TEMPAT KAT IPT NANTI....

9. JANGAN KATA KITA CETEK PEMIKIRAN KRN TAK DAPAT TERIMA PERUBAHAN NI. ANDA BERADA DI ATAS, SUDAH MATANG, PANDAI PIKIR BAIK BURUK, MUNGKIN BACKGROUND KELUARGA YANG BAGUS MASA KECIK2 DULU. CUBA BAYANGKAN MEREKA YANG DUDUK DIKAWASAN LUAR BANDAR. BALIK UMAH OMAK EH CAKAP NOGORI. EKAU BELAJAR APO ARI NIH JANG? MACAMANA NASIB DIAORANG?

10. AMBIK SOALAN CONTOH SAINS TINGKATAN 2,SAYA PUN TAK TAU CEMANE NAK JAWAB. ALMAKLUM LAR BAHASA INGGERIS DULU P7 TAPI MATEMATIK SAYA BOLEH DAPAT A1 ALHAMDULILLAH BOLEH SURVIVE SAMPAI SEKARANG. ADA LA SKET TITLE....

11. DULU MASA BELAJAR RAMAI YG DAPAT BAHASA INGGERIS P7, P8, F9 TAPI BILA DAH KERJA 10 TAHUN CAKAP OMPUTIH BERABUK....STILL BOLEH SURVIVE.....

12. PERCUBAAN MACAM NI AKAN MELINGKUPKAN BANGSA MELAYU SENDIRI. BILA ADA IKLAN YG MERENDAHKAN BAHASA MELAYU KITA MARAH.... TAPI SEBENARNYA KITA SENDIRI YG DAH MERENDAHKAN BAHASA KITA SENDIRI SEHINGGAKAN ORANG TAK HORMAT BAHASA KITA.

13. KITA BOLEH BUAT MACAM DULU... STILL ADA ANAK2 MELAYU YANG PERGI KE OVERSEA... ADA YG DULU TAK BOLEH CKP OMPUTIH TAPI BILA DAH KERJA CAKAP OMPUTIH BERABUK LAJU MACAM KETAPI....

TUN,

14. DEN SOKONG TUN DALAM SUMO TOPIK KEK DALAM BLOG NI HA... TAPI YANG NI DEN TAK

SETUJUT.... TAK SETUJUT SAMO SEKALIK. LU ORANG PIKIR LA SENDIRI....
By wellengineer on August 12, 2008 3:30 PM

Dear Tun,

I come from a middle class family and had not had much exposure in English language during my primary school years but I was lucky enough that I had a chance to go to a boarding school where I learned most of my English there. I was a straight A student and I managed to get a scholarship to further my studies overseas.I have friends who were raised with English as their first language and all of them are from wealthy families. My observation tells me that more than 80% of children below 12 years old who master English come from an upper class family(this observation valid for Malays only). Another 20% have parents who have realization (middle class) on the importance of English. They either send their children to tuition class or encourage them to study harder since they could not teach and converse in English themselves.
Here comes my point. Unless the children come from a middle or upper class families, they are highly unlikely could master English below the age of 12 yrs old. Although teaching science and math for primary students is ideal, it is not practical when it comes to students who live in rural areas (kampung). Even in big cities, children who come from low income families who are not exposed to English speaking environment will find it hard to cope with their studies at school. They will be left behind during their first year and will be further left behind as the years pass. My mother is a teacher and the analysis comes from her and I share her opinion. Recently, I talked to a friend of mine who is an English teacher; surprisingly she shares the same concern as mine. I was told that most science and math teachers teach the subjects in English when they are being audited or watched while a few may have use English completely but the grammar are hopelessly bad.
If I have the authority to call for the decision, I would definitely provide options to these students. These students need a strong foundation in math and science first before they are introduced to math and science in a totally different language. I would leave the primary school alone and start math and science in English during secondary school.
I reject the idea 'boleh la bercakap sepatah dua english'. If the sentence merely use 'I' or 'you' or sounds like these :- 'I ask her, but she don't have' or 'do that already' or 'don't play play la', PLEASE do not make a fool of yourself.
Just a note before I pen off, France is a nation that is so proud of their language that they refuse to learn English (most of the understand English but refuse to use it). Is France underdeveloped? If there's a way there's a will..one can be what he or she wants to be if he/she works hard (regardless what language she/he masters in). Pandai English pun tak guna kalau malas.
By pemusnahPM5 on August 12, 2008 3:42 PM

slm hotmat buat ayahanda sekeluarga..

pada saya andai dari thn 1990 an lg ayahanda buat subjek sains dan matematik dlm bahasa inggeris mungkin sekarang nie komen saya dlm blog ayahanda juga dlm bahasa inggeris dan juga tidak perlulah saya menunggu artikel ayahanda dlm vesri bahasa melayu..

semoga allah mempermudahkan tugas2 ayahanda kelak..
p/s : jaga kesihatan jngn layan orang kuat tidor
By Senn on August 12, 2008 4:17 PM

Salam Tun,

Firstly, I agree to what you stated. When I was in Form 4-5 I can't understand the terms they use in Prinsip Akaun, terakru, tergantung etc. therefore i got terrible score in Accounts for my SPM. Funny, I scored "A" in my Basic Accounts Principle during my college year, partly because English terms used, and the teaching method is different, during secondary school the teacher just start pointing out a few account and didn't explain much, whereas in college, we learn the theory and basic rules of account before we actually start doing the accounts.
By pemikirzamanAuthor Profile Page on August 12, 2008 4:36 PM

salam,
Tun,
Sesungguhnya blog Tun adalah blog yang paling banyak komentar di Malaysia. Adanya sokong dan ada kalanya menentang. Tapi kami semua ikhlas. (at least I am) Jadi, setiap kali saya membuka blog Tun, saya mendapat banyak maklumat dari para komentar yang lain. Kadang kadang ada kalanya nak menegur atau berkongsi perkara dengan pemberi komen yang lain.

By pencetak sinar on August 15, 2008 10:21 PM

Komen saya, Pencetak sinar, manusia amnya dan Malayu khasnya hanya akan bertindak bila dipaksa. Di bahagian Utara tanah air, yang majoritinya penduduk Melayu telah mendapat keputusan yang sangat baik dalam mata pelajaran Inggeris di peringkat percubaan UPSR. Murid murid ini ialah di kalangan pelajar yang telah belajar Matematik dan Sains semasa di dalam darjah 1 lagi. Hasilnya mereka dapat menguasai Bahasa Inggeris. Mereka tidak lagi kekok untuk menggunakan dan memahami bahasa Inggeris. Mereka ini akan senang bersaing dengan pelajar bukan melayu bila mereka berada di sekolah menengah dan universiti nanti. Ini yang kita mahu. Bangsa Melayu telah kerugian kerana tidak mengusai bahasa lain . Cina dan India sekurang kurangnya telah menguasai 2 bahasa iaitu bahasa ibunda mereka dan bahasa Melayu. Kita juga yang rugi. Jadi, tolonglah jangan menggunakan bahasa untuk menguatkan jati diri. Contohnya Tun Dr Mahathir. Beliau menguasai bahasa Inggeris dan Melayu dengan baik sekali dan lihat saja jati dirinya. Seorang yang sangat sayangkan bangsanya sehingga dia menangis bila memperkatakan tentang hal orang Melayu. Tun masih mahu membantu kita walaupun beliau boleh bercuti di luar negara dan tidak bersama kita di negeri panas ini. Beliau masih lagi menulis dan membuat teguran kepada kerajaan di atas kelemahan Pak Lah. Lihat saja Anwar Ibrahim yang mendapat ijazah Linguistik Bahasa... jati dirinya terhadap bangsa Melayu bagaimana sehingga sanggup mengorbankan bangsa melayu untuk bangsa lain demi cita politiknya menjadi pm dapat kesampaian

Sekian adanya komen saya
By Edruce on August 16, 2008 12:03 PM

sejak cadangan ini dilaksanakan semua pihak menyatakan bahawa Tun tidak bersemangat patriotik mempertahankan bangsa Melayu, sehingga di signboard skolah saya juga turut ditampalkan kertaS YANG mempersoalkan perihal ini...namun saya tahu ini untuk kebaikan bangsa melayu sendiri agar tidak diperbodoh-bodohkan seperti mana yang telah dilakukan british semasa zaman sebelum merdeka untuk mengambil tanah melayu dengan tipu helah mereka...Wassalam
By life on August 16, 2008 1:52 PM

saya sangat bersetuju dengan tindakan Tun untuk menjadikan pengajaran matematik dan sains di dalam bahasa inggeris. saya rasa ia adalah satu tindakan yang bijak dan sangat berani untuk jangka masa panjang.

Walaubagaimanapun saya agak kesal apabila saya terpaksa melihat di depan mata saya sendiri begitu ramai anak melayu kecundang kerana belum bersedia untuk mengambil cabaran ini. Mereka adalah pelajar yang berada di sekolah menengah. Ini akan membantutkan pembangunan mereka kerana ada yang mengaku tidak berminat untuk belajar kerana tidak mampu mengikuti pelajaran dalam bahasa inggeris. saya rasa mungkin sekiranya mereka ini diberi peluang untuk meneruskan pelajaran dalam

bahasa melayu maka mereka mungkin dapat mengumpul tenaga dan menyusun langkah dalam membuka walaupun sedikit peluang untuk mereka. kerana pada saya mereka adalah 'korban' keputusan kita. tetapi saya juga sangat gembira kerana pelajar-pelajar kita yang berada di sekolah rendah lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan ini dan saya rasa ini adalah satu keputusan yang baik untuk jangka masa panjang.

Saya juga berharap yang tenaga pengajar juga diberikan persediaan yang cukup dalam menyampaikan tanggungjawab mereka yang sangat berat. Ini keran mereka bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu sains dan matematik tetapi mereka juga perlu menjadikan menyediakan pelajar dalam menerima perubahan.

Akhir kata saya rasa ia adalh tindakan yang sangat bijak untuk mengambil cabaran ini dan membuat perubahan demi masa depan tetapi dengan persediaan yang lebih teratur dan tempoh adaptasi yang lebih optimum maka saya rasa Tun pasti akan tersenyum bersama-sama dengan pendidik yang lain kerana keputusan berani yang telah dibuat ini.

Regards,
Life
By pemuda berjiwa bangsa on August 16, 2008 2:17 PM

askum tun yang disayangi.. saya amat bersetuju dgn tun. bagi saya sains dan matematik diajar dlm bahasa inggeris ini tidaklah membebankan. dan tidak nampak pun yg ianya akan membuatkan bangsa melayu ni akan tertindas. lagi pun sejak ianya dilaksanakan dulu. apa yg kita nampak peratus keputusan peperiksaan bagi semua peringkat iaitu UPSR, PMR dan SPM di seluruh negeri makin tahun makin meningkat. dan hampir setiap tahun ada sahaja anak melayu yg lulus dgn cemerlang. dorang ni masih tak sedar akan pandangan tun yg jauh kedepan.ibarat mereka ini masih teraba raba didalam gelap.
By Norul on August 16, 2008 4:23 PM

Dear Tun,
It is hard to replace a great leader who always, always thinks of his people first before anything else. I totally agree with the teaching of Maths and Science in English - I think this is a step towards the betterment of the lives of our future generation. I fail to see what is wrong with learning a global language such as English, where the whole world is using it. Why must we always be associated with staying in trees connotation, like monkeys? Why can't we be one of the smart race in the world and be proud of it. Everybody else in the world are fighting to learn not only English, but Mandarin as well. And here we are fighting over trivial matters and personal matter and inadequacies of ourselves. Just because we cannot dance, we say "lantai jongkang jongket". Even Nabi Muhamaad s.a.w. said "Tuntutlah ilmu walau ke negeri China". Makna tersirat: he knows how important Mandarin is even in his time! And here we are squabbling over which language to teach our future generation, and forgetting about making sure of their survival in the world in the future. Even now we can see that those who cannot understand English are missing out on a lot of things and understanding what is going on in their own backyard, let alone in the world. Why do we need to be so negative about putting in "ILMU" into our kids' heart and making them more "berilmu" and we have to fight about it some more?
By iki namida on August 16, 2008 10:24 PM

now its all make sense...kenapa segelintir orang kita masih jauh ketinggalan di belakang?...hrmm...anyways, well said Tun...well said!
By soopeeAuthor Profile Page on August 16, 2008 11:16 PM

Salam Tun,

saya sokong B. Inggeris digunakan untuk tujuan ilmu. Dengan penjelasan sebegini kenapa ada lagi yang tidak faham.
By pencetak sinar on August 17, 2008 3:12 AM

Dear Tun,

Izinkan saya membalas komen saudara Ketam,

Saudara Ketam,

Kita berbincang tentang pengajran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Bukan soal tidak mahu menguasai bahasa Inggeris. Tujuan utama saya kurang bersetuju pada cadangan ini adalah kerana ia membantutkan pembelajaran mata pelajaran itu di peringkat awal. Saya tidak nafikan bahasa Inggeris mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan kita. Ada kepentingan yang besar dalam penguasainya terutamanya dalam kehidupan kita kini. Sungguhpun demikian itu tak bermakna sains dan matematik boleh di jadikan medan untuk memantapkan penggunaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar. Bahasa Inggeris perlu dikuasai dengan mekanisme lain. Bukan melalui sains dan matematik. Pada pendapat saya jika perlu, pelajaran seperti sains dam matematik perlu di ajarkan dalam bahasa ibunda untuk semua bangsa. Agar minat terhadap pelajaran-pelajran penting ini timbul sejak awal.

Sungguhpun demikian diperingkat universiti, penggunaan bahasa inggeris boleh dipraktikan untuk memudahkan pelajar mengadaptasi dengan istilah bahasa Inggeris yang digunakan apabila memulakan kerja kelak.

Pada saya; kalau bukan kita yang sayangkan bangsa kita tak akan ada bangsa lain yang akan pedulikan bangsa kita. Kita pertahankan apa yang kita sayang.
By Ahmad Joe on August 17, 2008 9:26 AM

Assalamualaikum w.b.t,

Kalau nak kata peminat Tun, saya pun peminat Tun juga. Akan tetapi tak lah sampai taksub sangat. Kalau dikata hadis yang dilampirkan adalah palsu, dianya palsulah. Bukannya suka2 nak dikata ianya palsu. Majoriti ulama hadis kata ianya palsu, sedikit berpendapat ianya lemah dan kalau nak kata ianya sahih jauh lagilah.

Andaikata ada yang kata hadis ni sahih, bentangkanlah fakta yang mengatakan ianya sahih maksud saya sumbernya dari mana, siapa dia ulama yang men'sahih'kanya dan lepas itu barulah pergi kepada "tafsiran yang lebih terperinci" itupun kalau ianya sahih.

Zaman la ni bukannya macam 60-70 tahun lepas, terima kasih juga diucapkan kepada Tun kerana membawa kemajuan kat Malaysia terutama sekali dalam teknologi pengkomputeran ni. La ni kalau kata ada "Internet connection" pi lah duduk mana pun hatta kat tengah hutan kalimantan pun. Tekan pi "keyboard" tu kita buleh dapat cari rujukan tentang hadis2 ni.

Peminat Tun pun peminat juga, akan tetapi bila mai kat Muhammad s.a.w tu, kita lebih lagi.
By terbelit_sembelit on August 17, 2008 3:00 PM

assalamualaikum tun

masalahnya tun, tak semua yang memahami visi tun dalam memperjuangkan bangsa melayu serta rakyat Malaysia keseluruhannya. ada melayu yang anggap ini sebagai sesuatu yang mencabar budaya kita, ada pula bukan melayu yang menganggap ini sebagai langkah untuk menyeragamkan bahasa rasmi percakapan. yang paling parah, ada pulak org melayu yang anggap tun cuba menjelaskan yang bahasa melayu tidak lagi relevan di zaman ini.

maka berlakulah pertikaman lidah, serta wujudlah satu bangsa melayu berpaksikan 'free-thinker' yang tidak mahu lagi mendukung bahasa dan budaya sendiri sehinggakan anak mereka pun merasa 'bodoh' kalau cuba bercakap dalam bahasa melayu.

inilah masalah yang dihadapi bila tun melaksanakan visi berwawasan tinggi yang rata-rata ramai orang

belum celik mata lagi. kita lihat visi 2020 yang dipandang enteng oleh BODO LAA Badawi itu sehingga melanjutkan pula ke 2050 (punya laa sempitnya cita-cita), serta pembinaan Putrajaya yang hanya dirasai akan manfaatnya sekitar awal tahun 2000 yang lalu sedangkan ia telah dirancang sejak awal lagi.

semua ini hasil pandangan jauh tun. tapi bila diberi kebertanggungjawaban pengurusan negara kepada melayu yang lain, maka timbullah sifat 'kaduk naik junjung' yang tak pernah kami (dan mungkin juga tun) pernah lihat sebelum ini.

sebab itu sebenarnya kami di sini masih lagi setia menyokong pendirian tun, menggesa agar tun kembali menerajui tampuk pemerintahan negara dan sebagainya.

tapi, ye laa tun kan... benda dah lepas. nak kenang-kenang pun buat tambah sakit hati je. isu sekarang yang tinggal cumalah, PAK LAH MESTI TURUN!
By Hj Rostam on August 17, 2008 3:08 PM

Assalamualaikum wrt buat Yg Amat Berbahagia TUN !!!! Saya amat2 setuju dengan pandangan dan cadangan TUN pada pendapat saya cukup penuh dengan semangat untuk bangsa MELAYU terus maju ke hadapan bukan maju ke belakang....!!!

Ini saya nak perturunkan sedikit pengalaman saya sendiri dalam hidup ini...buat renungan anak muda zaman sekarang nie..., saya sekolah sampai tingkatan 5...masa sekolah saya kurang tumpukan dalam bahasa Inggeris sangat sehingga lah saya menempuh alam pekerjaan di perhotelan...bermula di sanalah saya mula memahami betapa pentingnya bahasa INggeris dalam seharian dan pekerjaan dan rujukan kita...bermulalah semangat saya untuk mendalami bahasa Inggeris secara formal dan tidak formal untuk masa depan saya sendiri dan anak cucu saya di kemudian hari.... Saya mula dengan mendengar dan bertanya orang yang mahir dalam penggunaan bahasa Inggeris secara sendiri tanpa paksaan.. terus terang saya beritahu saya kurang berpendidikan tinggi...hinggalah saya berjaya dalam kerjaya saya lalui..sekarang saya berkebolehan dan berkelayakan dalam semua bidang baik di Darat, Laut dan Udara....dengan mendalami bahasa Inggeris yang penting dalam mencapai semua itu...

Bahasa Inggeris cukup penting untuk bangsa kita maju dalam semua bidang yang kita terokai...dengan bahasa Inggeris saya boleh berkomunikasi dan belajar dalam apa bidang sekali pun hingga berjaya.. Saya berbangga dengan usaha TUN untuk menekan pendidikan bahasa Inggeris di alam persekolahan sedari peringkat rendah hinggalah ke peringkat tertinggi demi memajukan bangsa Melayu di mata dunia...

Bahasa Inggeris bukan susah jika pelajari secara betul...cuma orang tidak memahami betapa pentingnya bahasa Inggeris itu saja yang akan anggap menyusahkan diri...dengan bahasa Inggeris juga saya kini bergelar siswazah yg hanya berbekalkan pengalaman dan sedikit pendidikan rendah untuk memasuki alam universiti bagi mamajukan diri saya dengan mengambil pandangan dari TUN suatu ketika dahulu..belajarlah hingga ke tua..carilah ilmu sebanyak mungkin buat diri sendiri dan sebagai pembakar semangat buat anak2 saya yang masih kecil...kini saya berbangga dapat berkomunikasi dalam bahasa Inggeris tanpa rasa segan dan malu lagi dengan bangsa asing yang banyak menggunakan bahasa Inggeris...saya sudah menjelajahi keseluruh pelusuk dunia dan mempunyai hubungan baik dengan lain2 bangsa di dunia ini....dengan bahasa INggerislah saya maju ke hari ini...terima kasih di atas semangat TUN itu...

TUN..adalah idola saya sejak saya kecil lagi, tmbahan pula arwah ibu dan ayah saya ada hubungan rapat dengan TUN dan isteri ( YABhg TUN Dr Siti Hasmah ). Semangat TUN cukup istimewa buat saya sekeluarga sedari dahulu hingga kini.....

Teruskan Usaha Murni TUN terhadap memajukan bangsa kita ini...BANGSA MELAYU...JANGAN BIARKAN MELAYU TERLUPA DAN ALPA DENGAN KEMEWAHAN DAN PROVOKE YANG BUKAN2 TAPI TIADA FAEDAHNYA.....

BANGSA MELAYU BANGSA BERDAULAT DAN BERTERASKAN SEMANGAT YANG KUAT...SEPERTI HARIMAU BERJUANG..!!!!!

TAHNIAH SEKALI LAGI DAN TERIMA KASIH BUAT TUN YANG MENDIDIK BANGSA MELAYU TIDAK MUDAH LUPA DAN ALHPA...TUN ADALAH PEJUANG BANGSA SEJATI.....Saya cukup tertarik dan memahami segala isihati TUN dalam coretan TUN merujuk kepada MELAYU DILEMA cukup menyentuh dan menusuk jiwa saya...apa itu sebenarnya Bangsa Melayu yang TUN luahkan...cukup bermakna coretan TUN itu.....

Dikesempatan ini juga saya ingin menyampaikan salam buat seluruh keluarga TUN dan mendoakan kesejahteraan TUN berdua dalam kesihatan dan ketenangan yang baik....

Semoga Allah melindungi TUN berdua ....saya juga pernah menanam impian untuk bertemu sua dengan TUN secara dekat dan meluahkan segala isihati saya tetapi apakan daya saya hanya insan kerdil yang mungkin payah untuk berkesempatan itu lagi...InsyaAllah kalau Allah beri keizinan dan panjang umur dan murah rezeki saya akan berusaha untuk beramah mesra dengan TUN secara dekat walau saya tahu TUN selalu ke IJN sebelah rumah saya di HKL....

Hingga bersua di ruangan dan topik yang lain pula...

Wassalam dari peminat dan penyokong setia TUN....
By deja vu8 on August 17, 2008 3:24 PM

nampaknya ramai yg bersetuju!!!
ok... nak tanya now... apa salah terima bukan melayu dalam UITM? bukankah 2 perkara ni lebih kurang sama?
tak nampakkah macam mana peserta olimpik bila berdepan perserta lain yg lebih hebat dapat meningkatkan prestasi lagi?
apa salah belajar bersama dgn bukan melayu yg selalunya dikatakan lebih maju dari segi pembelajaran?

hah! nampak tak apa yg menteri besar selangor dari pakatan nampak?

i tell u all... kalau betul pintu UITM dibukak untuk semua pun, saya pasti tak ramai bukan melayu yg minat sangat pun....
By lailawitra84 on August 18, 2008 11:06 AM

Sangat benar kata2 tun itu........saya sangat setuju....
By tempe on August 18, 2008 12:19 PM

saya peliklah macam mana dikatakan kalau tak berapa tahu bahasa Inggeris, kita akan mundur... Lihat lah Jepun, Jerman dan Rusia... Mereka tak guna Bahasa Inggeris sebagai pengantara di sekolah pun... Tapi mereka maju... Lihatlah betapa majunya Bandaraya Beijing....
By skrudriver on August 18, 2008 1:48 PM

Assalamualaikum w.b.t,

Siapa yang halang perlaksanaan mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris? Adakah Rakyat Malaysia sendiri, atau Pegawai Atas-atasan yang syok sendiri. Kalau benar2 nak kuasai Teknology maju cepat-cepatlah laksanakan.
By yoyooh.comAuthor Profile Page on August 18, 2008 3:22 PM

Bersemangat kebangsaan Melayu tidak hanya dengan Bahasa Melayunya sahaja. Bercakap dengan fasih tidak menjamin semangat kemelayuan yang tulen. Ia juga terletak kepada bagaimana individu itu sendiri menguasai ilmu dan seterusnya menggunakannya untuk kepentingan bangsanya. Kita harus lari dari berfikiran sempit dan harus manyahut segala cabaran berkaitan keilmuan. Hanya dengan ilmu yang baik sahaja akan memertabatkan bangsa itu sendiri.

Isu ini saya bawa kepada generasi muda melalui web portal yoyooh.com

Untuk membaca reaksi dan pandangan generasi muda yang rata-rata berumur bawah 25 tahun, silalah ke http://www.yoyooh.com

Diharapkan TUN tidak keberatan bagi kami di yoyooh membawakan sesetengah isu disini yang berkait rapat dengan golongan muda utk tatapan mereka.
By Mohd Faried on August 18, 2008 10:57 PM

Salam Tun

Pandangan Tun adalah benar sama sekali.

1. Bukan sahaja subjek matematik dan sains bahkan ilmu akaun, kejuruteraa, rekaan dalaman, program mengunakan bahasa inggeris.

Contoh yang di berikan oleh Tun adalah benar sama sekali. Mungkin orang bergama hanya pandai membaca surah, hadis tetapi mereka tidak tahu inti pati isi kabdungan ayat itu. Umat arab dam Islam diminta menuntu ilmu...itu bermakna perlu pengorbanan kalau ingin berjaya.

3. Tiada niat di mana-mana pemimpin dan mayasyarkat melayu untuk menindakan bahasa ibunda tetapi biarlah mendatang faedah yang berguna padan bangsa iaitu ilmu.

4. Saya menyokong perjungan Tun

5. Saya mencadanglan sekolah aliran bahasa Ingglis di perkenlkan semula bagi menari semua orang melayu menjadi insan yang berja dan berkebolehan dal;am semua subjet.

6. Saya yakin sekiranya sekolah aliran inggeris ini di buka di luar bandar sudah tentu akan mendapat perhatian oleh ibu bapa untuk melihat anak mereka berjaya. Mereka sangup hantar!

7. Janganlah kerana hendak pertahan kan masa depan pendik tetapi fikirkan lah masa depan yang jauh untuk anak bangsa.

sekain

HIDUP TUN, HIDUP TUN, HIDUP TUN
By jmazliAuthor Profile Page on August 19, 2008 5:41 AM

tiada salah dalam perlaksanaan pengajaran dalam bahasa inggeris tetapi yang jadi salah adalah 'kecerdikan' kementerian pelajaran dalam melaksanakan dasar pendidikan. sudah sampai masa kita perlu merombak sistem dan jika perlu orang -orang tertentu yang membebankan kementerian. dasar pendidikan malaysia sudah ketinggalan 100 tahun di belakang negara - negara lain. masih bersifat mengongkong dan tidak menggalakkan budaya berfikir dan kesannya kita boleh lihat hari ini bukan sahaja kepada anak - anak kita yang masih di bangku sekolah tetapi majoriti rakyat malaysia khususnya orang melayu. tergerak saya untuk meninggalkan komen di sini adalah kerana saya adalah golongan pendidik yang kecewa dengan sistem pendidikan di malaysia. andai kata jika beginilah gayanya, wawasan 2020 yang dibayangkan akan bertukar corak dan warna.
By jayzek on August 19, 2008 10:07 AM

Salam Tun,

1. Saya berpendirian bahawa penguasaan bahasa inggeris itu penting. Mengajar matematik dan sains dalam bahasa inggeris sepatutnya telah bermula dari dulu lagi. Sekolah-sekolah juga seharusnya telah menekankan penguasaan bahasa inggeris dari peringkat rendah lagi. Tidak akan hilang semangat kebangsaan kalau dapat menguasai bahasa inggeris.

2. Peningkatan kerjaya juga bergantung kepada penguasaan bahasa inggeris yang baik, ini dapat dirasai oleh saya sendiri yang tidak begitu baik dalam penguasaan bahasa inggeris. Dahulu saya bersekolah rendah dan menengah diluar bandar (SPM 1988) dan tidak ada penekanan dalam penguasaan bahasa inggeris. Walaupun berjaya memperolehi ijazah namun penguasaan bahasa inggeris tetap tidak begitu baik. Bagaimanapun pensyarah kelas inggeris saya mengatakan bahawa bahasa inggeris saya adalah baik berbanding rakan-rakan saya yang lain. Kalau saya kata inggeris saya teruk bagaimana rakan-rakan saya yang lain? Pasti lebih teruk sehingga ada yang terpaksa mengulang semester kerana gagal bahasa inggeris.

3. Atas kesedaran penguasaan bahasa inggeris penting, saya menghantar anak-anak saya ke sekolah tadika aliran inggeris sejak mereka berumur empat tahun lagi. Bagaimanapun ketika disekolah rendah, penekanan bahasa inggeris oleh sekolah amat kurang. Sekolah lebih sanggup membuat kelas tambahan basaha Arab berbanding bahasa inggeris.

4. Saya berharap adanya sekolah-sekolah terpilih yang ditukar kepada sekolah aliran bahasa inggeris supaya ibubapa mempunyai opsyen menghantar anak-anak ke sekolah tersebut.

5. Bekas Menteri Pendidikan yang juga TPM kita dan segelintir menteri-menteri pun menghantar anak-anak mereka ke sekolah antarabangsa. Cakap bahasa melayu pun pelat. Kami tidak mempunyai wang untuk menghantar anak-anak kami ke sekolah tersebut, apa yang kami mahu hanyalah anak-anak kami juga dapat menguasai bahasa inggeris dengan baik. Berilah penekanan kepada penguasaan bahasa inggeris di sekolah-sekolah.
By suzain on August 19, 2008 12:20 PM

SALAM AYAHANDA TUN,
ALAH APA YANG NAK DIHERANKAN, BAYANGKANLAH SETIAP KALI BERLAKUNYA PERUBAHAN DLM SISTEM PEMBELAJARAN KITA YANG PASTI ADA PERTUKARAN BUKU TEKS. BAYANGKANLAH KALAU JUMLAH BUKU TEKS UNTUK SETIAP PELAJAR SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH YANG PERLU DITUKAR............DAN BAYANGKAN PULA KEUNTUNGAN YANG DIDAPATI OLEH ORANG YANG MEMPEROLEHI KONTRAK TERSEBUT.........ANAK SAPELAH TU. SOMEONE PLEASE CHECK IT OUT.
APAPUN SAYA SANGAT SETUJU MATEMATIK DAN SAINS DIAJAR DLM BAHASA INGGERIS SEBABNYA BILA KADANG2 SAYA MENDENGAR ANAK2 SAYA BERBINCANG SESAMA MEREKA TERKEDU DIBUATNYA. RASA BANGGA MELUAP2.

TO ALL BLOGGERS SALAM PERKENALAN THANK YOU VERY MUCH BECAUSE NOW I KNOW IM NOT ALONE. ALL THIS WHILE I THOUGHT IM AMONG A FEW WHO SUPPORTED AYAHANDA TILL DEATH. RUPANYA KITA RAMAI DAN KUAT.

TO AYAHANDA AND BONDA WE WILL AND ALWAYS LUV YOU. GOD BLESS EVERYONE HERE.
By Living Malay on August 19, 2008 2:31 PM

a'kum Tun dan semua.

Saya ingin menyuarakan sedikit pendapat saya yang agak bertentangan dengan pendapat saudara 'TEMPE'.

pertama sekali saya ingin meminta maaf kepada saudara 'Tempe' sekiranya pendapat saya ni ada yang menyinggung perasaan atau pegangan saudara. Saya cuma menyampaikan pendapat saya atas dasar kepercayaan dan pegangan saya.

Pertama sekali sebelum membandingkan negara kita dengan negara-negara yang telah disebut oleh saudara Tempe iaitu Jepun, Jerman dan China, kita perlu tahu di mana letaknya status negara kita dan juga apakah kemampuan yang kita ada untuk meletakkan kita sebaris dengan mereka. Jangan salah faham, saya tidak katakan yang negara kita lemah, negara kita mundur, tapi apa yang saya nak sampaikan kita berada di situasi yang saya lihat sebagai 'muda dan berpotensi'.

betul apa yang telah saudara tempe katakan, mereka berjaya dengan bahasa mereka sendiri. tetapi pernahkah kita terfikir berapa lama mereka ambil masa untuk berada di tahap sekarang? berapa banyak pengorbanan yang telah mereka lakukan untuk berdiri megah dengan bahasa mereka sendiri. Apakah keupayaan mereka, sampai mereka telah menjadi pusat untuk mendapatkan ilmu dan teknologi dari negara-negara di seluruh dunia. Ini jauh sekali berbeza dengan kita yang masih merupakan negara yang sedang belajar.

Saya tak nafikan sekiranya pendekatan yang betul dan sistematik diambil, insyallah saya yakin kita akan menjadi seperti mereka dan mungkin lebih. Tapi sebelum sampai ke tahap mereka, saya berpegang kepada prinsip "we have to learn to follow before we can lead". Ini adalah proses awal dalam mencapai visi utama iaitu memartabatkan bangsa melayu.Saya percaya itulah visi TUN semasa membuat keputusan ini. Kita di proses awal, proses pembelajaran, proses melengkapkan diri. Secara umumnya negara maju adalah negara barat yang berbahasakan bahasa inggeri. Oleh itu, korbankan sedikit maruah, dapatkan dulu ilmu yang diperlukann kita dari mereka, sebelum kita boleh berdiri sendiri dan gah di hadapan dunia.

Secara kesimpulannya, saya rasa keputusan Tun ini bukan untuk menjatuhkan bangsa melayu, tetapi langkah pertama dalam satu perjalanan yang jauh bagi mecapai visi memartabatkan bangsa melayu dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan berpotensi tetapi telah mencapai potensinya.

Terima kasih.

Regards,
Living Malay
By wirawati on August 19, 2008 5:08 PM

Salam semua,

Well, I'm damn agree!Tapi, malangnya, ramai berfikiran sempit. Contoh terbaik, iklan berkenaan NST, mendapat komen (Ruangan Forum - Utusan Malaysia, tak ingat tarikhnya), kononnya tak suka iklan merendah-rendahkan martabat bahasa melayu. Nasib baik ada yang menjawab, Dr Gunawan, iklan itu bukan berniat merendah-rendahkan bahasa melayu, tetapi menggalakkan kita belajar bhs Inggeris kerana ia bahasa dunia. Apa punya sempit fikiran, hanya kerana belajar bahasa Inggeris dikatakan merendahkan martabat bahasa ibunda.

Susah kalau ada Melayu yang tidak mahu maju, tapi menyalahkan orang lain. Dikebanyakan pusat pengajian yang saya pergi untuk sesi ceramah, boleh dikatakan majoriti anak Melayu kurang mahir berbahasa Inggeris, segelintir sahaja.
By ahzimAuthor Profile Page on August 20, 2008 12:52 AM

Assalamualaikum ayahandaku, Tun.

Saya tahu subjek ymang diperkatakan ialah tentang Bhs Inggeris. Jadi sbulum saya memulakan bicara, saya ingin minta maaf kpd semua pihak atas penggunaan Bhs Melayu dalam comment saya ini.

Saya memang bersetuju 100% penggunaan Bhs Inggeris dalam sistem pengajaran & penbelajaran (P&P) khususnya dalam subjek sains dan matematik di sekolah.

Apa yang nak saya katakan di sini, saya tidak rasa bhw murid atau plajar yang ingin menukar sistem ini. Tetapi apa yang saya rasa, sebenar nya ibu bapa lah yang ingin menukar sistem ini atas sebab anak mereka tidak cemerlang dalam pembelajaran. Sedang kan ibu bapa tidak tahu anak-anak ini tidak mendapat perhatian yang sepenuhnya drpd mereka sendiri. kesedaran anak-anak juga memain kan peranan yang penting sekiranya kita ingin berjaya. Siapa lg yang perlu memupuk kesedaran ini klau bkn dr rumah. Ini tidak, anak2 bru gagal skali ibu bapa ingin mempersalahkan orang lain.

Bukan saya ingin mempersalah kan orang lain. Saya juga seorang anak dan masih mempunyai ibu bapa. Saya tlah lalui sistem yang tlah di cadang kan oleh ayahanda ini tapi saya tidak rasa sistem ini boleh membantutkan pemikiran anak-anak dan saya juga tidak rasa sistem ini dapat menjatuhkan anak-anak.

Tetapi ini lah reality nya. Tak perlu kita ingin memandang terlalu jauh tentang kesan penggunaan Bhs Inggeris ini. Klau kita ingin sistem penggunaan Bhs ini ditukar atas alasan untuk memberi kecemerlangan anak2 di alam persekolahan, pikir lah adakah kita ingin anak2 kita kecundang di alam universiti pula. Sedarlah bahawa penggunaan Bhs Inggeris ini amat luas di alam Universiti. Adakah ini yang kita mahu????

Bayangkan lah, sekiranya murid yang hanya asal dr keluarga yang tidak berkemampuan tetapi masih mampu untuk mengharungi. bukan sahaja dapat mengharungi bah kan berjaya lagi tu.

Saya menggunakan perkataan "kita" kerna saya tahu bila saya gunakan perkataan ini, saya dapat mendekati apa yang boleh di bayang kan oleh ibu bapa selepas mereka membaca apa yang saya bicarakan.

Sblum saya akhiri kata2 saya, saya ingin minta maaf sekiranya ada pihak yang terasa atau terguris hati nya. Apa yang dikatakan ini adalah reliti kehidupan kita yang perlu kita ubah untuk memajukan diri dan apa yang dilakukan oleh pemimpin2 kita yang terdahulu khusus nya ayahanda kita, Tun Dr Mahathir, pasti ada sebab nya dan pasti akan memberikan faedah masa panjang. Mungkin kita tidak nampak skarang tapi cuba kita intai masa depan kita sama ada dengan penggunaan Bhs Inggeris dalam subjek sains dan matematik ini dapat membantu anak2 anda semua atau tidak......
By fira on August 20, 2008 2:55 AM

Salam ayahanda Tun.

Saya bersetuju Math & Science diajar dalam English namun terus terang saya katakan saya sedih dengan prestasi anak-anak Melayu sekarang akibat pengajaran Math & Science in English. Malang sungguh bagi anak-anak Melayu (sekolah rendah terutamanya) terutama di kampung-kampung & pendalaman-pendalaman. Mereka menjadi mangsa keadaan yang mereka sendiri tidak mengerti. Sudahlah mereka jauh daripada kemudahan yang serba lengkap, guru-guru di sekolah-sekolah kawasan tersebut pun umpama 'mengajar nak tak nak je...'. Yelah...orang kampung katakan... Tidak sehebat orang bandar.

Melihat situasi ini, saya fikir lebih selamat Math & Science diajar dalam bahasa Melayu. Bahasa Inggeris sudah tentulah akan diajar sebagai satu subjek teras. Namun, saya mengharapkan, akan wujud sebuah tutorial atau kelas tambahan untuk pelajar mengenal istilah-istilah sains & matematik serta konsep-konsep asas sains & matematik. Pasti mereka boleh lebih cemerlang dan maju jaya.
By atie70 on August 20, 2008 7:00 PM

Pengajaran sains dan matematik boleh dijalankan di semua sekolah sekiranya pelaksanaan merangkumi semua termasuklah di sekolah jenis kebangsaan.Adalah tidak adil apabila pembuat dasar terdiri daripada orang Melayu tetapi menyusahkan bangsanya sendiri.Bertanding biarlah adil.Apa yang lebih malang lagi apabila keputusan peperiksaan diumumkan pencapaian agak memuaskan,ini kerana lembaga peperiksaan akan menurunkan markah kelulusan bagi tujuan mengukuhkan dasar.Realitinya sesiapa yang terlibat dalam pemeriksaan akan tahu.Tujuan Tun baik tetapi pelaksanaan dibuat tanpa kajian dan data-data mencukupi.Apa yang menyedihkan subjek Bahasa Inggeris masih di tahap rendah,tambah lagi subjek sains dan matematik seperti yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran.Jepun maju kerana mereka sangat maju dalam bidang penterjemahan ilmu.Begitu juga dengan Taiwan dan Korea.Bahasa asing bukanlah satu halangan.Sebab itulah bila Jepun buka kilang di Malaysia kita kena tahu cakap Jepun.Bila ke negara mereka lagilah kita kena cakap bahasa mereka.Kegagalan pelaksanaan juga boleh dilihat sebagai kegagalan empowerment.

By Faka on August 20, 2008 8:58 PM

Salam Tun yg dihormati

Saya amat bersetuju dengan pandangan ayahanda Tun tentang kepentingan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.

Cuma pandangan saya, apa yg Ayahanda Tun fikirkan tidak terjangkau oleh mereka yang merancang....yang menyebabkan ia menjadi satu bebanan kepada mereka yang melaksanakan iaitu guru di sekolah dan juga pelajar - pelajar.

Mereka yang merancang....pegawai - pegawai di Kementerian yang berkenaan telah melakukan satu perancangan yang bagi pandangan saya telah menyebabkan apa yang Ayahanda Tun rancang untuk kepentingan bangsa, negara dan agama di perlekehkan dan di pertikaikan akan keberkesanannya.

Mengapa saya berkata demikian? Kerana mereka, pegawai - pegawai ini merancang untuk mengejar pangkat ataupun kedudukan ataupun untuk mengukuhkan kedudukan masing - masing. Mereka bukan merancang untuk bangsa, negara dan agama mereka.

Sekian.
By Taher Buyong PhD on August 20, 2008 11:03 PM

Salam Tun yang dikasihi..

Saya sangat bersetuju dengan tindakan Tun memperkenalkan semula Bahasa Inggeris dalam pembelajaran Sains & Matematik.Saya terkilan kerana Tun tidak mengadakan semula sekolah yang bahasa pengantarnya 100% Bahasa Inggeris.Saya yakin Malaysia jauh lebih maju daripada sekarang sekiranya kita tidak memilih Bahasa Melayu sebagai bahasa Pengantar di sekolah/universiti sedikit masa dahulu.Ilmu tidak terdapat dalam bahasa Melayu tetapi ilmu banyak dalam Bahasa Inggeris,jadi kalau ingin maju,tiada pilihan lain selain Bahasa Inggeris.Kita belum jauh ketinggalan jika kita hendak berpatah balik dan adakan semula sekolah dengan bahasa pengantar Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya untuk memberi peluang kepada orang-orang yang ingin memajukan diri & negara.Saya bercakap berdasarkan pengalaman sebagai pensyarah universiti & penyelidik selama 30 tahun.Penyelidik berkelulusan Sarjana Muda & Sarjana tidak dapat memahami ilmu dalam kertas kerja penyelidikan dan buku teks yang rata-ratanya ditulis dalam Bahasa Inggeris.Selepas 20 kali membaca cuma 20% sahaja isi kandungannya yang dapat difahami.Begitulah teruknya penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan graduan kita sekarang.Bagaimana kita ingin terus maju jika perkara ini berterusan?Tidak terdapatnya ilmu dalam bahasa melayu berpunca dari kita sendiri juga.Pentadbir universiti mementingkan kertas penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan diterbitkan di High Impact Journal semata-mata bertujuan menaikan taraf universiti mereka dalam ranking dunia tetapi yang mendapat ilmu itu ialah mereka-mereka yang fasih berbahasa Inggeris (bukan orang Malaysia)tetapi anak malaysia yang kurang fasih berbahasa Inggeris tidak dapat apa-apa kerana mereka tidak memahami isi kandungan penyelidikan tersebut.Saya minta maaf jika saya menyinggung perasaan sesetengah pihak.

Renung-renungkan lah...
By meris on August 21, 2008 10:51 AM

Salam buat Tun M,
Saya terlibat sepenuhnya dengan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam B.Inggeris (PPSMI) diluarbandar, apa yang saya dapati dan alami:
1. Subjek kritikal sekarang adalah Sains dan Matematik setiap kali ujian diadakan peringkat sekolah (soalannya dalam B.Inggeris). Peratus lulus bertambah jika soalannya dwibahasa. Sebelum perlaksanaan PPSMI subjek sains bukan subjek kritikal kecuali subjek B.inggeris dan Matematik
2. Sejak pelaksanaan PPSMI peratus kelulusan dalam B.Inggeris meningkat dan peratus kelulusannya adalah lebih baik daripada subjek Sains dan matematik
3. Guru-guru Sains dan Math terpaksa mengajar dalam B.Inggeris untuk memenuhi dan melaksanakan dasar dan juga Bahasa Melayu untuk memahamkan sesuatu konsep kepada pelajar. Guru-guru Sains

dan Matematik tugasnya amat berat bagi mereka yang betul-betul mahu melaksanakanya. Kebanyakan pelajar-pelajar luar bamdar kurang motivasi untuk belajar ia bergantung seratus peratus kepada guru. Sekiranya guru itu seorang yang berdedikasi dan sanggup berkorban masa dan tenaga insyaallah peratus kelulusan subjek itu akan cemerlang dan sebaliknya.
4. Pengalaman saya selama 20 tahun bertugas diluar bandar ( dan memang asal luar bandar) guru yang opsyen B.Inggeris tidak pernah melebihi 2 orang bagi sekolah yang bilangan pelajar hampir 800 orang. Akibat pertukaran keluar masuk kadang-kadang tiada langsung guru opsyen B.Inggeris . Kedatangan mereka pula tidak melebihi 3 tahun. Biasanya guru BI mereka ini adalah orang bandar dan mereka tidak selesa tinggal diluar bandar walau pun kemudahan api air telefon semuanya mencukupi.Inilah masalah yang sebenarnya dihadapi oleh pelajar-pelajar luar bandar kekurangan guru opsyen BI yang berdedikasi untuk memajukan mereka.Cadangan saya pada Kementerian Pelajaran supaya dapat mengambil mereka yang datang dari luar bandar untuk dilatih menjadi guru BI walaupun kelulusan mereka agak kurang berbanding mereka yang berasal dari bandar, sekiranya pihak kementerian mahu masalah ini diatasi yang sekian lama menjadi barah dalam dunia pendidikan luar bandar
Walau apapun , alhamdulillah anak-anak saya walaupun sekolah diluar bandar mereka turut cemerlang dalam pelajaran mereka. Prinsip saya apa-apa yang kita lakukan kita mesti ikhlas demi agama bangsa dan negara kita. Hanya Allah saja yang dapat menilai segala usaha kita bukannya manusia.
Akhir kata buat Tun, semoga Allah akan merahmati dan memberkati segala usaha yang Tun lakukan dalam memajukan negara Malaysia. Hanya Dia Yang Maha Mengetahui niat kita melakukan sesuatu.
By ain_mostito on August 21, 2008 2:18 PM

Saya sokong sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris, tak semestinya kita sebagai orang melayu kena berbahasa melayu sahaja. kalau begitu sampai bila pun kita takkan maju, tak dapat nak berdiri di atas kaki sendiri. melayu itu bukanlah hanya pada bangsa, islam juga bukanlah hanya sebagai agama sahaja..semuanya terletak dihati, takkan melayu hilang di dunia walau kita belajar bahasa apa sekali pun..jangan lah menjadi terlalu kolot sehingga tidak boleh menerima perubahan..Saya doakan moga kesihatan Tun di dalam keadaan yang baik, semoga Allah sentiasa memberkati setiap apa perkara yang Tun lakukan utk negara Malaysia yang amat saya cintai ini. Walaupun saya baru berumur 22 tahun, tetapi saya faham apa erti kemerdekaan yang sebenar.
By sthedwig on August 22, 2008 1:37 AM

Referring to one of the comments "make it compulsory for Science and Maths teacher to improve their English"

You know, language takes time. Making it compulsory wouldn't make these teacher's proficiency level go up overnight. The fact that the policy (ETeMS) is implemented without detailed and careful planning makes it hard for everyone, especially teachers. They simply haven't been given enough time or training.

Even proficient teachers could find it hard to do ETeMS. Give some credit to our teachers.

I'd also like to comment on the comment made by pencetak sinar. Children can actually learn a second language and content at the same time. ETeMS could actually be very beneficial for students to learn English. Again, it depends a lot on the teachers. Math and Science is actually a vehicle for English mastery. But a lot of it will depend on the teacher.

Try to put yourself into the teacher's shoes. I think teachers need to be given the focus here. More initiative should be done for teachers, especially in terms of training and professional development. And also, listening to what teachers have to say. Reading the comments, I'm not sure if there are any teachers saying anything. I think a lot are doting parents or people with no kids. Are teachers' voice being heard?

That's all I have to say.

Well done the teachers of Malaysia! Thank you for soldiering on despite all the uncertainties.
By mahendran on August 22, 2008 1:52 PM

Tun,

You know we should not change our education system the last time from English Medium to Malay medium. If we had not done that.. by now every malaysian won't be facing this problem. Actually the one is complaining in not the students but the parents. If you ask my daughter now in Form 2 she said... yes at first learning Maths and Sains in English in tough.. but now she doing fine ( Std 1 - Std 6 all in Malay Medium). Yes the children just doing fine but the parents only dont understand it. Please continue teaching in English don't keep on changing our Education system its only making our kids to suffer.
By Redzuan Ibrahim on August 23, 2008 12:23 PM

Salam

Tahniah Tun.. Saya percaya Tun adalah negarawan yang patut dicontohi. Saya bangga ada anak Melayu seperti Tun di Malaysiani. Jasa dan pemikiran Tun terhadap negara tak terbilang banyaknya takkan saya lupakan seperti sebilangan yang lain. Saya juga sedih dengan apa yang berlaku pada masyarakat Melayu hari ini. Disanjung hanya bila berkuasa. Percayalah biar dimanapun Tun berada, hanya Tun reformis bangsa sebenar di hati saya. Semoga Allah akan kurniakan kesihatan yang baik dan saat yang berbahagia dalam kehidupan Tun seharian. Terima Kasih Atas Segala Jasa Yang Tun Curahkan Terhadap Kami Anak Bangsa Selama Ini. Terima Kasih Tun.
By oghekito on August 23, 2008 12:58 PM

salam
bg sy pembaharuan perlukan pengorbanan,manis & perit mengiringinya.baik utk anak kota,buruk utk anak desa.

"Kalau tak berani melangkah,kita takkan kemana-mana"

doa dipanjatkan semoga semua dilimpahkan rahmat dariNya
By whalim on August 23, 2008 8:00 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya 100% bersetuju dengan pembelajaran Bahasa Inggeris dalam pelajaran Sains dan Matematik. Saya bimbang kalau kita tidak mulakan dan laksanakannya sekarang, bangsa kita akan terus ketinggalan
By aeda on August 24, 2008 6:07 PM

Dear Tun,

It's such a great idea in heading a new agenda in our education system. As I'm one of the Malay ex-student in our local university, I can really understand the problem in our Malay communities. The difficulty in conversing in English. My friend dropped out from uni as she's scared of teaching Mathematics in English. And I think our communities need not be in comfortable zone like we used to be and taking this as a challenge to compete with other races and chin up for possibilities in other contries (venture or invest in other countries will need us to communicate in English).And nowadays I can really see the importantance of English as now I'm working in private sector and doing part time study in Masters Degree.
By lynnAuthor Profile Page on August 24, 2008 6:46 PM

Akum Tun,

I dont have any problem with Science and Maths taught in English. In fact I think it is necessary. Come on people for those who dissagree. Come job search it is a very big problem for the Malays to get job. English is a must since it is a global language. Like my late father (who use to be in the same school with u tun) said BM can only reach Johor once u cross over to Singapore u will have to speak in English. It doesnt mean u speak English u are not Malaysian. Because we are Malaysian then we should be able to be versatile in different language. We are a very small country (to those who speaks too much about being TOO MALAYSIA, try looking us up in the world map and see how small we are). Being small we

have to work harder to be recognised and acceptable.

Its just like being in school if u r small then u get bullied most of the time.But once u r someone, everyone look up and respect u. Just use that simple methodology and think out of the box people. We have come a long way in independence to just sit back and be spoon fed with all things. When Tun implemented this he was just asking u to learn science n mathematics in English NOT ASKING U TO BE A MAT SALLEH. Grown Up Malaysian!!!

Dont be such a baby. Have u ever wondered what a chinese man was talking whenever they stand beside us? Have u ever wondered. For all u know they would be something not pleasant about u and u dont even know what. Learning a third language is also good. U get good jobs. Better salary and faster promotions. I dont mind sending my son to a chinese school. Their syllabus is just like any school except they speak chinese. They learn English too. Do u know our top mufti can speak better English than any Malay People out there? Go test him.

I have to agree with a writer on this column we are lazy. TOO LAZY ACTUALLY. Do u know how much we have lost out being such a pain in the butt by being so negative. U complaint about this and that. There are so many ways to improve. U can improve the government then take the iniative to improve yourself and take what opportunity there is. Take the risk. U questions why the chinese and indians are doing better than us. Do u know that they are not being pampered at all by government? Do u how they survived? They learn the hardway they did it on their own with no help that is the reason why they can are BIG in anything they do.

Just a simple thing like learning Science and Mathematic in English is so hard for all of us to learn while at this moment we are learning the hardest thing to do...living our lives peacefully till our last breath.

Think people Think. Tun sorry but this is a forum. If u do get to read this, u may have faults (nobody is perfect) but u have done good things for Malaysia. We wont be on the map if it was not for u. Thanks sincerely.